

**Jilid 1
Bil. 75**



**Hari Selasa
27hb Oktober, 1987**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12473]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 12528]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 12528]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

- Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

Yang Berhormat PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 27hb Oktober, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan
D. P. Vijandran):** Yang Berhormat
Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

*(Soalan No. 1 Y.B. Datuk Haji
Sakaran bin Dandai tidak hadir).*

**PENDATANG HARAM—
KAWALAN KEMASUKAN**

2. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam
Negeri menyatakan:

- (a) bagaimana Kerajaan yang
menuntut bahawa ia
mempunyai segala kebolehan
untuk mengawal pantai dan
perairan kita tidak dapat
mematah kemasukan
pendatang-pendatang haram
Indonesia yang dengan
senangnya mendarat di
beberapa tempat di Pantai
Barat Semenanjung Malaysia
dan memasuki tanahair kita;
- (b) mengapa pihak polis telah
membenarkan pendatang
haram ini mendirikan
kampung sendiri sepertimana
dimaklumkan baru-baru ini
telah berlaku di Negeri
Sembilan; dan

(c) jenis tindakan yang akan
diambil oleh Kementeriannya
untuk memastikan negara
kita bebas daripada ancaman
pendatang-pendatang haram,
khususnya daripada
Indonesia dan Filipina.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri
(Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):**
Tuan Yang di-Pertua, bila kita
bercakap mengenai pendatang haram
di negara ini selalu sangat kita
tertumpu kepada pendatang haram
Indonesia. Ini adalah kerana
pendatang-pendatang haram
Indonesia yang loghatnya senang
dikenalpasti sebagai orang Indonesia.
Tetapi pendatang-pendatang haram
dari kaum-kaum lain yang datang dari
Hong Kong, India dan Sri Lanka,
umpamanya, adalah sukar untuk
dikenalpasti kerana bahasa yang
digunakan oleh mereka ialah juga dari
bahasa yang digunakan oleh kaum-
kaum yang sama yang kini menjadi
warganegara Malaysia.

Kemasukan pendatang-pendatang
haram sebenarnya bukanlah satu
masalah yang dihadapi oleh Malaysia
sahaja. Malah negara-negara maju
seperti Amerika Syarikat dan Hong
Kong juga menghadapi masalah
kemasukan pendatang-pendatang
haram. Kementeriaan Dalam Negeri
sentiasa mengambil tindakan yang
bersungguh-sungguh dan tegas untuk
mengesan, menangkap, mendakwa

dan mengusir semua pendatang-pendatang haram yang memasuki negara ini. Di samping itu, Kementerian Dalam Negeri juga telah mengetatkan lagi rondaan di kawasan-kawasan sempadan daratan dan perairan Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan-jabatan lain yang berkaitan.

Negara Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai pantai atau, dengan izin, "coastline" yang panjang. Di samping itu, pantai Malaysia mempunyai hutan bakau dan paya yang sukar didekati oleh pihak peronda-peronda Kerajaan. Sempadan daratan negara ini pula diliputi oleh hutan belantara yang tebal. Keadaan ini menyulitkan tugas kawalan dan rondaan oleh pihak Kerajaan. Pada hakikatnya, kesulitan topografi inilah yang membolehkan sebilangan kecil pendatang tanpa izin Indonesia memasuki negara ini. Namun demikian, tanda-tanda menunjukkan bahawa segala usaha Kerajaan telah berjaya mengurangkan kemasukan pendatang-pendatang haram Filipina ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis tidak ada kuasa dan juga tidak pernah membenarkan mana-mana orang, termasuk pendatang-pendatang haram, mendirikan rumah di atas mana-mana tanah di negara ini. Kejadian yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu sebenarnya ialah berkaitan dengan sekumpulan setinggan yang mencero bohi tanah milik Kerajaan di Batu 9, Jalan Port Dickson, Negeri Sembilan. Setelah disiasat, adalah didapati bahawa setinggan-setinggan berkenaan itu bukanlah pendatang tanpa izin dari Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan tadi, Kementerian Dalam Negeri sedang mengambil tindakan yang tegas untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang

tanpa izin dari Indonesia dan cara mengetatkan lagi rondaan di kawasan perairan Malaysia. Di samping itu, tindakan-tindakan serbuan juga diadakan untuk menangkap pendatang-pendatang tanpa izin ini di tempat-tempat pendaratan, di tempat-tempat pekerjaan atau di kawasan penginapan mereka. Pendatang-pendatang tanpa izin Indonesia yang ditangkap itu diusir dari negara ini.

Selain dari itu, Kementerian Dalam Negeri juga mendakwa orang-orang yang didapati bersubahat dengan pendatang-pendatang tanpa izin itu. Pada hemat Kementerian Dalam Negeri, tindakan yang sedang diambil sekarang akan dapat mengurangkan dan seterusnya menyekat kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin Indonesia ke negara ini. Pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri dapat mengawal masalah ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapa ramaikah jumlah pendatang haram keturunan Cina dan juga India, terutamanya yang datang daripada Taiwan, Hong Kong, Sri Lanka ataupun yang lain-lain. Sekiranya kedapatan, apakah tindakan-tindakan terhadap mereka ini?

Soalan kedua, apakah benar terdapat satu sindiket yang dimainkan oleh rakyat Malaysia keturunan Cina terutamanya membawa masuk pendatang-pendatang haram ke negara ini dan mereka menggunakan pasport orang-orang yang telah mati untuk berbuat demikian. Jika benar, sila nyatakan sindiket itu dan kalau tak tahu tentang sindiket itu, bolehkah dinyatakan tindakan-tindakan untuk mencari sindiket-sindiket yang berkenaan?

Soalan yang ketiga, berapa ramaikah orang-orang Kristian Filipina yang menjadi pendatang haram di Sabah

terutamanya, dan apakah langkah-langkah Kementerian bagi memastikan bahawa orang-orang Kristian Filipina itu tidak masuk secara haram di Sabah?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang Berhormat, bilangan pendatang-pendatang tanpa izin, selain daripada pendatang-pendatang tanpa izin dari Indonesia, pada tahun 1987 yang telah diusir ialah:

Thailand	3,314
Burma	545
Sri Lanka	13
Bangladesh	19
India	12
Pakistan	17
Singapura	10

dan tangkapan itu tidak dapat dijalankan dengan lancar oleh kerana adalah sukar untuk mengenalpasti orang-orang itu kerana bahasa dan juga cara hidup mereka adalah sama dengan setengah daripada penduduk di negara ini.

Soalan yang kedua tentang sindiket yang membawa mereka, memang ada laporan-laporan yang telah dibuat kepada pihak Kementerian dan Kementerian sedang mengkaji dengan teliti tentang perkara ini adakah ia benar-benar berlaku.

Perkara yang ketiga, oleh kerana Kerajaan Negeri Sabah sedang menjalankan bancian tentang pendatang haram di Sabah, sama ada Kristian, Islam sama ada dari Indonesia atau Filipina, maka tidaklah dapat saya memberikan keterangan kerana bancian itu masih lagi berjalan.

Tuan Teoh Teik Huat: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapakah bilangan pendatang-pendatang haram dari Indonesia yang dihantar balik ke negara asal mereka setakat ini dan

berapakah bilangan pendatang-pendatang haram Indonesia juga yang didakwa di mahkamah kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Yang ketiga, berapakah bilangan pendatang haram yang telah diberi status tetap dan status kewarganegaraan, jika ada, dan berapakah anggaran bilangan pendatang haram, angka-angka dari Indonesia yang ada di negara ini sekarang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pendatang tanpa izin dari Indonesia yang telah ditangkap dan diusir seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Ditangkap</i>	<i>Diussir</i>
1985	14,277	12,852
1986	13,332	10,938
1987	10,093	9,321

yang lain-lain ada perbezaan antara tangkapan dan yang diusir itu ialah kerana ada daripada mereka itu yang telah melakukan jenayah dan didakwa. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dapatlah mencampur dan menolak, keadaan yang sedemikian.

Tentang berapakah ramai warganegara Indonesia yang telah diberikan taraf warganegara, kita tidak menentukan dari mana satu-satu kaum itu yang telah menjadi warganegara. Apa yang penting ialah apabila mereka memohon dan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang, maka mereka layak menjadi rakyat Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Mohammed Yusof bin Abdul Latiff.

Tuan Mohammed Yusof bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan itu dijawab, ada perkataan

yang tersalah cetak iaitu pada baris yang keempat, "selaras dengan penerangan nilai-nilai Islam", sebenarnya "selaras dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam". Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 3.

SEMINAR MEDIA MASSA RTM

3. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff minta Menteri Penerangan bercadang untuk mengadakan "Seminar Media Massa" yang terdiri daripada cerdik pandai Islam dari seluruh negara bagi membincangkan program Radio dan Televisyen menurut kaca mata Islam serta selaras dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, penerbitan program-program TV dan Radio sentiasa mengambilkira dasar-dasar Kerajaan mengenai dasar penerapan nilai-nilai Islam. Kementerian Penerangan selalu berhubung rapat dengan Bahagian Hal-ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri untuk mendapat nasihat, mengenalpasti masalah, berbincang dan menghadiri seminar dan simposium bagi mendapat maklumbalas dan perkembangan-perkembangan yang berfaedah untuk rancangan-rancangan agama.

Di samping itu, Kementerian Penerangan sendiri mempunyai Bahagian Agamanya sendiri yang bertanggungjawab menerbitkan program-program agama Islam dan juga dapat memberi nasihat tentang hal-hal keagamaan yang disentuh di dalam program-program yang lain keseluruhannya.

Oleh yang demikian, buat masa ini, Kementerian Penerangan tidak

merancang untuk mengadakan seminar media massa secara khusus seperti yang disarankan itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi, beliau ada menyebut bahawa beliau sentiasa dapat nasihat daripada Jabatan Perdana Menteri tentang program-program TV. Saya hendak bertanya Yang Berhormat sebagai seroang ahli agama, adakah Yang Berhormat berpuas hati dengan program-program yang pada pandangan saya tidak menepati dengan penerapan nilai-nilai Islam.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan soalan itu.

Sebenarnya, kalau ditanya dari segi puas hati, memang saya sendiri dan juga Menteri sendiri pun masih banyak perkara yang belum puas hati segala program-program yang ditayangkan di rancangan TV kita hari ini, dan di atas asas tidak puas hati itulah maka kita dari semasa ke semasa sentiasa menerima pandangan dan teguran yang ikhlas daripada orang ramai dan sentiasa memperbaikinya dari semasa ke semasa.

Tuan Ngoi Thiam Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara kita adalah negara yang berbilang agama dan berbilang bangsa, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu berapakah bilangan "air time", dengan izin, iaitu masa siaran bagi setiap agama seperti agama Hindu, agama Buddhist, agama Kristian dan juga agama Sikh—berapa program-program yang mempunyai bahasa, air time.

Tuan Shahidan bin Kassim: Object, object.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat hendak apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalan ini tidak boleh ditanya, ini fasal agama, sensitif.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak—Ahli Yang Berhormat minta waktu siaran sahaja, air time sahaja.

Tuan Ngoh Thiam Ho: Duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kampar, jangan buat begitu.

Tuan Ngoh Thiam Ho: Jika masa siaran untuk agama-agama lain tidak ada pada masa sekarang, bolehkah beliau merancang pada masa akan datang untuk memasukkan program-program keagamaan yang lain dalam siaran Radio dan TV?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita harus menerima hakikat bahawa Perlembagaan kita telah pun menetapkan bahawa agama Islam adalah Agama Rasmi (*Tepuk*) dan hakikat itu harus diterima oleh semua mereka yang menamakan dirinya sebagai rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian, kita tidak bercadang untuk memberikan tempat, air time kepada agama-agama lain selain daripada agama Islam.

PEGUAM DILANTIK SEBAGAI MAJISTRET

4. **Datuk Bernard Giluk Dompok** minta Menteri Kehakiman menyatakan bilangan peguam-peguam tempatan yang dilantik sebagai Majistret Pendaftaran di Sabah, dan langkah-langkah yang diambil untuk memujuk mereka supaya terus

berkhidmat dengan Kerajaan; serta bilangan peguam-peguam tempatan yang telah meletakkan jawatan untuk menyertai sektor swasta tahun-tahun kebelakangan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, terdapat dua orang Hakim Mahkamah Sesyen, 5 orang Majistret dan seorang Penolong Kanan Pendaftar di Sabah yang telah dilantik dari kalangan peguam tempatan yang berjumlah kesemuanya 8 orang.

Selaras dengan dasar Kerajaan sekarang, pegawai undang-undang di Sabah ini menerima galakan, dengan izin, incentive dalam bentuk syarat-syarat perkhidmatan yang sama dengan pegawai-pegawai perkhidmatan awam dalam Kumpulan "A" yang lain.

Bilangan mereka yang telah meletakkan jawatan sejak kebelakangan ini adalah seperti berikut:

	Tahun	Bilangan
1980	1
1981	1
1982	3
1983	—
1984	1
1985	1
1986	1
1987 (sehingga Oktober)		2
Jumlah	..	10

KESAN BAS PELANCONGAN

5. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah kesan baik dan buruk atas cadangan Bas Pelancongan dari negeri jiran dikenakan singgah di

dalam Malaysia sekurang-kurangnya satu hari apabila permit kemasukan dapat dikeluarkan.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, syarat mengenakan supaya bas pelancong yang singgah di negara ini tinggal sekurang-kurangnya satu hari adalah untuk memastikan supaya negara mendapat faedah daripada pelancong-pelancong yang datang dengan bas-bas berkenaan.

Pelancong-pelancong akan berbelanja dan mereka juga akan menggunakan perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di negara kita seperti hotel dan sebagainya. Ini akan secara langsung menyumbangkan kepada pendapatan pertukaran mata wang asing kepada negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, syarat ini dikenakan kepada bas-bas pelancong dari negeri Thai dan tidak ada apa-apa kesan buruk yang timbul daripada syarat ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri maklumkan berapa banyakkah bas yang masuk tiap-tiap hari ataupun mungkin tiap-tiap bulan melalui sempadan?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat boleh memberi jaminan bahawa mereka itu berbelanja di negara ini dan bukan orang negara ini berbelanja untuk beri kepada mereka. (Ketawa)

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bilangan bas yang masuk ini berbeza dari hari ke hari tertakluk kepada musim dan juga tertakluk kepada hari tertentu—pada kebiasaannya lebih banyak pada hari percutian. Malangnya saya tidak ada angka yang tepat. Saya akan beri

secara bertulis sekiranya Yang Berhormat berkehendakkan angka yang tepat.

Berkenaan dengan memastikan supaya kita berbelanja dan bukan mereka berbelanja ataupun sebaliknya ini sebenarnya kalau bas itu datang ke Malaysia memanglah mereka akan berbelanja di sini. Soal banyak sedikit itu cerita lain. Tidak mungkin kita berbelanja di negeri Thailand kalau sekiranya bas itu datang ke Malaysia kecuali kita pergi ke sana. Dan kalau kita pergi ke sana, itu saya tidak tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.

Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan ini, ada dua perkataan tertinggal dalam soalan (b) iaitu selepas “dengan adanya. . . .” tambah dua perkataan lagi “pengisytiharan itu “menjadi”,. . . . dengan adanya pengisytiharan itu”.

Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6.

LANGKAWI SEBAGAI PELABUHAN BEBAS CUKAI

6. Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejak Langkawi diisytiharkan sebagai kawasan bebas cukai berapa banyakkah kes-kes penyeludupan yang telah dikesan dan berapakah jumlah nilai dan jenis barangan yang ditahan, dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menumpaskan kegiatan penyeludupan dan barang-barang tiruan; dan

- (b) apakah faedah-faedah dan kemudahan-kemudahan yang dapat benar-benar dinikmati oleh penduduk-penduduk Langkawi dengan adanya pengisytiharan itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, sejak Langkawi diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai, sebanyak 17 kes penyeludupan telah pun dikesan. Jumlah dan jenis-jenis barang utama yang ditahan adalah seperti berikut:

<i>Jenis Barang</i>	<i>Kuantiti</i>	<i>Nilai Barangan</i>	<i>Nilai Cukai</i>
1. Minuman Keras	106 botol	\$4,474.00	\$2,939.10 sen
2. Rokok Putih	1,346.50 karton	\$17,540.00	\$18,835.76 sen
3. Rokok Kretek	465 karton	\$5,552.20	\$8,108.37 sen

Tindakan-tindakan yang diambil oleh Jabatan Kastam untuk menumpaskan penyeludupan adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan rondaan laut di kawasan perairan di antara Langkawi dan kawasan utama Kastam dengan menggunakan lanci dan bahtera;
- (ii) menempatkan unit anjing di lapangan terbang Langkawi bagi mengesan penyeludupan dadah;
- (iii) mengadakan rondaan bersama antara Kastam Malaysia dan Thailand bagi maksud mengawal perairan di antara Langkawi dan Selatan Thailand;
- (iv) mengadakan sekatan jalanraya;
- (v) menjalankan penyiasatan rapi dari masa ke semasa ke atas stok-stok pengimport utama barang-barang yang menjadi kegemaran penyeludup;

- (b) Faedah-faedah yang boleh diperolehi dengan penumbuhan pelabuhan ataupun pengisytiharan pelabuhan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) dengan pengisytiharan Pulau Langkawi sebagai

pelabuhan bebas cukai adalah dijangka akan mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan pulau tersebut. Terpulanglah kepada rakyat tempatan iaitu rakyat Langkawi untuk merebut peluang-peluang yang sedia ada;

- (ii) rakyat tempatan menikmati harga barang-barang murah kerana barang-barang yang dibawa masuk tidak tertakluk kepada sebarang cukai.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak pengisytiharan Langkawi menjadi pelabuhan bebas cukai sebanyak manakah barang-barang bebas cukai yang ada di Langkawi. Apakah sekadar arak, rokok dan barang-barang memabuk sahaja yang melimpah-ruah di Pulau Langkawi yang dibebaskan cukai? Dan saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat senaraikan barang-barang yang kini sudah menjadi bebas cukai di Pulau Langkawi.

Soalan yang kedua, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menganggap bahawa dalam tempoh atau tahun berapakah benar-benar Langkawi akan makmur dengan statusnya sebagai pelabuhan yang bebas cukai?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama agak sukar hendak dijawab secara terperinci. Sekiranya Yang Berhormat bersabar saya boleh memberi senarai itu jika Yang Berhormat ingin sepenuhnya pada masa yang akan datang ataupun secara bertulis. Kalau hendak tahu secara am bolehlah saya beri, tetapi saya telah pun baca tadi sedikit sebanyak.

Mengenai soalan yang kedua, manusia mana yang boleh menentukan kemakmuran sesuatu negara itu daripada perancangannya, hanya Allah s.w.t. sahaja yang tahu. Tetapi jika Yang Berhormat boleh meneka dengan tepat saya memang pun menerima teguran-teguran Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun rancangan adalah untuk membawa kemakmuran kepada pulau itu, itulah tujuan ikhlasnya.

JALAN DI KAWASAN KUALA KRAI— MENAikkan TARAF

7. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kerja Raya menyatakan dalam kawasan Parlimen Kuala Krai, terdapat banyak jalan-jalan telah diambil oleh pihak JKR serta dinaikkan taraf seperti jalan Temangan/Kuala Nal, Batu Bala/Mengkebang, Sg. Sok/Chuhoh Putri/Lata Rek, Sg. Durian/Chenulang.

Jalan-jalan ini berada dalam keadaan yang tidak baik serta jarang sekali diperbaiki. Keadaan ini menyulitkan rakyat terutama di

musim-musim tengkujuh. Bilakah pihak Kementerian berkenaan akan memperbaiki jalan-jalan ini dan ditarkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, jalan Temangan/Kuala Nal, Batu Bala/Mengkebang, Sg. Sok/Chuhoh Putri/Lata Rek, Sg. Durian/Chenulang merupakan jalan-jalan negeri di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Kelantan. Saya difahamkan oleh kerana ketiadaan peruntukkan kerja-kerja menaikkan taraf jalan tersebut tidak dapat dilakukan buat masa ini.

KESALAHAN INSIDER TRADING

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah orang-orang yang didakwa dan disabit salah setakat ini kerana melakukan kesalahan "insider trading" dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur, apakah langkah-langkah kawalan dan perlindungan yang diambil untuk mencegah berlakunya "insider trading" dan keadaan kegiatan-kegiatan broker stok mereka.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini masih belum ada sesiapa pun yang didakwa kerana kesalahan "insider trading", dengan izin, di pasaran saham. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Syarikat 1965 adalah didapati memadai bagi mengawasi urusan sekuriti.

Pihak-pihak yang bertanggungjawab iaitu Pendaftar Syarikat selaku Pendaftar di bawah Akta Perindustrian Sekuriti dan Jawatankuasa Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) adalah sentiasa mengawasi dengan rapi

perjalanan dan kegiatan KLSE bagi mencegah penyelewengan dan amalan-amalan tidak sihat seperti kegiatan "insider trading", dengan izin, yang boleh menyebabkan kerugian kepada pelabur-pelabur khususnya pelabur-pelabur kecil dan menjejaskan kewibawaan pasaran modal.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perindustrian Sekuriti memberi kuasa yang jelas dan nyata kepada Pendaftar Syarikat untuk mengawasi aktiviti-aktiviti dan amalan-amalan yang tidak sihat.

Akhirnya, sekarang maklumat yang diperolehi dari pengawasan yang dilakukan menunjukkan bahawa tidak ada bukti yang nyata di mana "insider trading", dengan izin, dilakukan oleh mana-mana pihak.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin ketahui apakah langkah-langkah dan juga perlindungan yang lebih spesifik ataupun khusus untuk mencegah "insider trading" oleh golongan yang tidak bertanggungjawab dan apakah hukuman ataupun penalti yang dikenakan sekiranya seseorang itu didapati bersabit kesalahan "insider trading" itu?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang saya berikan tadi adalah jawapan dengan langkah-langkah perlindungan itu yang am sekali. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Gopeng yang ingin tahu langkah-langkah dan perlindungan yang spesifik untuk mencegah "insider trading", saya dengan suka hati menyatakan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dan juga rakyat Malaysia bahawa Kerajaan telah

mengenenakan lima langkah-langkah untuk mencegah "insider trading" iaitu:

- (i) menjalankan pemeriksaan routine ke atas saham-saham broker saham terutama ke atas perniagaan-perniagaan sekuriti yang dijalankan olehnya;
- (ii) mengadakan pengawasan rapi terhadap pasaran sekuriti;
- (iii) telah meminda Akta Syarikat 1965 untuk memaksa mereka yang memegang kepentingan yang substantial untuk mendedahkan kepentingan mereka kepada syarikat dan Bursa Saham Kuala Lumpur;
- (iv) memperkenalkan Kod Malaysia mengenai Pengambilalihan dan Percantuman 1987 yang mengandungi beberapa kaedah-kaedah yang menghendaki pendedahan maklumat-maklumat kepada orang ramai tentang sesuatu transaksi pengambilalihan dan percantuman syarikat.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang terbaru ke atas kehendak-kehendak penyenaian Bursa Saham Kuala Lumpur iaitu KLSE listing requirement, dengan izin, juga telah memperkenalkan beberapa kehendak pendedahan maklumat kepada orang ramai.

Berkenaan dengan penalti yang dikenakan sekiranya seseorang didapati bersalah terlibat dalam "insider trading", Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Perindustrian Sekuriti, jikalau seseorang didapati bersalah, ia akan didenda tidak kurang daripada \$50,000 dan penjara bagi tempoh tidak melebihi 7 tahun.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa tidak ada seorang yang didakwa di bawah kegiatan "insider trading" dan tidak ada bukti bahawa ada "insider trading". Kalau ini benar, bukankah negara kita dan KLSE kita, satu Stock Exchange dan satu negara yang tunggal di dunia di mana tidak ada "insider trading", di mana kita sangat bersih, jujur dan sangat ikhlas. Adakah ini oleh kerana bahawa tidak ada seorang yang didakwa oleh kerana kelemahan undang-undang kita atau kelemahan penguatkuasaan undang-undang kita atau kita semua malaikat dalam Stock Exchange? Kalau begitu, adakah Kerajaan berhasrat untuk pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu, tunjuk teladan semua ini malaikat, atau sebenarnya ada "insider trading" tetapi Kerajaan sudah gagal untuk jaga kepentingan pelabur-pelabur yang kecil? (*Tepuk*)

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham mengapa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak mempunyai keyakinan ke atas Kerajaan kita. Jikalau saya bagi pihak Kementerian Kewangan katakan bahawa Bursa Saham Kuala Lumpur tidak mempunyai apa-apa bukti yang nyata dan jelas supaya seseorang didakwa, bukankah ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita ini adalah cekap dalam bidang ini. (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita ini sedang membangun, ada kemungkinan bahawa Kerajaan kita pun mencapai sesuatu kejayaan yang tunggal sekali di dalam dunia ini. Jadi, untuk menjawab soalan bahagian kedua, saya ingin di sini menyatakan bahawa Kerajaan kita tidak menerima apa-apa komplimen berkenaan dengan "insider trading". Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mempunyai apa-apa bukti, Kerajaan harapkan Ahli Yang Berhormat berkenaan boleh mengemukakan kepada Kementerian

Kewangan atau pihak yang berkenaan secara bertulis dan Kerajaan akan mengambil tindakan.

WARGANEGARA MALAYSIA BERPINDAH KE LUAR NEGERI

9. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan penduduk yang berpindah ke luar negeri antara 1980-1986;
- (b) jenis profesion golongan yang berpindah; dan
- (c) sebab-sebab mereka berpindah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, warganegara Malaysia yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan dibenar memasuki mana-mana negara lain adalah bebas untuk keluar meninggalkan negara ini bagi apa jua tujuan. Kerajaan tidak dapat meninjau apa yang tersirat dalam hati seseorang yang keluar meninggalkan negara ini.

Kerajaan hanya mengawasi dan mengawal kemasukan orang-orang ke negara ini sama ada seseorang itu adalah orang asing atau warganegara Malaysia. Bagi seorang warganegara Malaysia yang hendak memasuki semula negara ini, ia hendaklah memberi bukti bahawa ia adalah seorang warganegara dengan menunjukkan dokumen perjalanannya.

Perjalanan warganegara-warganegara Malaysia ke luar negeri tidak dihiraukan sangat oleh Kerajaan, kecuali mereka hendak melawat negara-negara yang ditegah dan ingin balik semula ke negara ini atau mereka diperintah oleh mahkamah supaya tidak meninggalkan negara ini. Oleh itu, Kerajaan tidak ada rekod dan tidak

bercadang mengadakan rekod warganegara Malaysia yang keluar meninggalkan negara ini.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah Timbalan Menteri sedar di antara sebab-sebab warganegara Malaysia berhijrah kepada negara-negara lain adalah walau bagaimanapun ada peruntukan dalam Perlembagaan, Artikel 8, dengan izin, "All persons are equal before the law", tetapi pada masa ini di negara ini tidak ada equality, oleh kerana ada dasar-dasar seperti DEB dan....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apakah itu ada berkaitan dengan soalan asal?

Tuan R. Karpal Singh: Sebab-sebab oleh kerana warganegara berhijrah kepada negara lain. Di antara sebab-sebab itu, adakah sebab ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, itu tidak ada kaitan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada kaitan?

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak memberi sesuatu angka tentang jumlah mereka yang berpindah keluar negeri di antara tahun 1980, mungkin saya tidak dengar, saya tidak tahu, tetapi saya yakin. Oleh yang demikian, saya mintalah kalau boleh diberitahu berapa angka ini dan apakah Kementerian Yang Berhormat telah menyasiat mereka yang berpindah ke luar negeri dan memperolehi status bermastautin di luar negeri yang boleh kewarganegaraannya dibatalkan mengikut peruntukan Perlembagaan. Kalau ada, berapakah jumlahnya sehingga sekarang?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, kita tidak mengambil berat sangat kalau sekiranya orang keluar. Kita tidak monitor, kecuali orang yang masuk. Bagaimanapun, oleh kerana seseorang warganegara Malaysia, bila mereka keluar negeri dan mendapat taraf "permanent resident", dengan izin, mereka ini tidak melapor kepada sesiapa, senyap sepi dan mereka akan kembali mungkin setahun sekali, kita tidak tahu, kecuali jikalau mereka melucutkan taraf kewarganegaraan mereka dan memohon menjadi warganegara asing, barulah kita ketahui. Tetapi kalau setakat permanent resident, dengan izin, memang kita tidak boleh ketahui kerana mereka tidak akan melaporkan.

Bagaimanapun ada undang-undang yang menentukan jikalau sekiranya seseorang warganegara yang memperolehi kewarganegaraan di mana-mana negara di luar Persekutuan dengan cara pendaftaran Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan seseorang itu di bawah Perkara 24 (1) Perlembagaan, ataupun seseorang warganegara yang bermastautin di negeri luar Persekutuan selama tempoh lima tahun atau mungkin dengan taraf permanent resident dan dalam tempoh itu, seseorang itu tidak pernah pada bila-bila masa berada dalam perkhidmatan Persekutuan atau dalam perkhidmatan sesuatu pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Kerajaan Persekutuan dan juga tidak mendaftarkan tiap-tiap tahun di pejabat Konsol Persekutuan, niat hendak mengekalkan kewarganegaraannya Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan di bawah Perkara 25 (2). Inilah masalah yang kita hadapi, Tuan Yang di-Pertua.

RUMAH AWAM KOS RENDAH— BAYARAN CARUMAN KWSP

10. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementeriannya telah menerima satu memorandum atau permintaan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang meminta kebenaran memasuki perjanjian jual beli bagi penjualan unit-unit rumah pangsa dengan penghuni-penghuni rumah pangsa kos rendah yang dibina di dalam negeri oleh Kerajaan Negeri melalui pinjaman-pinjaman Kerajaan Pusat seperti rumah-rumah pangsa di Taman Tun Sardon, Mak Mandin, Taman Free School, Terengganu Road, Batu Lancang dan Kampung Melayu supaya membolehkan penghuni-penghuni mendapatkan:

- (i) jika mereka kakitangan Kerajaan, pinjaman dari Kerajaan;
- (ii) jika mereka dari pihak swasta, pengeluaran sebahagian dari wang KWSP bagi membeli unit-unit rumah pangsa itu.

Jika ya, bilakah permintaan ini dibuat oleh Kerajaan Negeri dan apakah kedudukan Kementerian ini terhadap permintaan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak pernah menerima sebarang memorandum daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khusus mengenai perkara yang dibangkitkan itu. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah mengemukakan masalah pencazum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada Kementerian ini melalui sepucuk surat bertarikh 20hb April, 1987.

Dalam surat tersebut, Kerajaan Negeri memaklumkan pihaknya telah mencadangkan kepada KWSP untuk membenarkan pencazum-pencarum di negeri itu mengeluarkan wang simpanan mereka bagi tujuan menyelesaikan bayaran rumah awam kos rendah. Bagaimanapun, KWSP telah tidak bersetuju dengan cadangan itu kerana perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan penghuni rumah adalah dibuat dalam bentuk sewa beli dan bukannya jual-beli.

KWSP telah membuat cadangan balas supaya perjanjian sewa-beli ditukar kepada perjanjian jual-beli bagi membolehkan pencazum-pencarum mengeluarkan wang simpanan mereka. Terpujanglah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membuat pengubahsuaian yang perlu kepada bentuk perjanjian pemilikan rumah di negeri tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak perlu mendapatkan kebenaran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membuat perjanjian jual-beli bagi unit-unit rumah pangsa kos rendah yang pembinaannya dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

KWSP—KELUARAN CARUMAN

11. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah KWSP (EPF) menghadapi kesusahan kewangan. Sila terangkan kelambatan luar biasa untuk memproses permohonan—

- (i) mengeluarkan caruman KWSP;

- (ii) membenarkan pengeluaran sebahagian caruman KWSP untuk membeli rumah oleh ahli-ahlinya;
- (b) adakah KWSP mengalami kerugian kewangan, jika ada, sila berikan pecahan kerugian sejak 1982.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak menghadapi masalah kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebiasaannya permohonan pengeluaran diproses selama lebih kurang 4 minggu. Walau bagaimanapun, kadangkala kelambatan timbul dalam memproses permohonan-permohonan tersebut kerana pemohon-pemohon tidak memberi maklumat yang lengkap. Kerap kali didapati bahawa:

- (i) Cap ibu jari ahli yang diturunkan ke atas borang permohonan pengeluaran itu adalah berbeza dengan cap ibu jari dalam borang pendaftaran ahli berkenaan di KWSP.
- (ii) Nombor kad pengenalan ahli yang dicatatkan dalam borang permohonan itu adalah berbeza dengan nombor kad pengenalan yang terdapat di rekod-rekod di KWSP.

- (iii) Bagi ahli-ahli yang memohon untuk mengeluarkan caruman atas alasan telah mencapai umur 50 atau 55 tahun, kadangkala terdapat tarikh lahir yang dinyatakan dalam borang permohonan berbeza dengan tarikh lahir yang terdapat dalam rekod-rekod ahli berkenaan di pejabat KWSP.

Di dalam kes-kes seperti ini, pihak KWSP terpaksa mengambil masa untuk membuat penyiasatan yang memerlukan rujukan kepada Jabatan Pendaftaran Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kelambatan juga akan timbul bagi kes-kes berikut:

- (i) Untuk mengeluarkan caruman ahli yang telah meninggal dunia yang mempunyai wang simpanan lebih daripada \$20,000 tetapi tidak membuat penamaan semasa hayatnya, biasanya sipemohon mengambil masa yang lama untuk mendapatkan Surat Kuasa yang diperlukan.
- (ii) Bagi pengeluaran untuk membeli rumah, sekiranya dokumen-dokumen yang berkaitan dengan permohonan itu umpamanya surat pengesahan pinjaman daripada institusi kewangan atau Surat Hakmilik, atau Deed of

Assignment, dengan izin, tidak diterima oleh KWSP daripada pihak yang berkuasa bersama dengan borang permohonan.

Permohonan yang mempunyai masalah seperti di atas biasanya mengambil masa yang agak lama kerana pihak KWSP akan hanya membuat pengeluaran setelah berpuas hati bahawa maklumat-maklumat yang diberi adalah betul.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, pihak KWSP tidak pernah mengalami kerugian kewangan, di mana jumlah pendapatan tahunan sentiasa melebihi jumlah perbelanjaan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa KWSP tidak pernah mengalami kerugian atau masalah kewangan tetapi dalam akaun pelaburan di dalam saham-saham yang bukan amanah, adakah benar bahawa EPF ataupun KWSP telah mengalami kerugian atau, dengan izin, paper loss sebanyak \$50 juta atau lebih pada akhir tahun 1986? Kalau ya, adakah dasar Kerajaan untuk melabur lagi banyak duit dalam saham-saham bukan amanah iaitu saham-saham KWSP? Adakah dasar Kerajaan bertujuan untuk melabur lagi banyak duit bagi tujuan ini oleh kerana memandangkan bahawa kadangkala KWSP sudah menjadi "Casino yang kedua" di Malaysia—Casino yang pertama adalah di Genting. Memandangkan begitu, adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk mengkaji semula dasar tersebut supaya tidak lagi melabur apa-apa duit dari KWSP di dalam saham-saham yang bukan amanah?

Satu soalan lagi, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak protest....

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua beri kebenaran?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of orderkah Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan, dia ahli PAC. (*Disampuk*)

Tuan Sim Kwang Yang: Kalau tidak point of order, saya tidak benarkan diganggu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih. Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa di bawah Akta KWSP, Panel Pelaburan tidak dibenarkan untuk melabur wang-wang di dalam saham-saham bukan amanah jikalau kebenaran dari Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak didapati dan pada kes yang dilakukan dahulu, adakah kebenaran dari Yang Berhormat Menteri Kewangan diberi atau tidak? Kalau tidak, memangnya satu kesalahan telah dilakukan oleh Panel Pelaburan ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi sekaligus. Sebenarnya soalan tambahan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah terkeluar daripada perasaan kebimbangan Ahli Yang Berhormat itu dan Kerajaan memang memahami. Tetapi saya ingin di sini mengatakan bahawa untuk maklumat Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa KWSP setakat ini mempunyai dasar yang cukup memadai, yang cukup baik.

Saya ingin di sini memberitahu bahawa hanya sebahagian kecil sahaja dilabur ke dalam saham di dalam negara kita ini, yang tidak melebihi 2%, dan sebahagian besar iaitu 87% wang di dalam KWSP akan digunakan untuk membeli sekuriti Kerajaan. Kita semua tahu bahawa sekuriti Kerajaan adalah sekuriti yang mempunyai begitu keyakinan yang tinggi sekali. Baki sebanyak 8% adalah untuk dimasukkan ke dalam Fixed Deposit, dengan izin. Nampaknya bahawa dengan dasar ini Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tidak haruslah bimbang atas apa-apa langkah yang akan diambil oleh KWSP bahawa wang yang dicarumkan kepada KWSP akan rugi langsung.

CUKAI EKSPORT ROTAN MENTAH

12. Dr Ng Seng Chai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada cadangan mengurangkan cukai eksport untuk kayu rotan ("rattan") untuk menyelamatkan perindustrian kayu rotan yang sekarang melibatkan 18,000 orang. Jika tidak, berilah penjelasan tepat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan cukai eksport rotan mentah oleh kerana adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengeksport rotan dalam bentuk barang pembuatan. Dengan membangunkan industri pemprosesan rotan dalam negeri, Kerajaan dapat meningkatkan nilai eksport serta menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan di negara ini. Negara-negara pengeluar rotan lain seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan sebagainya telah mengharamkan eksport rotan mentah mereka dan jika Malaysia tidak menaikkan cukai eksport ke atas rotan mentah kita, pengilang-pengilang barangan rotan

luar negeri akan menumpukan permintaan rotan mentah ke Malaysia. Ini bukan sahaja akan menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan rotan di Malaysia tetapi akan juga membantutkan usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan industri pemprosesan rotan tempatan.

Tuan Hu Sepang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberitahu mengapa Kementerianya mengumumkan cukai eksport ini dengan tiba-tiba tanpa amaran, yang menyebabkan ramai pengeksport-pengeksport dan pedagang-pedagang rotan gagal menunaikan kontrak-kontrak luar negeri mereka yang mereka telah menandatangani terlebih dahulu dan ini menyebabkan mereka menghadapi tindakan mahkamah. Bolehkah beri sebab-sebab itu?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan adalah satu strategi untuk mengurangkan atau membantut sebarang tujuan untuk hoarding jika sekiranya dibenarkan mereka mengambil masa untuk menentukan kontrak-kontrak mereka itu dapat dijalankan. Tetapi kalau Yang Berhormat telah pun mendengar ucapan atau penerangan yang saya berikan tadi, negara-negara seperti Indonesia, Filipina dan Thailand juga membuat seperti Malaysia dan oleh kerana itu tiada sebab mengapa pihak-pihak yang berkenaan telah pun menimbulkan masalah, kerana walaupun cukai telah pun dinaikkan atas perakuan Kementerian Perusahaan Utama, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menolong mereka yang telah menerima letter of credit (LC) bagi pesanan-pesanan sebelum kuatkuasa cukai ini. Mereka akan diberi pengecualian cukai daripada kenaikan cukai ini setelah

kajian dibuat terhadap satu-satu permohonan oleh Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Kewangan. Kelonggaran ini adalah hanya sehingga 26hb November, 1987. Oleh kerana itu kita telah pun mengambil kira semua sebab-sebab dan juga ciri-ciri yang mungkin timbul daripada pengumuman tersebut. Oleh kerana itu, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, sensitif dan peka kepada masalah-masalah ini, Kerajaan juga memberi peluang kepada orang-orang yang telah menerima letter of credit sebelum tarikh pengumuman ini dibuat.

Tuan Teoh Teik Huat: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada beliau sedar bahawa tidak semua gred-gred rotan yang didapati di Malaysia adalah digunakan oleh pengusaha-pengusaha barangan rotan di dalam negara ini. Dengan mengenakan kenaikan cukai eksport ke atas rotan telah mengakibatkan stock-pile rotan-rotan yang tidak diperlukan di negara ini dan kerugian kepada pengeksport-pengeksport rotan. Jika ia, adakah pihak Kerajaan akan mengambil kira mengkaji semula cukai-cukai eksport blanket itu dan mengenakan cukai-cukai mengikut gred-gred untuk membantu pengeksport rotan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, telah pun saya terangkan tadi bahawa sukar sekali kalau sekiranya kita hendak mengenal rotan jenis mana atau sebagainya. Sukar sekali kita hendak mengenal melainkan kita telah dapat atau boleh membuat sesuatu analisa yang mendalam. Walau bagaimanapun, Kementerian Perusahaan Utama telah membuat beberapa cadangan, untuk mengkaji semula cadangan awal supaya perkara ini dapat diselesaikan oleh Perbendaharaan.

JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DI SABAH

13. Tuan Madatang bin Morejal minta Perdana Menteri menyenaraikan jabatan-jabatan, agensi-agensi dan badan-badan berkanun milik Kerajaan Persekutuan yang sedang beroperasi di negeri Sabah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini terdapat sebanyak 60 buah jabatan, termasuk unit dan bahagian di bawah sesuatu Kementerian dan 21 buah Badan Berkanun Persekutuan yang sedang beroperasi di Sabah.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah bilangan orang-orang tempatan yang bertugas dalam badan-badan Kerajaan Persekutuan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memerlukan maklumat terperinci dan saya memerlukan masa untuk menjawabnya, saya akan memberikan jawapannya secara bertulis.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, kadang-kadang soal mendapatkan pekerjaan di agensi-agensi Persekutuan di negeri-negeri tertentu ini menimbulkan masalah sensitif dan itu mesti kita sedari. Adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan garis panduan terperinci ke arah menentukan supaya pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai yang diambil itu dapat merangkumi bukan sahaja golongan besar dari sinikah, golongan besar dari Sarawakkah atau Sabahkah, yang

sesuai yang dapat diterima supaya kesensitifan itu tidak akan timbul daripada perkara atau masalah ini.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soal ini terkeluar daripada soalan asal. Namun demikian, pandangan Yang Berhormat akan diambil perhatian.

MENURAP JALAN BUKIT PUNDA/SIMUNJAN, SARAWAK

14. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan bercadang hendak menurapkan jalan-jalan Bukit Punda/Simunjan, Sarawak, yang sekiranya tidak diturap akan terus menimbulkan masalah untuk pengguna-pengguna;
- (b) bilakah jalan Kota Samarahan/Pendam akan disiapkan pembinaannya; dan
- (c) bilakah jalan Simunjan/Sebuyau akan disiapkan pembinaannya.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan:

- (a) Setakat ini Kerajaan belum ada cadangan untuk menurapkan jalan tersebut;
- (b) saya difahamkan pembinaan jalan ke Kota Samarahan/Pendam dijangka siap pada akhir tahun 1989. Jalan tersebut adalah merupakan jalan Kerajaan Negeri;
- (c) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyelidikan dan rekabentuk jalan Simunjan/Sebuyau telah pun siap tetapi kerja-kerja pembinaan tidak dapat dilakukan kerana ketiadaan

peruntukan. Walau bagaimanapun, kontrak bagi bahagian jalan Sebuyau/Sebangan telah pun ditawarkan dan kerja-kerja pembinaan dijangka siap pada awal tahun 1989.

JAMBATAN PASIR MAS— SALOP, KELANTAN

15. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kerja Raya memberi sebab-sebab kenapakah sehingga sekarang keputusan tender pembinaan Jambatan Pasir Mas—Salor di Kelantan belum lagi dibuat. Apakah sebab-sebab kelewatannya dan bilakah projek ini akan mula dibina. Apakah Menteri Kerja Raya sedar bahawa timbul banyak rungutan dan tidak senang hati rakyat terutama bakal-bakal pengguna jambatan yang bakal dibina ini.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan tender pembinaan Jambatan Pasir Mas/Salor sedang dalam peringkat pertimbangan untuk setuju-terima dan keputusan mengenainya akan diketahui tidak lama lagi. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan sebaik sahaja kontrak itu ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya. Mengenai rungutan-rungutan itu, saya harap orang ramai dapatlah bersabar untuk tempoh sedikit masa lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan jalan tetapi jambatan. Kedua, soalan saya pada tahun lalu pernah dijawab keputusannya akan dibuat tidak lama lagi dan sekarang juga keputusan akan dibuat tidak lama lagi. Yang jenis tidak lama lagi ini bila? (*Ketawa*) Saya mahu jawapan yang tegas dan serius sebab perkara ini sudah banyak kali

berlarutan dan memang rakyat lebih daripada bersabar dan kita akan terus bersabar, cuma belum lagi demonstrasi. (*Ketawa*) Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa Kementerian Kerjaraya telah pun membuat perakuan. Oleh kerana jumlah harga yang terlibat melebihi \$10 juta, maka Kementerian Kerjaraya terpaksa mengemukakan perkara ini kepada Kementerian Kewangan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya telah pun menyampaikan keputusan tender tersebut kepada Kementerian Kewangan dan saya harap tidak berapa lama lagi keputusan yang muktamad akan dibuat. Terima kasih.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kalau saya tak silap, Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi mengatakan berapa lama ini macam mana? Adakah Kerajaan mempunyai satu kajian terperinci menentukan berapa lama ini satu; taraf satu berapa, taraf dua macam mana dan taraf tiga macam mana—berapa lama ini? (*Ketawa*)

Tuan Osu bin Haji Sukam: Saya ingat itu tak perlu dijawab, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 16 hingga 28 adalah diberi di bawah ini*).

BIASISWA KEPADA BAKAT SUKAN

1. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Belia dan Sukan menerangkan sama ada Kementerian bercadang untuk memberikan biasiswa

atau sebarang insentif kepada murid-murid sekolah rendah, menengah dan tinggi yang mempunyai bakat sebenar di dalam arena sukan, ini adalah bertujuan untuk meninggikan dan melahirkan bakat-bakat muda di peringkat awal di samping biasiswa yang diberikan kerana kecemerlangan di dalam bidang pelajaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara Malaysia telah melaksanakan program bakat yang melibatkan murid-murid sekolah. Tiga (3) jenis sukan iaitu renang, olahraga dan badminton telah dipilih untuk dilaksanakan di peringkat sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Persatuan Sukan Kebangsaan yang berkenaan. Sejumlah 41 athlit yang terdiri dari murid-murid sekolah telah dipilih untuk menjalani latihan di tempat masing-masing di bawah jurulatih yang dinamakan. Athlit-athlit ini telah diberi kelengkapan latihan seperti pakaian serta alat-alat permainan yang berkenaan di samping elaun sebanyak \$30.00 sebulan sebagai bantuan mereka menyertai program ini. Program ini baru dilancarkan mulai dari bulan April 1987 dan akan dikembangkan ke beberapa jenis sukan lagi apabila program pertama ini didapati berjalan dengan lancar.

Kementerian telah melancarkan Skim Biasiswa Sukan Persekutuan mulai tahun 1987. Biasiswa ini diberi kepada olahragawan/olahragawati yang telah mencapai prestasi yang cemerlang sekurang-kurangnya di peringkat Sukan Sekolah-sekolah ASEAN. Biasiswa ini ditawarkan kepada calon-calon yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat diploma, ijazah pertama dan ijazah lanjutan. Walau bagaimanapun, di dalam kes-kes tertentu, Jawatankuasa Pemilihan bagi Skim Biasiswa Sukan ini berhak

menganugerahkan biasiswa ini kepada mana-mana calon di peringkat persekolahan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah-sekolah di luar negeri yang menawarkan pengkhususan di dalam bidang sukan yang diceburi dengan syarat calon tersebut mencapai kecemerlangan sukan yang disyaratkan bagi Skim Biasiswa Sukan Persekutuan.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga ada skim-skim tertentu seperti Hadiah Cemerlang, Anugerah Putera dan Puteri Sukan MSSM dan Pengkhususan Permainan Di Sekolah Berasrama Penuh bertujuan untuk meninggikan dan melahirkan bakat-bakat muda di peringkat awal.

ARTIS TEMPATAN DI RTM

16. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Penerangan menerangkan sejauh manakah pengambilan artis-artis oleh Kementerian Penerangan Malaysia mengambilkira nilai agama, akhlak dan moral bagi tujuan kemantapan kebudayaan kebangsaan.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Salah satu daripada peranan utama yang dimainkan oleh RTM ialah mencungkil, memaju dan mengembangkan bakat artis-artis tempatan dalam bidang-bidang yang mereka pilih sama ada lakunan, nyanyian, tarian dan muzik.

Kementerian Penerangan mempunyai beberapa garis panduan yang perlu diikuti oleh artis-artis yang mengambil bahagian di dalam program-program RTM. Di antara perkara-perkara yang disentuh dalam garis panduan-garis panduan tersebut ialah mengenai kesesuaian pakaian dan dandanan, rambut, perlakuan, adegan-adegan dan lain-lain lagi. Semua garis panduan-garis panduan ini adalah berteraskan nilai-nilai kebudayaan kebangsaan yang meliputi kesopanan

dan kesusilaan adat ketimuran. Semua ini bertujuan untuk memelihara dan memantapkan lagi kebudayaan kebangsaan Malaysia.

KURIKULUM KBSR— KAJIAN SEMULA

17. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan pelbagai masalah telah timbul dan menyusahkan guru-guru sekolah akibat KBSR iaitu satu sistem pendidikan yang digunakan di New Zealand untuk kanak-kanak yang cacat akal. Adakah Menteri berkenaan berpendapat murid-murid Malaysia adalah disamakan dengan kanak-kanak yang cacat akal negara New Zealand. Juga adakah Menteri berkenaan sedar KBSR membantut dan menghalang murid-murid yang bijak dan disebabkan ini adakah KBSR akan dikaji semula dan sekiranya satu pengkajian semula telah diadakan, bolehkah beliau nyatakan penemuan kajian tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan bahawa Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) menimbulkan pelbagai masalah kepada guru, menghalang atau membantutkan murid-murid yang bijak dan sama dengan sistem pendidikan kanak-kanak cacat akal di New Zealand, adalah tidak benar. Sebenarnya dalam sistem pengajian dan pembelajaran KBSR latihan dan bimbingan yang luas diberikan kepada murid-murid supaya mereka boleh menguasai dengan baik kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira. Di samping itu usaha-usaha juga dijalankan untuk menggalakkan perkembangan murid-murid secara menyeluruh yang meliputi aspek-aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, bakat, akhlak, nilai-nilai estetika dan sosial.

Mengenai pengesanan ke atas pelaksanaan KBSR, Kementerian Pendidikan memang ada menjalankannya di sekolah-sekolah. Setakat ini dapatan-dapatannya sama ada dari segi budaya kerja guru, prestasi akademik murid-murid, perkembangan salsiah murid-murid dan iklim sekolah adalah lebih baik jika dibandingkan dengan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR). Walau bagaimanapun Kementerian ini akan menilai semula keberkesanan KBSR secara menyeluruh selepas satu jangka masa yang sesuai.

ASET KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT

18. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa nilai aset bersih kesemua Koperasi Penyimpan Deposit (KPD) yang diberikan oleh Bank Negara telah merosot dan sila berikan sebab-sebabnya;
- (b) apakah nilai aset bersih KPD sekarang setakat 31-8-87 dan adakah kemerosotan ini kebanyakan disebabkan oleh hutang-hutang lapuk bertambah kerana keengganan peminjam-peminjam besar yang terdiri dari orang kenamaan membayar hutang mereka;
- (c) mengapakah Bank Negara enggan mengumumkan nama-nama peminjam-peminjam besar itu serta mengambil tindakan terhadap mereka;
- (d) adakah pihak Kerajaan bercadang merampas harta-harta pengarah-pengarah KPD ini yang didapati bersalah agar dapat menebusi balik sedikit kerugian yang ditimpa oleh KPD tersebut;

- (e) berapa banyakkah wang telah dibayar oleh KPD kepada pendeposit setakat ini dan dari jumlah ini sila berikan pecahan berapa banyakkah dari wang KPD sendiri dan dari Bank Negara bagi tiap-tiap KPD.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Nilai bersih aset Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) sebagaimana yang dilaporkan dalam Kertas Putih adalah berasaskan penyiasatan awal yang dijalankan ke atas KPD. Walau bagaimanapun, penyiasatan lanjut yang dijalankan oleh penerima dan institusi kewangan yang ditetapkan, menunjukkan bahawa kebanyakan daripada aset-aset ini, terutamanya set tanah, secara kasarnya telah diberi nilai yang lebih dalam buku KPD. Dalam masa yang sama, ramai peminjam tidak berupaya membayar balik pinjaman mereka kepada KPD.
- (b) Nilai bersih aset 24 KPD dianggarkan lebih kurang \$799.4 juta berbanding dengan tanggungan deposit berjumlah \$1,500 juta. Kemerosotan dalam nilai ini, adalah disebabkan oleh nilai aset yang mempunyai mutu rendah dan juga lebih nilai aset yang dinyatakan dalam buku. Dalam setengah kes, kemerosotan dalam nilai disebabkan oleh ketidakupayaan peminjam membayar balik pinjaman mereka. Sungguhpun demikian, sebilangan peminjam-peminjam besar telah membayar balik pinjaman mereka atau

membuat rancangan untuk membayar balik pinjaman mereka secara ansuran.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengumuman nama-nama peminjam besar KPD hendaklah dibuat dengan ikhlas tanpa niat jahat. Dengan yang demikian, sebelum pengumuman nama dibuat, Bank Negara Malaysia perlulah memenuhi tanggungjawab moralnya terlebih dahulu bagi menentukan peminjam-peminjam diberi tempoh yang munasabah untuk membayar balik pinjaman mereka. Sehubungan dengan ini, Bank Negara Malaysia telah pun mengarahkan Penerima-penerima KPD meminta peminjam-peminjam yang gagal membayar balik pinjaman supaya membayar balik pinjaman-pinjaman mereka yang tertangguh, dengan segera. Penerima-penerima juga telah mengambil tindakan undang-undang untuk mendapat balik pinjaman yang tidak dibayar balik (non-performing loans). Orang ramai hanya akan mengetahui maklumat mengenai peminjam-peminjam yang gagal membayar balik pinjaman mereka apabila tindakan mahkamah diambil.
- (d) Kerajaan bersedia untuk menimbang apa jua cadangan, termasuk jika perlu, meminda perundangan yang ada sekarang atau mengadakan undang-undang baru, yang akan memberi munafaat kepada pendeposit-pendeposit.
- (e) Sehingga ini, sejumlah \$218.97 juta telah dibayar balik oleh KPD kepada

pendeposit-pendeposit. Dari-pada jumlah ini, \$36.07 juta dibiayai dari dana KPD sendiri.

PENUBUHAN LEMBAGA TENDER

19. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan melantik satu Suruhanjaya Bebas untuk mengawasi dan memberi tender tanpa apa-apa pengaruh luar dan memastikan tidak wujudnya konflik kepentingan dalam projek-projek Kerajaan, separuh Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Penubuhan Lembaga Tender adalah sebahagian dari proses perolehan yang diamalkan oleh Kerajaan sebagaimana diperuntukan dalam Arahan Perbendaharaan iaitu satu peraturan yang dibuat di bawah kuasa Akta Acara Kewangan 1957. Lembaga-lembaga Tender di Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan adalah merupakan perwakilan kuasa oleh Menteri Kewangan kepada Kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan untuk menimbang dan memutuskan tender yang diuruskan oleh mereka. Leahlian Lembaga Tender ini terdiri daripada Ketua Setiausaha atau Ketua Jabatan sebagai pengerusi, wakil Kementerian Kewangan dan wakil Jabatan Kerja Raya. Bagi tender yang mempunyai unsur "countertrade" dan tender pembelian mesin pejabat, wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan wakil Unit Pemodenan Tadbiran dan Pengurusan Malaysia (MAMPU) adalah ahli khusus (co-opted member) di dalam Lembaga Tender bagi perolehan sedemikian.

Lembaga-lembaga Tender Kementerian dan Jabatan adalah disiarkan di dalam Warta Kerajaan. Sebagai makluman, Lembaga Tender

terdiri daripada pegawai-pegawai yang berpengetahuan dan berkeupayaan dalam urusan tender. Lembaga-lembaga Tender ini membuat pertimbangan dan keputusan mengenai sesuatu tender secara objektif, mengikut prinsip "equal footing" dan berdasarkan kepada prinsip "best value money".

Mengenai cadangan yang Berhormat menubuhkan suatu Suruhanjaya yang bebas supaya orang ramai mempunyai keyakinan terhadap Suruhanjaya tersebut, cadangan sedemikian tidaklah dapat dilaksanakan kerana ianya bukan sahaja bertentangan dengan peraturan perundangan yang sedia ada (Akta Acara Kewangan 1957), tetapi Suruhanjaya tersebut tidak berkeupayaan membuat keputusan yang baik bagu memenuhi keperluan sesebuah Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun. Peraturan Lembaga Tender yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha atau Ketua Jabatan dapat memenuhi keperluan Kementerian/Jabatan itu kerana mereka mempunyai pengetahuan yang mencukupi selaras dengan kehendak operasi Kementerian/Jabatan mereka. Kerajaan juga tidak dapat mengeneppikan kemungkinan Suruhanjaya yang bebas itu dipengaruhi oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan mereka. Dengan lain perkataan Suruhanjaya yang bebas itu tidaklah semestinya bebas dari unsur-unsur pengaruh dan salahguna kerana ianya tidak lagi di bawah kawalan Kerajaan.

Sebagai makluman juga, sekarang ini terdapat sebanyak tujuh puluh lima (75) Lembaga Tender di Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun (dua puluh empat (24) Lembaga Tender Kementerian/Jabatan dan lima puluh satu (51) Lembaga Tender di Badan-badan Berkanun). Lembaga Tender yang terdapat di Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun adalah merupakan Lembaga Tender

yang bebas kerana perjalanan urusan Lembaga-lembaga Tender ini adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Penubuhan suruhanjaya bebas sepertimana yang dicadangkan itu akan melambatkan lagi perolehan Kerajaan kerana beban urusan tender dan kekerapan mesyuarat-mesyuarat Lembaga Tender lebih kurang 486 kali setahun itu tidak akan dapat dikendalikan oleh Suruhanjaya tersebut.

Mengenai konflik kepentingan di dalam projek-projek Kerajaan, separuh Kerajaan dan Badan-badan Berkanun, Kerajaan telah mengeluarkan arahan kepada Kementerian, Jabatan dan Badan-badan Berkanun melarang anak syarikat ekuiti Kerajaan, Koperasi Kakitangan dan syarikat-syarikat seumpamanya menyertai dalam perolehan yang diuruskan oleh Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun di mana syarikat atau koperasi-koperasi tersebut ditubuhkan. Larangan ini telah diputuskan oleh Kabinet dalam bulan Mac, 1980. Kerajaan adalah berpuashati dengan peraturan yang diamalkan sekarang kerana ianya merupakan "safeguards" yang cukup untuk mengelakkan salahguna.

BEKALAN AIR KE LABUAN

20. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah projek pembekalan air dari Sabah ke Pulau Labuan akan dimulakan dan bilakah ianya dijangka memulakan pembekalan.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian membekal air daripada Sabah ke Labuan di antara Kerajaan Persekutuan dengan kontraktor yang berjaya telah dibuat pada 10 Julai 1987. Projek ini adalah merupakan sebuah projek penswastan. Sehingga

ini kerja-kerja perancangan sedang dilakukan dan kerja-kerja dari segi fizikal dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 1988. Bekalan air dijangka dapat dibekalkan ke Labuan pada tahun 1989.

BAHASA IBAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

21. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementeriannya telah meluluskan permintaan dari Kerajaan Negeri Sarawak untuk bahasa Iban dipelajari dan sebagai satu mata pelajaran di sekolah yang mana tebalnya murid Iban.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang Bahasa Iban ada dipelajari di beberapa buah sekolah tertentu di Sarawak di mana keperluan dan kemampuan sekolah untuk mengadakan pengajaran bahasa ini sebagai satu mata pelajaran boleh disediakan. Amalan yang berjalan sekarang ini boleh diteruskan.

PAS LAWATAN/KERJA KEPADA RAKYAT FILIPINA/INDONESIA

22. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah Pas Kerja dan Pas Lawatan yang telah dikeluarkan kepada orang-orang Filipina dan Indonesia sejak tahun 1985 hingga 20-9-1987 bagi Negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan berapakah di antara mereka yang masih berada di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Dari tahun 1985 hingga 20 September 1987, Jabatan Imigresen Malaysia telah mengeluarkan sejumlah 308,443 Pas Lawatan dan 114,070 Pas Kerja kepada Rakyat Filipina dan rakyat

Indonesia di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pecahan Pas Kerja dan Pas Lawatan yang dikeluarkan kepada rakyat Indonesia dan rakyat Filipina adalah seperti berikut:

(a) Pas Lawatan

	<i>Indonesia</i>	<i>Filipina</i>
Semenanjung ..	100,727	49,560
Sabah	92,274	12,206
Sarawak	47,538	6,138

(b) Pas Kerja

	<i>Indonesia</i>	<i>Filipina</i>
Semenanjung ..	926	5,776
Sabah	92,274	12,206
Sarawak	2,660	228

Pada 30-9-1987, jumlah rakyat Indonesia dan Filipina berada di atas kemudahan Pas Kerja seperti berikut:

	<i>Indonesia</i>	<i>Filipina</i>
Semenanjung ..	880	4,776
Sabah	64,591	10,985
Sarawak	1,324	138

AKTA PELAJARAN 1961—KAJIAN

23. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan senarai-senarai Ahli Jawatankuasa yang terbabit dalam kerja-kerja pindaan Akta Pelajaran Tahun 1961 dan juga nyatakan bilakah kerja-kerja tersebut dapat disiapkan.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli Jawatankuasa Mengkaji Akta Pelajaran 1961 adalah terdiri daripada Pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan seperti berikut:

- (1) Ketua Setiausaha—Pengerusi
- (2) Ketua Pengarah Pendidikan.
- (3) Timbalan Ketua Setiausaha. I
- (4) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I

- (5) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II.
- (6) Timbalan Ketua Setiausaha II.
- (7) Pengarah Perancangan dan Penyelidikan—Setiausaha Pendidikan.
- (8) Pengarah Sekolah-sekolah.
- (9) Pengarah Pendidikan Guru.
- (10) Ketua Nazir Sekolah.
- (11) Setiausaha Bahagian Pendidikan Tinggi.
- (12) Pengarah Pendidikan Negeri Sabah.
- (13) Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak.
- (14) Penasihat Undang-undang.

Oleh kerana kajian ini masih di peringkat awal lagi, adalah sukar hendak ditetapkan masanya bila kajian ini dapat disiapkan.

KEMATIAN PESAKIT NG TIN CHOONG

24. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kesihatan menyatakan dalam kes kematian pesakit Ng Tin Choong yang berlaku antara 4hb Ogos 1986 dan 10hb Ogos 1986:

- (a) sama ada pihak rumah sakit yang berkenaan membuat laporan kepada pihak polis semasa Encik Ng terhilang dari rumah sakit itu dan selepas mayat pesakit itu dijumpai. Jika ya, sila beritahu nombor-nombor laporan tersebut dan tarikh-tarikh membuat laporan;
- (b) kenapa pihak rumah sakit tidak memberitahu keluarga Encik Ng sebaik sahaja beliau (Encik Ng) dibawa masuk ke rumah sakit oleh pihak polis dan semasa beliau meninggalkan rumah sakit;
- (c) sama ada Kementerian beliau telah mengambil tindakan

disiplin terhadap pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang berkenaan itu dan apakah tindakan itu.

- (d) apakah tindakan-tindakan dan langkah-langkah telah diambil untuk memastikan hal-hal seperti ini tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Laporan polis telah dibuat pada 10-8-1986 dan nombor laporannya ialah 4262/86 di Balai Polis Jelutong, Pulau Pinang. Laporan polis tidak dapat dibuat sebelum 10-8-1986 oleh kerana si pesakit Ng Tin Choong telah meninggalkan hospital tanpa disedari oleh pihak Unit Psikiatrik, Pulau Pinang.
- (b) Pesakit yang berkenaan, Ng Tin Choong telah dibawa ke unit Sakit Jiwa oleh pihak polis Nibong Tebal, tanpa sebarang pengenalan dan alamat tempat tinggal beliau atau keluarganya. Dengan yang demikian, pihak rumah sakit tidak dapat memberitahu keluarga pesakit tersebut dengan lebih cepat.
- (c) Kementerian telah mengambil tindakan sewajarnya ke atas kakitangan yang didapati telah tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab. Lima (5) orang pegawai telah dikenakan tindakan tatatertib berupa amaran bercatat.
- (d) Langkah-langkah yang perlu diambil bagi memperkukuhkan kawalan keselamatan pesakit-pesakit di semua hospital psikiatrik di bawah Kementerian Kesihatan.

(Soalan No. 25. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-87).

PEMBASMIAN KEMISKINAN

26. **Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab Kerajaan gagal menghapuskan kemiskinan di negara ini dan apakah langkah-langkah yang telah/akan diambil untuk mengatasi masalah ini, khususnya di Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Semenjak Kerajaan mempergiatkan usaha pembasmian kemiskinan kehidupan rakyat khususnya yang miskin telah banyak berubah. Peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat merupakan salah satu dari ciri-ciri kejayaan kepada usaha-usaha tersebut. Kadar kemiskinan pula turun dari 49.3% pada tahun 1970 kepada 39.6% pada tahun 1976 dan 18.4% pada tahun 1984. Dengan yang demikian adalah tidak benar dakwaan yang menyatakan Kerajaan gagal dalam usahanya membasmi kemiskinan di negara ini.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kemiskinan adalah diseragamkan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Semenjak terlaksananya Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970, strategi pembasmian kemiskinan telah dilaksanakan melalui:

- (i) Menambah peluang pekerjaan melalui pembukaan tanah baru, penubuhan pusat pertumbuhan baru, penyerapan buruh lebihan ke sektor-sektor lain;
- (ii) Menambah peranan golongan miskin dalam bidang pengeluaran di luar bandar dengan mengadakan peluang memiliki tanah, kemudahan air, letrik, kredit pemasaran, khidmat lanjutan dan kemudahan awam yang lain;

- (iii) Membanyakkan peluang kerja dalam sektor pembuatan dan pembinaan termasuk industri kecil;
- (iv) Meninggikan pendapatan sebenar menerusi penyediaan rumah murah dan perkhidmatan yang lain; dan
- (v) Menggalakkan pelaburan di kawasan-kawasan kurang maju melalui pemberian galakan pelaburan.

Disamping meneruskan strategi-strategi yang disebutkan tadi Kerajaan juga telah mengatur strategi-strategi baru iaitu termasuk:

- (i) Pelaksanaan perkebunan berkelompok atau secara koperatif. Di bawah strategi ini kebun-kebun kecil yang tidak ekonomi disatukan dan diuruskan secara estet untuk tujuan mendapatkan faedah ekonomi bidang.
- (ii) Pelaksanaan strategi pembandaran kawasan luar bandar di mana kampung-kampung yang berselerak dikelompokkan di satu kawasan penempatan yang teratur untuk memudahkan penyediaan kemudahan asas.

Langkah-langkah di atas adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan isi rumah yang berpendapatan rendah dan diharap akan terus mengurangkan lagi kadar kemiskinan negara sekarang.

PENDATANG HARAM— KEMASUKAN

27. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan serius terhadap "landing point" bagi pendatang haram dari Indonesia (seperti yang

dilaporkan dalam surat-surat akhbar). Sebab apakah pihak Kementerian Dalam Negeri dan pihak Polis masih tidak mengambil tindakan-tindakan tegas di atas pihak-pihak yang terlibat dalam "landing point" dan sistem "landing" di Negara kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sememangnya memberi perhatian serius serta mengambil tindakan tegas ke atas kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin dari Indonesia ke negara ini dengan cara menangkap, mendakwa dan mengusir mereka yang dikesan, sama ada di tempat-tempat mereka mendarat, tempat-tempat kerja atau di kawasan-kawasan kediaman mereka. Kementerian Dalam Negeri juga telah berusaha untuk mencegah pendatang-pendatang tanpa izin dari Indonesia mendarat di tempat-tempat pendaratan yang dikenalpasti. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat menyekat sepenuhnya kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin dari Indonesia memandangkan Malaysia mempunyai pantai yang panjang serta diliputi oleh hutan bakau dan sempadan daratan yang berbukit-bukau. Keadaan ini menyulitkan usaha pihak berkuasa untuk membanteras kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin Indonesia.

Selain daripada tindakan tegas yang diambil ke atas pendatang-pendatang tanpa izin berkenaan, Kerajaan juga telah mengambil tindakan ke atas warganegara-warganegara Malaysia yang didapati bersubahat dengan pendatang-pendatang tanpa izin itu.

PEMBASMIAN KEMISKINAN DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU

28. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan kadar-kadar kemiskinan di dalam Kumpulan Bumiputera, Cina dan

India di Malaysia pada masa ini; di negeri manakah konsentrasi kemiskinan tiap-tiap kumpulan ini; apakah langkah-langkah yang akan Kerajaan ambil untuk memastikan bahawa kumpulan 20 peratus yang termiskin di negara ini tidak terus ketinggalan seperti pada masa ini.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Seperti Yang Berhormat sedia maklum, objektif pembasmian kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru adalah untuk mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Selaras dengan hasrat ini, dokumen Rancangan Malaysia Kelima telah pun menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di kalangan semua kaum di Semenanjung Malaysia pada tahun 1984 ialah 18.4 peratus. Kadar kemiskinan di Sabah pula ialah 33.1 peratus, manakala di Sarawak 31.9 peratus. Untuk makluman Yang Berhormat, 80 peratus daripada jumlah isirumah miskin di Semenanjung Malaysia pada tahun 1984 adalah terdiri daripada kaum Bumiputera.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk mengambil perhatian Tuan Yang di-Pertua, hari pertama apabila Parlimen bersidang pada hari Oktober tahun lalu kita ada luluskan satu Usul memerintahkan Ketua Polis Negara supaya jangan membenarkan sesiapa untuk. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, order berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Privilege di bawah *Erskine May* bila-bila boleh, at the earliest possible opportunity sambil perhatian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan mesyuarat, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat ini Convention, privilege, oleh kerana tidak ada ditetapkan bila-bila untuk timbulkan privilege dan ini menjadi satu Convention untuk mengambil perhatian Tuan Yang di-Pertua dan itu adalah mengikut apa yang sudah berlaku dalam Dewan yang mulia ini. Ini privilege oleh kerana bersabit dengan keistimewaan, sangat mustahak dan itulah Convention.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tentang apa ini?

Tuan Lim Kit Siang: Keistimewaan, ialah bahawa satu Usul kita ada luluskan pada hari pertama bila kita bersidang yang memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga keistimewaan Dewan ini, tak benarkan sesiapa untuk menghalang Ahli Parlimen untuk bersidang dan Ahli Parlimen dari Kota Melaka adalah dihalang daripada hadir persidangan oleh kerana saya dapat pengesahan daripada pihak Polis beliau ditahan di bawah Akta Dalam Negeri dan saya harap bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh mengikut Usul yang kita sudah luluskan, perintahkan Ketua Polis Negara untuk tidak menghalangkan Yang Berhormat daripada menghadiri persidangan ini. Itu keistimewaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Usul yang kita telah luluskan itu bukan bermakna sesiapa yang bersalah boleh datang juga (*Tepuk*). Kalau bersalah itu lain.

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa; take objection, itu prejudice.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau seseorang bersalah.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi Dewan ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap jangan prejudice.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap. Kalau seseorang bersalah dan ditahan ataupun disyaki oleh Polis, itu bukan masalah Dewan ini (*Tepuk*). Saya harap Yang Berhormat boleh ambil perkara ini di lain tempat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, ini keistimewaan Dewan ini untuk siasat kes dia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Walau bagaimanapun, saya telah ambil perhatian.

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini? (*Tepuk*) (*Disampuk*).

Tuan P. Patto: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan menggunakan perkataan stupid.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of order?

Tuan P. Patto: Point of order, menggunakan bahasa biadab—stupid, bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tak dengar.

Tuan P. Patto: Saya minta beliau tarik balik (*Disampuk*). Hindu tulen, tarik balik. Hindu tulen.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Ipoh, duduk dahulu.

Tuan P. Patto: Ya, dia ada kata.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti, saya akan siasat. Jangan bimbang, tenang sedikit. Yang Berhormat Timbalan

Menteri, adakah Yang Berhormat gunakan perkataan “bodoh” tadi? Saya tak dengar.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Allegationnya saya katakan stupid—saya tidak.

Tuan P. Patto: Dia ada gunakan stupid. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Terhadap siapa, Yang Berhormat?

Dato' K. Pathmanaban: Saya tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia kata tidak.

Tuan P. Patto: Tak guna. Itu coward (*Disampuk*). Political coward.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh!

Tuan Sim Kwang Yang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bandar Kuching!

Tuan Sim Kwang Yang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bandar Kuching, jangan. . . . (*Disampuk*). Sudahlah, Yang Berhormat (*Disampuk*). Setiausaha, sila (*Disampuk*). Sudah, Yang Berhormat, duduk!

Setiausaha: (*Bangun*)

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, Timbalan Menteri itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat dari Ipoh. (*Disampuk*).

Tuan P. Patto: Kalau orang siuman dia tahu apa yang dia cakap. Kalau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat! Yang Berhormat dari Ipoh!

Dato' K. Pathmanaban: Duduklah! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Setiausaha, teruskan.

Setiausaha: Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul. (*Disampuk*)

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat ruling. Duduk, Yang Berhormat! Teruskan, Setiausaha.

Tuan P. Patto: Apa ruling?

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang

Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." 26hb Oktober, 1987)

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong boleh sambung.

3.37 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada sebutkan bahawa nampak Menteri Kewangan menganggap sektor korporat sebagai satu-satunya bidang ekonomi yang boleh membawa kepada pertumbuhan ekonomi dengan berkesan.

Setelah menjadi Menteri Kewangan selama 4 tahun, harapan rakyat terhadap Yang Berhormat Menteri Kewangan tetap tidak berubah iaitu agar Menteri tidak lagi terlibat dengan berbagai-bagai konflik kepentingan dalam aktiviti korporat dan bursa saham sama ada secara langsung atau tidak langsung. Namun begitu, Menteri Kewangan tetap disyaki terlibat dalam skandal-skandal kewangan seperti MAKUWASA, UMBC serta Projek Lebuhraya Utara/Selatan. Beliau perlu menjelas dan membuktikan kepada orang ramai bahawa zaman "Raja Korporat" itu sudah tinggal belakang dan semata-mata ingatan mesra sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan sebegini amat penting sekali ketika Kerajaan yang memerintah

mengalami krisis keyakinan dan wujudnya percanggahan kepentingan di antara bidang politik dengan perniagaan seperti yang dikatakan oleh Bapa Malaysia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, "sebagai salah seorang pengasas UMNO saya berpendapat bahawa ia amat janggal serta luar biasa bagi parti politik yang utama untuk mempergunakan kekuasaannya bagi mencari kekayaan atas pengorbanan pihak peniaga yang lain."

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu ia adalah amat janggal dan luar biasa sekali yang UMNO melalui Syarikat UEM terlibat dalam projek-projek Kerajaan seperti penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan dan projek Penggunaan Gas Semenanjung Fasa II (PGU. II). Pada 29hb Ogos 1987, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"We agree.....but who is going to pay the \$360 million dollars for the UMNO Complex in Kuala Lumpur.....It is not right to say UMNO has not been involved in business in the past. We have always been in business because of the need to raise funds."

Di dalam demokrasi parti di mana percanggahan kepentingan harus diharamkan, kenyataan Yang Amat Berhormat adalah salah. Kelakuan dan kebudayaan parti pemerintah seperti inilah yang terpaksa diperbaiki demi kepentingan rakyat.

Dalam ucapan Belanjawan, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengkritikkan mereka yang mengecam pengurusan ekonomi negara dan menyalahkan Kerajaan atas masalah yang dihadapi oleh ekonomi negara sungguhpun semua negara tidak terlepas daripada kemelesetan dalam beberapa tahun ini.

Memang tidak dinafikan bahawa kemelesetan ekonomi dunia merupakan salah satu faktor bagi kewujudan masalah ekonomi negara. Akan tetapi bukti-bukti misalnya, pemberian kontrak penswastaan Lebuhraya Utara Selatan kepada UEM, sebuah syarikat kepunyaan UMNO yang bangkrap dengan berbagai-bagai insentif seperti pinjaman yang tidak dikenakan bayaran bunga, jaminan laluan trafik, status peneroka dan pembebasan percukaian yang kesemuanya bernilai kira-kira \$62 bilion bila diambil kira juga kutipan tol selama 30 tahun serta pemberian kontrak pembekalan air ke kawasan-kawasan luar bandar bernilai \$1.5 bilion kepada Syarikat Antah Biwater, yang nampaknya selain daripada membeli 50% dari keperluan paip air dari luar negeri pada harga \$52 juta sungguhpun pengilang tempatan boleh membekalkan komoditi yang sama, juga masih belum memulakan kerja di setengah-setengah tempat. Contohnya di Melaka, jelas menunjukkan bahawa salah pengurusan ekonomi adalah faktor penyebab yang penting dalam negara ini.

Di dalam keadaan yang buruk ini, Kerajaan termasuk Yang Berhormat Menteri Kewangan terjerumus dalam putaran ganas atau, dengan izin, Vicious Circle dan tidak berdaya menyelamatkan diri. Pihak pemerintah tidak dapat mempengaruhi situasi ekonomi dunia dan paras harga-harga komoditi. Akan tetapi, sekurang-kurangnya Kerajaan berdaya untuk memperbaiki kelakuan dan kebudayaan pemerintah dan koporat serta corak hak milik dan pengagihan pendapatan. Contohnya, Republik Singapura mempunyai keazaman politik yang mencukupi untuk menggerakkan ekonomi negaranya ke arah pertumbuhan setinggi 5%-7%.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai Bursa Saham yang mengalami satu krisis, ini menunjukkan peraturan-peraturan asas ekonomi sama ada dunia ataupun negara ini adalah lemah. Kemosrotan Bursa Saham seperti di Wall Street, New York adalah mencatatkan satu kemuraman ekonomi yang teruk dan kita pun tidak tahu sama ada keadaan kemelesetan ekonomi yang besar akan berlaku di dunia ini. Walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi jaminan bahawa ini tidak akan menjejaskan ekonomi kita, kita haruslah memperingatkan bahawa pertukaran Yen yang semakin hari semakin menjadi lebih kuat, paras harga-harga komoditi yang masih rendah dan dominasi Jepun di dalam dunia ekonomi dan perang ekonomi di antara Jepun, Amerika Syarikat dan EEC, hutang-hutang negara ketiga yang lebih daripada AS\$1 ribu billion, dan pembaziran wang dan pengaliran wang daripada negara-negara miskin ke negara-negara kaya yang lebih daripada AS\$1 ribu billion setahun serta dasar perlindungan dan pengangguran yang kian meningkat sama ada di negara ini yang mencatatkan lebih daripada 9.4% tahun depan dan juga di negara-negara miskin serta negara-negara maju di seluruh dunia. Faktor-faktor inilah yang penting yang tidak dapat dipengaruhi oleh negara kita termasuk Yang Berhormat Menteri Kewangan dan sebab itulah saya menyatakan bahawa keadaan ekonomi sama ada di dalam dunia ataupun di negara ini sangatlah serius.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dua tahun yang lepas ini Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak dapat menggunakan pendapatan daripada eksport barangan utama dan petroleum untuk melegakan ekonomi negara dari keadaan kesulitan wang. Akan tetapi pada tahun 1988 pemulihan pasaran barangan utama

kepada paras harga-harga yang tinggi, misalnya harga minyak mentah yang naik ke tingkat harga AS\$18 setong berbanding dengan AS\$13 setong pada awal tahun 1987 serta pertambahan dalam keluaran petroleum daripada 462,000 tong kepada 540,000 tong sehari, memudahkan lagi usaha Kerajaan merancang pertumbuhan ekonomi.

Namun demikian negara kita masih tidak dapat menandingi pencapaian Thailand yang merekodkan pertumbuhan ekonomi setinggi 7%, iaitu negara yang paling pesat pertumbuhannya di rantau Asia Tenggara bagi tahun kedua. Pada asasnya, ekonomi Thailand juga bergantung kepada pasaran barangan utama sama seperti Malaysia. Pada masa yang sama kedua-dua negara kita dan Thailand juga mengalami penurunan nilai mata wang berbanding dengan mata wang negara-negara Eropah. Akan tetapi dengan usaha bersama eksport yang kuat, Thailand berjaya mengambil kesempatan pasaran dunia untuk mengubah haluan kurangan imbalan perdagangan yang tinggi menjadi lebih sebanyak AS\$5 billion atau 7.5 billion ringgit Malaysia. Sepatutnya dengan keazaman politik Malaysia juga boleh mengecap pencapaian pertumbuhan ekonomi yang cemerlang.

Selain daripada keadaan kewangan yang buruk, negara sedang juga mengalami ketegangan kaum yang kritikal. Seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, "tindakan yang tidak bertanggungjawab boleh mencetuskan ketegangan kaum dan kekacauan. Jika ketegangan ini tidak dikendalikan, segala yang kita bina sebelum ini akan hilang dalam sekelip mata sahaja. Kata-kata ini memanglah bernas dan jelas diperlihatkan dari peristiwa seorang lelaki bersenjata M16

melepaskan tembakan ke arah orang awam pada malam 18hb Oktober, 1987 yang telah mencetuskan panik nasional. Seluruh negara tergempar dengan berbagai khabar angin.

Ekoran dari peristiwa ini, hampir semua pemimpin dan akhbar telah menasihatkan semua pihak memberhentikan kegiatan menghasut. Yang Berhormat dari Tanjong telah menggesa semua pemimpin politik supaya memberhentikan segala aktiviti yang boleh mengakibatkan kemarahan mana-mana kaum. Di sini saya ingin menegaskan lagi betapa perlunya untuk menubuhkan satu Majlis Perundingan Kebangsaan atau Majlis Perundingan Nasional. Buat sementara waktu, DAP telah memberhentikan kempennya terhadap pendatang haram dan lain-lain isu disebabkan oleh ketegangan kaum dan satu moratorium pun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong semalam.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menasihatkan semua pihak termasuk Menteri-menteri supaya jangan bersikap provokatif. Menurut kenyataan Perdana Menteri, beliau tidak mahu sesiapa pun mencetuskan porak-perandaan dalam negara. Rapat umum raksasa Pemuda UMNO di Stadium TPCA, Kuala Lumpur pada 17hb Oktober tahun ini yang kononnya dihadiri oleh 15,000 orang Melayu telah menyaksikan pemimpin-pemimpin UMNO melepaskan geram bercorak perkauman. Begitu juga dengan perhimpunan kempen kesedaran UMNO di Pusat Perdagangan Dunia Putra pada 18hb Oktober, 1987.

Saya berharap pekikan dan jeritan ini,

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Arau minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apakah Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa semua—saya ulang sekali lagi ini telah diulang semalam—semua perbuatan ini adalah disebabkan oleh DAP yang memulakan isu perkauman ini dengan menjemput pemimpin-pemimpin Cina berkumpul di Temple dan membawa perkara-perkara perkauman, terutamanya meminta Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya berhenti dan juga menimbulkan perkara-perkara mengenai bahasa?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Arau itu dia memang dari utara, dia kurang faham sedikit kerana dia pun tidak tahu perhimpunan di kuil yang disebutkan tadi ialah dianjurkan oleh pihak Persatuan-persatuan Masyarakat Cina bukan oleh DAP. DAP diperlawa untuk mengambil bahagian sahaja. Itulah hakikatnya.

Yang kedua, mereka ini pun meminta Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyelesaikan perkara perlantikan Guru Besar dan Penyelia Kanan. Ini bukan isu perkauman yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau, dia kurang faham dari utara seolah-olah daripada Khutub Utara, dia tidak faham langsung mengenai apa yang berlaku.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: “Tok Pek” Kelantan ini, Tuan Yang di-Pertua, lagi tidak faham, saya rasa walaupun saya tidak faham tentang bahasa yang diucapkan, tetapi perkara-perkara yang ditimbulkan

berbau perkauman dan DAP ini memang orang kata suka “mencedok di air keruh”! Sekarang dia menarik diri pula daripada Jawatankuasa tersebut. Memang tidak bertanggungjawab. Kepong Keponglah!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak faham lagi, kerana DAP ada di Jawatankuasa yang disebutkan tadi oleh Yang berhormat, dia ketinggalan zaman sekali lagi.

Saya berharap pekikan dan jeritan sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau ini akan berhenti sebelum ia mengakibatkan peristiwa pahit. Oleh itu saya menyeru supaya Perhimpunan 41 tahun UMNO yang akan berlangsung pada hari Ahad, 1hb November, 1987 ini dibatalkan ataupun ditundakan pada hari yang akan datang. Perhimpunan ini akan dihadiri oleh kononnya 500,000 orang di Stadium Merdeka. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberhentikan teriakan slogan-slogan yang gila dan perkauman pada waktu itu? Bolehkah Perdana Menteri menghalang beratus-beratus ribu orang mengapi-apikan perasaan seluruh komuniti Melayu dan pengikutnya yang menyinggung perasaan bukan Melayu? Bolehkah beliau memberi jaminan bahawa peristiwa seperti rapat umum raksasa Pemuda yang disebut tadi tidak akan berulang?

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan oleh ketegangan kaum yang kritikal dalam negara ini, saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menggunakan kebijaksanaan dan kewibawaan untuk membatalkan perhimpunan tersebut demi kepentingan masyarakat berbilang kaum dan sejajar dengan seruan-seruan beliau sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat juga diseru oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya membuktikan cinta dan taat setia kepada negara serta

mengorbankan kepentingan diri demi penyelesaian segala masalah ekonomi tanpa bersandiwara atau kepura-puraan. Ini sememangnya tanggungjawab setiap rakyat yang cintakan negara.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan juga tidak terkecuali dan sepatutnya "Memimpin Melalui Teladan" terutama sekali dalam hutang ekonomi dan usaha mencegah rasuah agar krisis keyakinan, konflik kepentingan serta penglibatan parti-parti politik dalam perniagaan dapat dibendung dan diatasi.

Keikhlasan pemimpin-pemimpin negara untuk memulih ekonomi negara sungguh penting sekali, kerana ahli-ahli politik khasnya Menteri Kewanganlah orang yang memulih dari berbagai-bagai strategi dan alternatif perancangan yang disediakan dengan penat lelah serta penuh kesabaran oleh profesional-profesional di Kementerian Kewangan. Kerja baik para profesional dan kakitangan yang telah menyumbang kepada pembentangan Belanjawan ini amat dihargai. Penghargaan terhadap usaha mereka boleh didemonstrasikan melalui pemilihan dan pelaksanaan rancangan-rancangan ekonomi dengan penuh keikhlasan dan keazaman politik. Hasrat ini mungkin tinggal impian sahaja kerana pada masa sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan sedang menghadapi cabaran-cabaran politik yang serius terutamanya di dalam parti UMNO. Maka proses pemilihan alternatif dan strategi pembangunan bukan sahaja dirumitkan lagi oleh pergolakan politik, akan tetapi juga dikongkong oleh kekurangan keazaman politik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah

menyebut tiga tujuan strategi Belanjawan 1988 sebagai mengukuhkan proses pemulihan ekonomi dengan menggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan kecekapan industri dan memperbaiki kewangan sektor awam. Pada pendapat saya strategi Belanjawan Tahun 1988 masih kekurangan satu tujuan yang penting iaitu untuk mewujudkan suasana yang sihat bagi menyelesaikan krisis politik semasa, dan seterusnya mengukuhkan keazaman politik negara untuk memulih serta mengusahakan pembaharuan struktur jangka panjang ekonomi negara. Sungguhpun masalah-masalah ekonomi mungkin dapat diselesaikan dengan adanya Belanjawan ini, akan tetapi tanpa keazaman politik serta keikhlasan politik pemulihan ekonomi hanyalah sementara sahaja dan akan berulang lagi sebaik sahaja kesan rancangan asal berakhir.

Penegasan ciri keazaman politik amat perlu bagi membendung dan seterusnya mengikiskan keterlaluan-keterlaluan serta penyalahgunaan Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan enggan menerima kenyataan bahawa penyalahgunaan Dasar Ekonomi Baru telah menghalau pelabur-pelabur tulen khasnya usahawam-usahawam tempatan dari melabur dalam negara. Begitu juga dengan kenyataan bahawa penyalah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah menindas golongan yang miskin, baik mereka yang berkaum Melayu ataupun bukan Melayu. Maka ia tidak menghirankan bahawa Belanjawan ini tidak menunjukkan tanda atau hasrat secara tetap dan jelas yang Kerajaan akan berusaha untuk menjamin bahawa Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dengan cara yang betul, adil dan saksama tanpa mengambilkira kaum atau agama.

Tun Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk memperbaiki kedudukan

kewangan sektor awam, kelemahan-kelemahan masih wujud walaupun hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1987 telah dianggar sebanyak \$18,037 juta akan tetapi kutipan hasil hanya dijangka mencapai \$17,278 juta. Ini menunjukkan kejatuhan sebanyak 4.2%.

Bagi tahun 1988 jumlah hasil dianggarkan \$20,913 juta, Kerajaan berharap kenaikan harga komoditi akan kekal pada paras yang tinggi. Walau bagaimanapun situasi ekonomi dunia dan paras harga komoditi tidak dapat dipengaruhi oleh negara kita. Ini bermakna jumlah hasil tahun 1988 mungkin akan jatuh sepertimana yang diakui pada tahun 1987. Sekiranya jumlah hasil yang dikutip pada tahun 1988 adalah seperti yang dianggarkan iaitu \$20.9 ribu juta, defisit Belanjawan adalah \$7.2 billion kerana \$28,121 juta diperuntukkan bagi Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, ini terdiri daripada \$21.2 ribu juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan \$6,885 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan. Segala insentif dan langkah fiskal yang diambil ialah untuk mewujudkan pertumbuhan K.D.N.K 4% dalam tahun 1988 berbanding dengan kadar pertumbuhan 1.2% dalam tahun 1986 dan 2% dalam tahun ini.

Bagi menampung defisit Belanjawan \$7.2 ribu juta, Kerajaan terpaksa meminjam dari dalam dan luar negeri. Pada masa yang sama Kerajaan juga berusaha untuk mengurangkan perbelanjaannya dan berbagai-bagai cadangan khasnya tumpuan kepada usaha penswastaan dan perubahan tingkat gaji permulaan kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaan berupa dasar baru pengurusan ekonomi yang membolehkan Kerajaan "sambil menyelam minum air", beban tanggungan Kerajaan

dikurangkan dan pada masa yang sama penglibatan sektor swasta dalam ekonomi bertambah. Itu yang diharapkan oleh pihak Kerajaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Projek-projek yang diswastakan di Malaysia adalah termasuk MAS, MISC, Sports Toto, Pengiklanan Radio Malaysia dan Metrolink. Sebanyak 35 buah lagi Jabatan, Agensi serta Perkhidmatan Kerajaan telah dikenalpastikan bagi penswastaan. Hasil penswastaan MAS, Sports Toto dan Terminal Kontena Pelabuhan Kelang melalui Penjualan saham telah dapat memungut \$430 juta. Dari MISC pula, hasil yang dikutip adalah \$100 juta.

Sepertimana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ekonomi 1987/1988, Unit Perancang Ekonomi akan menjalankan kajian induk penswastaan dan seorang penasihat akan dilantik tidak lama lagi. Persoalan yang timbul di sini adalah mengapa selepas beberapa tahun penswastaan dijalankan hanya kini satu kajian induk penswastaan akan diadakan. Jika Kerajaan benar-benar ikhlas ingin mengatasi masalah-masalah yang terlibat dalam penswastaan, maka segala projek penswastaan yang sudah dirancangan atau dalam pertimbangan harus diberhentikan sama sekali sementara menunggu persiapan kajian induk tersebut. Tindakan ini amat penting untuk mengurangkan kerugian berlebihan, lebih-lebih lagi apabila sebahagian besar daripada harta milik Kerajaan yang sangat lumayan pendapatannya sudah pun diswastakan. Andainya Kerajaan Pusat terpaksa meneruskan rancangan penswastaan yang sedia ada, maka segala maklumat terperinci mengenai setiap satu rancangan, termasuk proses penawaran dan pemilihan tender mesti dikemukakan kepada

orang ramai. Ini akan memastikan usaha-usaha penswastan tidak dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya, terutama sekali menunda kepada pengaruh politik, contohnya dalam kes penswastan Lebuhraya Utara-Selatan kepada UEM.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap usaha penswastan Kerajaan.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun, hendak minta jalan atau minta apa?

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong tadi ada menyebut berkenaan dengan penswastan Lebuhraya Utara-Selatan dan beliau mengatakan bahawa pemberian tender tersebut kepada UEM ialah kerana ianya tunduk kepada tekanan politik.

Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong sejauh mana beliau membezakan antara hal pen-tadbiran dengan hal-hal yang bersangkutan dengan politik, kerana pemberian tender kepada UEM ini adalah berdasarkan kepada polisi Kerajaan di mana siapa yang dahulu mengemukakan cadangan, maka pihak itulah yang sebenarnya berhak kepada kerja-kerja itu, bahkan campurtangan Kabinet di dalam keputusan ini hanyalah untuk mengeneipkan (wave) polisi tersebut dan membuka tender kepada semua mana-mana kompeni untuk memasuki tender tersebut. Apakah Yang Berhormat dari Kepong tahu hal ini dan apakah ianya membuat satu tuduhan politik dengan tujuan memperolehi "political mileage" dalam Dewan yang mulia ini dengan satu publisiti yang murah, sebagaimana yang pernah disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong. Terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, sekejap. Saya teringat adakah perkara ini berkenaan dengan kontrak Utara-Selatan yang diberi kepada UEM ini bukan satu perkara *sub-judice* kerana perkara ini masih sedang di dalam mahkamah? Jikalau begitu, pada fikiran saya janganlah siapa-siapa menyentuh dengan kerana betul atau tidak itu soal mahkamah dan kita di sini, sebelah pihak berkata betul, sebelah pihak kata tak betul. Pada fikiran saya kalau sekiranya kita membuat ucapan-ucapan menyentuh betul atau tidak itu ialah menyentuh pembicaraan dalam mahkamah dan jikalau begitu, ini adalah satu perbuatan yang menyentuh *sub-judice*.

Saya rasa, saya patut buat keputusan, iaitu penyentuhan dalam ucapan bersangkut-paut dengan kontrak ini adalah *sub-judice* dan saya tidak akan membenarkan siapa-siapa mengeluarkan perkataan-perkataan, ucapan-ucapan bersangkut dengan kontrak itu lagi. Yang Berhormat dari Kepong minta supaya berucap perkara lain.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mengenai penswastan, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu patutlah faham sedikit mengenai penswastan kerana saya tidak mahu lain kali penswastan ini menjadi pengkhianat ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, jangan tengok ke kiri pula, apa fasal? (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi langkah pengurangan perbelanjaan Kerajaan ialah cadangan potongan tingkat gaji permulaan serta pembekuan kenaikan gaji kakitangan

Kerajaan. Kerajaan leka mengambil kesempatan untuk mengurangkan tingkat gaji rakyat, walhal tingkat gaji serta elaun Menteri-menteri jarang sekali disentuh pula. Sungguhpun kos buruh Malaysia berupa yang kedua tinggi sekali di rantau ASEAN selepas Republik Singapura, Kerajaan perlu memahami bahawa penurunan tingkat gaji jarang sekali diikuti dengan kejatuhan tingkat harga barang-barang pengguna. Pada masa yang sama penurunan tingkat gaji kakitangan Kerajaan juga patut diikuti dengan potongan gaji atau elaun atau kedua-dua sekali para Menteri serta pegawai-pegawai tinggi dalam syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan. Kita telah bertahun-tahun lamanya menyeru Kerajaan supaya mengkaji semula kelebihan-kelebihan, termasuk elaun-elaun cuti yang diberi kepada Menteri-menteri, tetapi usaha sedemikian adalah seakan-akan menantikan kucing bertanduk.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1988 telah mengabaikan perihal bilangan kakitangan Kerajaan yang tinggi di sektor awam dan Belanjawan tahun 1986, Yang Berhormat Menteri Kewangan pernah mengeluh bahawa Malaysia mempunyai sais perkhidmatan awam yang besar, iaitu bagi tiap-tiap 17 orang penduduk, seorang daripadanya adalah kakitangan Kerajaan berbanding dengan 29 orang penduduk bagi Brunei, 33 orang bagi Thailand, 37 orang bagi Singapura dan 43 orang bagi Filipina. Sekarang Kerajaan menjangka kenaikan dalam bayaran pencen sebanyak \$44 juta menjadikan bayaran pencen sebanyak \$890 juta dalam tahun 1988. Kerajaan terpaksa menarik balik cadangan untuk menggantikan sistem pencen dengan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Apakah rancangan yang berkesan untuk mengurangkan sais perkhidmatan awam dan mempertingkatkan prestasi serta mutu perkhidmatannya. Apakah yang

sedang diikhtiarkan oleh Kerajaan untuk mengatasi beban pertambahan bayaran pencen dari setahun ke setahun.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan pembangunan adalah dianggarkan sebanyak \$6,885 juta dan 2/3 daripadanya diperuntukkan untuk projek-projek pembangunan luar bandar. Oleh kerana faktor-faktor sosio ekonomi, projek-projek pembangunan adalah perlu untuk kawasan-kawasan yang mundur, akan tetapi segala peruntukan haruslah digunakan dengan wajar tanpa pembaziran dan kecurangan.

Saya hendak menekankan bahawa daripada tahun 1970 hingga 1985 sekurang-kurangnya \$86,000 juta telah dibelanjakan untuk projek-projek pembangunan luar bandar. Daripada amaun yang sangat besar ini, pembangunan yang benar-benar berlaku adalah tidak sejajar dengan peruntukan. Kadar kemiskinan masih tinggi dan pengagihan pendapatan serta corak hakmilik tanah tidak berubah. Oleh itu, saya berharap peruntukan untuk projek-projek pembangunan tersebut akan digunakan dengan berkesan.

Pada awal bulan Oktober ini Kerajaan juga telah mengiktirafkan kawasan-kawasan penempatan setinggan dan kampung-kampung baru di Wilayah Persekutuan sebagai kawasan kemiskinan. Ini sememangnya langkah ke arah yang betul. Keberkesanan rancangan-rancangan membasmi kemiskinan akan bertambah lagi sekiranya Kerajaan mengkaji semula cara pelaksanaan Dasar-dasar Ekonomi Baru. Sekian lama ini cara pelaksanaan DEB adalah berlandaskan garis menegak kaum. Sehingga hari ini kita masih tidak

mengetahui dengan pastinya garis kemiskinan yang digunakan oleh Kerajaan. Kajian oleh Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi (SERU) di Jabatan Perdana Menteri menggunakan garis kemiskinan dengan pendapatan purata sebuah isi rumah sebanyak \$400 sebulan. Sukatan ini juga digunakan oleh Bank Dunia. Di Bahagian Unit Perancang Ekonomi pula garis kemiskinan pada pertengahan tahun 1980 adalah di sekitar \$300 bagi sebuah isi rumah. Purata kira-kira 6 orang dalam sekeluarga.

Pada 12hb September, 1987, Perdana Menteri telah mengatakan bahawa satu kajian terperinci patut dibuat untuk menentukan mengapa kemiskinan masih wujud sungguhpun Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah ini. Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dari 49.3% dalam tahun 1970 ke 18% dalam tahun 1984. Namun begitu, angka-angka ini tidak memuaskan apabila dipertimbangkan jumlah wang yang sudah dilaburkan. Oleh yang demikian, ia amatlah penting bagi Kerajaan untuk menerbitkan maklumat terperinci mengenai agihan pendapatan dan kekayaan setiap kali diungkitkan masalah pembasmian kemiskinan supaya orang ramai mendapat gambaran yang lebih lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat tersebut amat berguna sekali dalam memahami cara bagaimana Kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di sektor pertanian dari 40.2% dalam tahun 1976 kepada 23.8% dalam tahun 1984. Berjuta-juta ringgit dilaburkan ke dalam sektor pertanian dalam setiap Belanjawan yang dibentangkan sama ada dalam bentuk pelaburan terus ke dalam pembangunan

pertanian secara bersepadu, subsidi baja ataupun perkhidmatan-perkhidmatan sokongan.

Tetapi, adalah sangat mengeciwakan bahawa bantuan kewangan ke dalam sektor pertanian sebahagian besarnya adalah dipengaruhi oleh cita-cita politik. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, subsidi padi adalah yang paling besar sekali, di mana sejumlah \$850 juta diberikan kepada sektor ini dalam masa 5 tahun. Namun begitu, para petani tetap miskin sedangkan keluaran padi meningkat tetapi berkualiti rendah. Ini ialah kerana subsidi diberi berasaskan kepada kuantiti keluaran dan tidak mengambil kira kualitinya.

Bagi pelaburan dalam pembangunan pertanian secara bersepadu pula pada akhir bulan Ogos ini, dilaporkan bahawa pembiayaan kewangan oleh Bank Dunia serta Bank Pembangunan Asia ke dalam rancangan tersebut telah berkurangan kerana banyak projek itu dibatalkan, sebab kajian kemungkinan menunjukkan bahawa mereka itu tidak berhasil. Sementara kos bagi projek-projek yang lain terlebih dianggarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini kita tidak tahu dengan pastinya bilangan projek IADP yang gagal yang diketahui adalah projek IADP di Endau-Rompin, Pahang telah ditutup pada tahun lepas. Sementara beberapa projek di Negeri Sembilan Timur dan Barat Laut Selangor yang seharusnya disiapkan pada awal tahun 1985, masih belum diselesaikan.

Kita juga tahu bahawa projek-projek yang didapati tidak menguntungkan yang dijalankan akan diserap ke dalam jabatan-jabatan serta agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, FELCRA dan RISDA.

Tindakan sedemikian memanglah satu kebiasaan dalam pengurusan Kerajaan yang peka menutup segala-segalanya dengan menyerapkan mereka ke dalam berbagai-bagai jabatan atau agensi Kerajaan.

Belanjawan telah memperuntukkan sejumlah \$512 juta bagi FELDA, RISDA dan FELCRA, sementara \$116 juta diperuntukkan pada KESEDAR, KEJORA, KETENGAH, KEDA, PERDA, JENKA dan DARA. Apakah akan terjadi dengan peruntukan ini? Adakah ini penting, adalah peri penting bagi Kerajaan untuk mengumumkan kerugian yang dialami apabila projek-projek seperti IADP di Endau-Rompin diberhentikan serta sebab-musababnya sebelum lebih banyak wang diperuntukkan lagi kepada projek-projek tersebut.

Yang menghairankan adalah Belanjawan tahun ini langsung tidak menyebut tentang sektor perikanan. Apakah sebabnya? Adakah Kerajaan begitu yakin sekali dengan kemajuan terbaru dalam sektor perikanan iaitu projek kerjasama di antara syarikat swasta tempatan K & I Industries dengan syarikat swasta Thailand—White Star dalam bidang perikanan tuna di Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia?

Setahu kita, nelayan-nelayan Pantai Timur Malaysia merasa kurang senang hati dengan projek kerjasama ini. Mereka tidak tahu kepada siapa yang harus mereka mengadu mengenai kes-kes nelayan-nelayan asing yang mencero bohi perairan negara. Mereka nampak beratus-ratus buah bot Thai yang bukanlah kepunyaan K & I Industries memasuki perairan Malaysia. Setengah-setengah daripada bot perikanan ini mempunyai tanda-tanda pengenalan Thai tetapi mengibarkan bendera Malaysia. Para nelayan mengesyaki bahawa Pegawai

Jabatan Perikanan yang sepatutnya berada di dalam bot-bot K & I Industries tidak bertugas, hanya 21 daripada 40 buah bot K & I Industries sahaja yang mendaratkan tangkapan ikan mereka di Pelabuhan Kuantan seperti yang dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata, seluruh projek kerjasama itu bolehlah dikatakan dijalankan dengan tersipu-sipu oleh Kerajaan yang perbuatan sedemikian sudah tentu akan memperburukkan lagi krisis keyakinan dalam negara dan menunjukkan kekurangan keazaman politik untuk berterus terang kepada rakyat jelata. Projek tersebut boleh disifatkan sebagai projek yang tidak difahami oleh rakyat, terutamanya para nelayan. Usaha penangkapan ikan di laut dalam adalah penuh dengan misteri, justeru laut yang dalam boleh diduga, tetapi hati manusia siapa tahu.

Memandangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Thailand bersamasama menandatangani projek ikan tuna tersebut, maka mereka telah mengambil langkah yang penting untuk menangkap ikan di Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia. Oleh itu, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan memberikan butir-butir selanjutnya mengenai projek tersebut.

Pada 16hb Oktober tahun ini Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah mengatakan bahawa para nelayan asing telah mencuri ikan bernilai \$150 juta setahun di Zon Ekonomi Eksklusif. Beliau memberikan jaminan bahawa kebolehan Tentera Udara Diraja Malaysia untuk membuat peninjauan di Zon Ekonomi Eksklusif tersebut adalah setaraf dengan negara-negara maju. Rakyat Malaysia berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Pertahanan dapat menunaikan jaminan tersebut agar pencurian ikan tersebut boleh dikikiskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan keazaman politik untuk berterus terang dengan rakyat serta berkeras kepala untuk mengecap kejayaan politik juga jelas kelihatan dalam jumlah pelaburan Kerajaan ke dalam Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (HICOM), PERNAS, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri serta MARA sejumlah \$437 juta atau 54.4% daripada jumlah peruntukan pembangunan bagi sektor perindustrian dan perdagangan dilaburkan ke dalam perbadanan-perbadanan Kerajaan yang disebutkan di atas.

HICOM bersama-sama dengan anak-anak syarikatnya termasuk Pengedaran Automobil Nasional Sdn Bhd telah mencatatkan kerugian sebanyak \$21,812 juta menjelang tahun 1985.

PERNAS dalam tempoh yang sama mengalami kerugian sebanyak \$36,187 juta; MARA pula dibebankan dengan hutang lapuk, manakala penjualan Bahagian Pengangkutannya di kawasan-kawasan tertentu yang didapati merugikan sekarang adalah dalam pertimbangan.

Jika kita mengelompokkan kesemua pelaburan Kerajaan dalam setiap agensi perbadanan atau syarikat, jumlah tersebut adalah \$9 billion atau 96% daripada jumlah besar pelaburan modal yang bernilai \$13 billion. Pulangan dari pelaburan \$9 juta ini tersangat kecil sehingga boleh diabaikan. Sekiranya Kerajaan melaburkan wang yang sama ke dalam simpanan tetap pada kadar bunga 5% setahun, Kerajaan akan mendapat \$450 juta setahun.

Yang lebih memburukkan lagi adalah dalam syarikat-syarikat atau agensi Kerajaan itu sebahagian besar daripada modal bekerja mereka diperolehi melalui pinjaman dari luar negeri, kebanyakannya dari Jepun. Sekiranya Kerajaan Pusat tidak terlibat langsung dalam urusan

meminjam wang, maka ia adalah penjamin syarikat-syarikat ini. Contohnya pada tahun ini, sejumlah \$11,294 juta atau 74% daripada hutang 24 buah perusahaan awam bukan kewangan dijamin oleh Kerajaan Pusat. Siapakah pula 24 buah perusahaan awam bukan kewangan yang terlibat ini? Walaupun dengan adanya pembayaran awal pinjaman luar negeri nisbah khidmat bayaran hutang negara dijangka sebanyak 16.9% dalam tahun 1987.

Kerajaan harus sedar bayaran awal pinjaman luar negeri dengan menggunakan rezab luar negeri disebabkan oleh peningkatan harga barangan utama serta pertambahan dalam keluaran petroleum. Pergantungan negara kepada barangan utama terutama sekali petroleum tidak akan berkekalan selama-lamanya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bekalan petroleum Malaysia pada kadar pengeluaran 5,000 tong sehari mempunyai hayat 16 tahun, manakala gas 95 tahun.

Tanpa pengurusan dan kawalan hutang negara yang baik khasnya bagi perusahaan-perusahaan awam bukan kewangan yang dijangka mencatat pertumbuhan hutang sebanyak 2.7% masalah hutang luar negeri akan berterusan.

Begitu juga dengan hutang Kerajaan-kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang sesungguhnya telah menurun sebanyak 2.5% tetapi masih pada paras yang tinggi iaitu dianggarkan sebanyak \$6,319 juta dalam tahun 1987 berbanding dengan \$3,769 juta dalam tahun 1982.

Saya berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah memperketatkan lagi kawalan ke atas hutang negara khasnya hutang luar negeri. Ia seharusnya mengumumkan butir-butir

mengenai kehutangan 24 Perusahaan Awam Bukan Kewangan. Sekiranya kita mengambil kira juga hutang negara maka beban hutang Kerajaan Pusat sudah bertambah kerana pinjaman dalam negeri dijangka bertambah kira-kira \$24,017 juta dalam tahun 1987 berbanding dengan \$45,864 juta dalam tahun 1986. Jumlah ini adalah 67% daripada jumlah hutang awam. Mungkin Kerajaan berpendapat bahawa hutang dalam negeri itu tidaklah penting sangat memandangkan tidak berlakunya kebocoran dalam aliran wang dalam negara.

Tetapi pada prinsipnya pinjaman tetaplah pinjaman dan pinjaman yang berlebihan oleh Kerajaan Pusat akan lama kelamaannya mengakibatkan kesan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "crowding out" di mana peniaga-peniaga atau pelabur-pelabur tempatan menghadapi persaingan yang hebat untuk memperolehi kemudahan pinjaman dari pihak Kerajaan dan seterusnya terpaksa membayar kadar bunga yang tinggi.

Keadaan yang sedia ada dalam pasaran kewangan dalam negara sudah pun membimbangkan di mana menjelang bulan Julai 1987 kos purata meminjam adalah kira-kira 10.6% sedangkan kos purata tabungan hanyalah 4.8%. Yang lebih merunsingkan adalah faktor bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menyediakan 58.5% ataupun \$28,054 juta daripada keperluan kewangan Kerajaan Pusat. Wang yang dipinjamkan dalam bentuk pembelian surat jaminan Kerajaan Pusat adalah wang titik-peluh rakyat. Sekiranya Kerajaan Pusat gagal untuk menguruskan kewangannya dengan baik, surat-surat jaminan ini hanya mempunyai nilai yang setanding dengan harga sekeping kertas. Rakyatlah yang menderita dan terpaksa menanggung kerugian pula.

Malang sekali Belanjawan 1988:

- (1) tidak mempunyai kawalan ketat ke atas hutang negara;
- (2) ke atas pengurusan kewangan Perusahaan Awam Bukan Kewangan.
- (3) Bank Negara pula dijadikan bintang korporat Kerajaan yang baru. Selain dari menjadi penyelamat institusi-institusi kewangan seperti United Asian Bank, Perwira Habib Bank, Sabah Bank, Supreme Finance dan menubuhkan syarikat kewangan baru—Lian Hwa, kini pula mengambilalih tanggungan Kerajaan dalam MAS dan MISC.

Yang memeranjatkan sekali ialah peranan dan fungsi yang baru Bank Negara. Lazimnya Bank Negara mengawal dan mengawasi bank-bank komersial dan institusi-institusi kewangan yang lain. Sekarang Bank Negara menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti institusi-institusi kewangan. Dia adalah kedua-dua pemburu gelap dan pemelihara atau penjaga pada masa yang sama.

Dengan peranan dan fungsi baru Bank Negara ini maka wujudlah keunikan di dalam sistem kewangan di negara ini. Soal yang pokok ialah siapa pula yang akan mengawasi Bank Negara. Adakah Kementerian Kewangan bercadang untuk mengadakan Bank Negara yang baru untuk mengawal Bank Negara yang lama?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1988 sektor pendidikan telah diperuntukkan \$4.1 ribu juta untuk Belanja Mengurus dan \$1.2 ribu juta bagi Perbelanjaan Pembangunan.

Sektor Pendidikan merupakan satu bidang yang sangat penting di dalam negara ini yang membolehkan semua rakyat Malaysia menikmati kemudahan pendidikan dari sekolah

rendah, sekolah menengah dan universiti. Ianya juga penting untuk memperbetulkan ketidak-seimbangan sosio-ekonomi di negara ini. Ketidak-seimbangan ini wujud di dalam masyarakat semua kaum di Malaysia tanpa mengira kaum Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan lain-lain.

Saya hendak menekankan di sini bahawa di dalam masyarakat yang majmuk ini adalah peri penting untuk memperbaiki ketidak-seimbangan yang wujud. Langkah-langkah untuk memperbaiki ketidak-seimbangan ini tidak seharusnya menimbulkan perbezaan-perbezaan yang terlalu nyata. Perbezaan seperti ini pasti mewujudkan kegelisahan, kekecewaan serta polarisasi kaum.

Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan masalah pokok mengenai dasar pendidikan dan suasana pendidikan setelah negara ini mencapai kemerdekaan selama 30 tahun. Walau bagaimanapun, kanak-kanak di negara ini boleh memperolehi pendidikan yang percuma dari sekolah rendah hinggalah Tingkatan Enam Atas. Tetapi peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti masih terwujudnya ketidak-seimbangan dan ketidakadilan.

Di samping itu pendidikan dalam bahasa ibunda hanyalah dapat dipelajari secara percuma sehingga Darjah Enam. Memandangkan Yang Berhormat dari Tanjong telah menyentuh persoalan pokok saya hendak menekankan di sini bahawa kajian semula ke atas Akta Pelajaran 1961 hendaklah diadakan secara terbuka serta mengadakan satu jawatankuasa bebas yang terdiri dari wakil-wakil organisasi penting daripada semua lapisan masyarakat. Selepas kajian yang menyeluruh, pindaan ke atas Akta tersebut hendaklah mencerminkan cita-cita dan aspirasi-aspirasi semua kaum di negara ini.

Saya berharap dengan pindaan ke atas Akta Pelajaran 1961 satu suasana yang sihat dan bersatu-padu dapat wujud di kalangan pelajar di negara ini. Segala unsur polarisasi kaum di sekolah dan universiti dapat dikikiskan. Peristiwa-peristiwa seperti krisis perlantikan Guru Besar, Penolong Kanan, Penyelia Petang, Penyelia Ko-Kurikulum tidak akan berulang lagi. Saya menyeru kepada Menteri Pendidikan supaya menarik balik perintah untuk perlantikan tersebut dan memberi jaminan bahawa guru-guru yang tidak berpendidikan Cina tidak akan dihantar ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina untuk menjadi Guru Besar atau Penyelia Kanan pada masa yang akan datang.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Baik.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, bukan on a point of order.

Apakah Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa masalah pertukaran Guru Besar dan Penolong Kanan ke Sekolah Cina sehari dua baru-baru ini adalah merupakan isu pentadbiran? Dan tuntutan dan desakan yang baru sekejap dibuat oleh Yang Berhormat dari Kepong itu, apakah mahu menjadikan bahasa Mandarin sebagai suatu syarat di mana di dalam mempertimbangkan kenaikan pangkat guru-guru yang hendak ditukarkan ke Sekolah Cina sedangkan bahasa Mandarin ini tidak pernah dan tidak boleh sekali-kali dijadikan sebagai satu kriteria untuk kenaikan pangkat? Apakah Yang Berhormat dari Kepong cuba mahu meletakkan suatu dasar DAP di dalam pentadbiran Kerajaan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu itu adakah beliau faham bahawa dasar Kerajaan itu mengenai guru-guru yang mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ialah seseorang itu hendaklah lulus di dalam SPM dengan kepujian di dalam bahasa Cina dan juga lulus di dalam Bahasa Malaysia. Itu satu syarat sebelum mereka masuk ke Maktab Perguruan dan mereka kemudian dihantar kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Itu syarat Kerajaan. Cuma kita menekankan bahawa syarat ini dipatuhi sahaja. Satu perkara yang membimbangkan pada masa ini.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau bangun pula.

Dr Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat dari Kepong ini dia selalu membuat sindiran tidak faham. Saya rasa dia yang paling tidak, bukan bodoh, yang tidak mengerti, lebih daripada bahasa tidak faham.

Soalan tadi, apakah DAP tidak memberi kepercayaan kepada pentadbiran? Kita tidak campur soal pentadbiran. Tetap DAP mengambil ini sebagai isu politik. Faham tak?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, beliau sendirilah menggunakan perkataan "faham" beberapa kali. Di dalam dua tiga ayat itu berapa kali dia menggunakan perkataan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam manifesto 1986 Barisan Nasional dengan terus terang memberi jaminan kepada masyarakat Cina bahawa corak dan ciri-ciri Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tidak akan berubah. Dan kerana wujud kebimbangan mengenai perlantikan

tersebut maka kita menyeru bahawa Kerajaan mematuhi kepada manifesto pilihanraya umum. Itu sahaja kita buat. Satu perkara yang membimbangkan pada masa kini ialah masalah polarisasi kaum di kalangan pelajar di sekolah dan kampus universiti. Keadaan ini membayangkan keadaan yang sebenarnya dalam masyarakat, walaupun semua pelajar di universiti mempelajari Bahasa Malaysia dan sukatan pelajaran yang sama sejak sekolah rendah, tetapi polarisasi kaum masih ada dan semakin hari semakin menjadi serius. Di sini kepercayaan dan keyakinan Kerajaan sejak Kemerdekaan 30 tahun yang lepas bahawa rakyat yang berbilang kaum di negara ini dapat hidup dalam suasana harmoni apabila mereka bercakap dalam satu bahasa iaitu Bahasa Malaysia tidak dapat dicerminkan oleh keadaan sekarang. Begitu juga dengan keadaan di Dewan yang mulia ini, semua Ahli Yang Berhormat di sini diwajibkan menggunakan satu bahasa sahaja iaitu Bahasa Malaysia. Akan tetapi, Wakil-wakil Rakyat di sini tidak semestinya bersatu padu kerana mempunyai fahaman dan kepentingan politik yang berbeza. Persoalan di sini ialah mengapa dengan penggunaan Bahasa Malaysia tidak dapat mencapai perpaduan. Inilah soalan yang patut dijawab oleh pihak Kerajaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada tiga bangun sekali. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Kita dengar Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pula.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Memang saya meluat pun hendak usik kawan ini bercakap. Walau macam

mana pun, apabila disebut Bahasa Malaysia tidak boleh menyatupadukan, ini saya rasa suatu penderhakaan, melampau. Tetapi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas, perkataan "penderhakaan" itu lazimnya ditakrif sebagai unparliamentary.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, sebab memanglah rasa panas sedikit. Saya hendak minta Yang Berhormat dari Kepong sebagai seorang yang mempunyai pendidikan yang tinggi, berkelulusan doktor, pertahankanlah tradisi ilmu pendidikan yang kita ada. Sudah menganggu. Okay!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pasir Mas itu, saya minta dia sabar sedikit kerana saya akan melanjutkan ucapan saya dan saya akan beri cadangan pada dia bersama-sama kita memperjuangkan Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bahasa ialah sebagai alat perantaraan. Melalui bahasalah, komunikasi di antara kaum dapat diadakan. Itu setujukah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan bertanya macam itu. Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Akan tetapi, menerusi bahasa sahaja tidak memadai untuk mencapai perpaduan. Latarbelakang kebudayaan, adat-resam, agama, pengalaman, perasaan dan fikiran di kalangan masyarakat majmuk adalah berbeza. Oleh itu, salah satu aspek yang terpenting ialah dasar-dasar dan pelaksanaannya wajib diadakan secara adil dan saksama.

Selepas tetamu dengan Naib-naib Chancellor enam buah Universiti baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah

menyuarakan puas hati dengan keadaan kaum di kampus-kampus universiti dan keadaan di dalam universiti-universiti telah disifatkan.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun hendak beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia beri jalan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Walaupun Yang Berhormat dari Kepong pada awalnya mengakui bahawa bahasa ini merupakan suatu alat komunikasi yang boleh membentuk perpaduan, tetapi kenyataannya yang kemudian itu seolah-olah menafikan kenyataan yang pertama kerana dia menyebut perkataan kebudayaan, atau dalam Bahasa Inggerisnya, culture. Jadi, culture ini termasuk salah satunya ialah bahasa.

Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong apakah beliau sedar di negara-negara jiran seperti di Indonesia, seperti di Thailand, tidakkah kerana melalui satu bahasa maka kesemua penduduk-penduduk di negara itu dapat disatukan? Orang-orang Cina di Thailand lebih berbangga berbahasa Thai daripada menggunakan bahasa Cina. Serupa juga orang Cina di Indonesia lebih bangga menggunakan Bahasa Indonesia daripada menggunakan bahasa Cina, dan tukar nama pula. Tidakkah di negara Indonesia itu Lim Swee King lebih bangga ia dikatakan sebagai orang Indonesia daripada orang Cina? Apakah perkara yang sama, kalau kita hendak buat bolehkah dilaksanakan di Malaysia? Kalau tidak ada kegedilan setengah masyarakat seperti orang-orang DAP, faham?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu ini dia terserong sedikit.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, perkataan "serong" itu unparliamentary, sebab dia membawa makna yang berbagai-bagai yang boleh menterjemahkan diri saya tidak tahu. Saya minta tarik balik. Unparliamentary.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk! Saya rasa tidak.

Tuan Zubir bin Embong: Tidak? (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua: Perkataannya itu ialah fikiran Ahli Yang Berhormat tidak sama dengan fikiran dia. Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Sabarlah sedikit satu dua minit lagi, saya akan terangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar sedikit.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, selepas bertemu dengan Naib Chancellor enam buah Universiti baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyuarakan puas hati dengan keadaan kaum di Kampus-kampus Universiti dan keadaan di dalam Universiti-universiti telah disifatkan oleh beliau sebagai baik dan harmoni. Di samping itu, beliau telah menyingkirkan keadaan tidak perpaduan di kalangan pelajar sebagai perbualan kedai kopi sahaja seperti dibuat oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tadi. Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Naib-naib Chancellor.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya rasa itu unwarranted. Reference macam itu unwarranted, saya minta tarik balik, tidak dikehendaki. Saya minta tarik balik.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tarik balik.

Tuan Zubir bin Embong: Berhentilah cakap. Rugi masa.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Naib-naib Chancellor yang turut hadir di dalam perjumpaan itu juga menyatakan polarisasi kaum adalah tidak serius, tetapi kegiatan-kegiatan di kampus-kampus akan terus diawasi setiap masa. Ini jelas menunjukkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berbahagia Naib Chancellor masih cuba hendak mengelakkan diri daripada masalah ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sweeping the problem under the carpet. Jikalau Naib Chancellor Universiti Malaya ingin para ahli politik tidak campur tangan dalam hal ehwal universiti, maka beliau seharusnya mencadangkan kepada Kerajaan supaya memansuhkan Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti sebagai langkah pertama untuk mentadbir universiti dan bebas daripada campur tangan ahli-ahli politik. Di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun pula. Hendak beri jalan?

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit sahaja, tidak mahu ganggu selepas ini. Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan soal isu bahasa universiti. Saya tahu dan saya diberitahu bahawa serombongan ahli DAP telah menemui Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia dan telah menerangkan kedudukan isu bahasa di Universiti Malaya itu. Dan semuanya menganggu kepala makna faham. Dan berpuas hati dengan penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Tetapi selepas sehari daripada penerangan itu diberi, golongan politik DAP ini yang diketuai oleh

Yang Berhormat dari Petaling Jaya, kalau tidak silap saya, mengadakan tunjuk perasaan di pintu pagar Universiti Malaya membantah isu bahasa.

Saya tidak tahu pada masa dia angguk di hadapan Menteri Pendidikan erti faham atau tidak faham. Tetapi mengikut adat Melayu, kalau angguk ertinya "ya". Bukan ertinya angguk itu "tidak" dan gelang itu "ya". Tetapi saya tidak tahu sama ada mereka yang mengangguk-angguk sebagai angguk kambing, saya tidak tahu. Kalau inilah sikap yang ditunjukkan oleh DAP lanjutan daripada isu bahasa yang disebutkan tadi tidak mungkin di negara kita dapat wujudkan perpaduan, keharmonian. Bahkan saya katakan bahawa polarisasi kaum yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Kepong itu pun disebabkan oleh chauvinistic, oleh perasaan perkauman, tindakan yang begitu chauvinist oleh ketua-ketua ataupun pemimpin-pemimpin DAP seperti Yang Berhormat dari Kepong, fahamkah?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu serkap jarang sahaja, yang meradang tidak tentu arah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bercakap sudah sejam lebih. Bolehkah beri peluang kepada Ahli-ahli lain pula.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan bahawa polarisasi kaum memang ada, tidaklah hanya di universiti sahaja, tetapi juga di semua lapisan masyarakat. Masalah ini sudah menimbulkan ketegangan.

Saya ingin menyeru Kerajaan supaya menubuhkan satu Majlis Perundingan Kebangsaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat

dari Tanjong untuk memastikan keadaan polarisasi di negara ini tidak akan menjadi semakin buruk terutamanya isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak UMNO, Pemuda UMNO dan lain-lain termasuk Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tadi.

Kami di dalam DAP menerima Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dalam Malaysia yang merdeka ini. Maka segala usaha haruslah dijalankan untuk mengembangluaskan penggunaan Bahasa Malaysia. Selain daripada mendaulatkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, pengajaran bahasa-bahasa ibunda hendaklah diperluaskan sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. DAP menyokong dengan penuh hasrat Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam usaha menghidupkan semula "Bulan Bahasa Kebangsaan" yang pernah diadakan dari 1960 hingga 1967 dan selepas 20 tahun kempen ini akan dihidupkan semula. Kempen tersebut pernah dianjurkan oleh bekas Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Allahyarham Tun Sri Syed Nasir Ismail sewaktu Allahyarham menjadi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Sekiranya kami dijemput, pihak kami akan menyertai kempen tersebut. Selain daripada itu DAP akan berusaha untuk mengembangluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam masyarakat termasuk ikhtiar mempertingkatkan penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan Wakil Rakyat DAP sendiri.

Satu kelemahan pada Kementerian Pendidikan ialah kekurangan guru-guru bahasa termasuklah guru Bahasa Malaysia. Dilaporkan bahawa terdapat kekurangan seramai 1,000 guru Bahasa Malaysia. Maka usaha-usaha yang lebih berkesan haruslah diambil untuk melatih lebih ramai guru-guru Bahasa Malaysia yang bermutu tinggi serta memastikan

taraf penggunaan Bahasa Malaysia dapat dipertingkatkan setiap masa sehingga tidak terwujudnya kekurangan di semua sekolah di Malaysia dan setiap 5 atau 10 tahun latihan dalam perkhidmatan haruslah diadakan untuk mempertingkatkan kualiti guru-guru bahasa.

DAP memang menyokong Bahasa Malaysia tetapi bahasa-bahasa lain yang termaktub di dalam Perlembagaan harus juga dipertahankan. Pengajaran berbagai bahasa adalah sangat penting untuk negara ini kerana ia membuka peluang pekerjaan, untuk melanjutkan pelajaran ke bidang-bidang seperti profesion perdagangan, perindustrian dan diplomasi.

Penggunaan bahasa lain selain daripada Bahasa Malaysia seperti bahasa Cina, Tamil dan Inggeris haruslah digalakkan. Dengan hanya penguasaan Bahasa Malaysia sahaja seseorang itu akan terhad dalam peluangnya mencari pekerjaan terutama sekali dalam sektor swasta. Masalah ini juga merupakan salah satu faktor yang dihadapi oleh mahasiswa dan mahasiswi yang menganggur pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak menekankan bahawa untuk menunjukkan masyarakat majmuk ini bahawa Bahasa Malaysia dimiliki oleh semua kaum, oleh semua warganegara Malaysia, kerana di dalam Bahasa Malaysia sekarang ini lebih kurang, kalau kita melihat dalam Kamus Dewan yang diterbitkan oleh DBP, di antara kira-kira 24,000 perkataan Bahasa Malaysia ini terdiri daripada 70% Bahasa Melayu dan 30% bahasa-bahasa yang lain. Ini menunjukkan bahasa itu dimiliki oleh semua warganegara Malaysia, bukan oleh segolongan ataupun satu kaum sahaja. Sebab itulah saya berpendapat bahawa adalah lebih wajar bahawa kalau perlantikan untuk Pengarah

DBP ataupun Timbalan Pengarah, orang-orang bukan Melayu dilantik juga untuk menjadi Pengarah ataupun bukan Pengarah, menunjukkan bahawa Bahasa Malaysia itu dimiliki oleh semua warganegara Malaysia.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu Suruhanjaya Tetap Banjir yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan. Tuan Yang di-Pertua, sekarang negara ini ada banjir-banjir termasuk banjir kilat di sekitar Kuala Lumpur, di Perak, Negeri Sembilan dan sebagainya dan setakat ini saya tidak nampak Yang Berhormat Menteri Penerangan mengambil perhatian mengenai banjir ini. Cuma beliau pandai untuk mengeluarkan kenyataan yang boleh menghasut, kenyataan yang kadangkala provocative, tetapi dia tidak ambil perhatian yang penuh mengenai banjir. Saya berharap Suruhanjaya Tetap Banjir ini akan mengadakan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk menyelesaikan semua banjir yang berlaku di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.46 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 yang telah dibentangkan di hadapan kita dua hari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ucapan kata mula saya ini akan memeranjatkan seluruh anggota Dewan khususnya Tuan Yang di-Pertua sendiri kerana saya ingin memulakan perbahasan atas Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan ini dengan masalah pentingnya solat Asar

disegerakan. Waktu Asarlah berlaku pertukaran giliran kakitangan Kerajaan langit iaitu Malaikat yang menjaga amal ibadat seseorang. Malaikat yang selesai gilirannya itu naik ke langit membawa buku amalan kita dan maklumat yang utama disampaikan kepada penghuni langit apakah yang dilakukan oleh individu manusia. Malaikat itu meninggalkan cekrawala dunia.

Justeru itu, Islam menganjurkan supaya disegerakan solat Asar supaya maklumat itu dapat dimaklumkan kepada penghuni langit. Saranan ini tidak menafikan bahawa solat Asar itu boleh ditunaikan sehingga akhir waktu. Perkara ini saya timbulkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk menarik perhatian Dewan di samping Kerajaan perlu memikirkan yang Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan itu jangan lagi disampaikan ke Dewan ini pada waktu menjelang tibanya solat Asar.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang ada ini dibentangkan kira-kira 10 minit sebelum masuk waktu Asar.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. Hendak beri jalan, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya harap jasa baik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu kuasa Yang Berhormat, bukan kuasa saya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Masa saya bercakap ini tolonglah jaga budak-budak UMNO yang dua tiga orang ini (*Ketawa*) supaya jangan ganggu!

Tuan Yang di-Pertua: Jangan ganggu ya!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jangan ganggu, sebab masa peluang untuk dia ada. Ucapan saya Menteri jawab.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang ada ini dibentangkan kira-kira 10 minit sebelum masuk waktu Asar. Ucapan Belanjawan ini penting dan perlu diikuti oleh seluruh rakyat. Kerana pentingnya itulah maka penyampaian Ucapan Belanjawan ini disiarkan secara langsung oleh TV Malaysia. Orang Islam Malaysia terpaksa membuat pilihan—lewat solat atau solat dan tidak dapat mengikuti ucapan itu ketika itu. Sekiranya perubahan tidak dibuat, maka ini bererti Kerajaan tidak mahu orang-orang yang taqwa mengikuti ucapan ini sama awal dengan lain-lain orang. Saya mencadangkan khusus untuk acara Ucapan Belanjawan ini diadakan di sebelah pagi seperti yang lazim dilakukan pada awal-awal kemerdekaan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Belanjawan ini disampaikan oleh seorang saudagar, maka Belanjawan ini pada saya seolah-olah Belanjawan swasta. Ia kurang mencerminkan kemahuan Kerajaan dan tidak boleh memberikan perhatian kepada keperluan rakyat. Kiranya kita sedia meneliti Ucapan Belanjawan yang pernah disampaikan oleh ahli perniagaan yang menjadi Menteri Kewangan itu di masa-masa yang lalu, nescaya masalah penswastanlah yang lebih ditonjolkan. Ia bermula dengan sogososha, mewujudkan penyiaran TV swasta, menswastakan Telekom, tahun lalu menswastakan Keretapi dan kali ini juga persoalan penswastan itu diberikan penekanan yang lebih lagi selain dari menyebutkan banyak lagi harta milik negara akan diswastakan.

Kerajaan telah memansuhkan cukai keuntungan berlebihan 3% mengakibatkan Kerajaan kerugian \$140 juta. Secara jelas ini adalah suatu yang dialu-alukan oleh pihak swasta khususnya syarikat yang terlibat dengan perkara itu selama ini. Mengurangkan cukai adalah baik, tetapi apakah matlamat cukai itu tidak dihapuskan. Sebarang potongan cukai atau menghapuskan cukai, sasaran utamanya adalah untuk meringankan bebanan rakyat, khususnya yang berpendapatan kecil, tetapi langkah menghapuskan cukai keuntungan berlebihan itu bukanlah untuk meringankan beban rakyat. Sebaliknya adalah dinyatakan untuk menggalakkan pelaburan. Syarikat-syarikat besar seperti jenis perniagaan yang diselenggarakan oleh rakan-rakan dan keluarga Menteri Kewangan akan mendapat keuntungan dari langkah ini. Tetapi belum dapat dipastikan keuntungan yang besar yang diperolehi oleh syarikat-syarikat itu boleh mengurangkan yang ditanggung oleh rakyat yang ramai itu. Harga barang tidak akan diturunkan. Kalau Proton Saga bebas dari cukai keuntungan, tidak bererti harga motokar itu akan turun. Kalau syarikat kasut lepas dari cukai keuntungan, tidak bererti rakyat akan memperolehi kasut yang murah. Sebaliknya, pelaburan yang diidam-idamkan tadi tidak pula datang atas sebab terhapusnya cukai keuntungan berlebihan itu atau ia akan segera datang dengan adanya kenaikan elaun pelaburan semula yang disarankan oleh Ucapan Belanjawan itu.

Kenaikan elaun pelaburan semula adalah antara galakan yang baik. Ia menambahkan lagi kemudahan yang sedia ada selama ini. Saya percaya dua langkah tadi iaitu memansuhkan cukai keuntungan yang berlebihan dan menaikkan elaun pelaburan semula diadakan sesudah melihatagalnya negara ini menarik pelaburan. Masih

terlalu awal untuk meramalkan bahawa pelaburan yang datang berikutan dengan langkah ini.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan bahawa pelaburan tidak datang atas bentuk kemudahan-kemudahan yang dijanjikan oleh Belanjawan ini. Faktor kesejahteraan dan keamanan, bersih atau tidak bersihnya Kerajaan dan pegawai-pegawainya, cekap atau tidak cekap pemimpin dan pegawai-pegawai Kerajaannya, berwibawa atau tidak berwibawa pemimpin-pemimpinnya, benci atau tidak benci kepada orang-orang yang ada dan orang yang berkuasa dalam negeri ini adalah perkara yang dihitungkan oleh para pelabur. Faktor luaran ketika kelembapan ekonomi dunia, kemelesetan yang dialami oleh hal-hal yang sama-sama kita tahu tidak menarik perhatian pelaburan. Tetapi adanya keengganan pelabur lain-lain negeri untuk menyahut Dasar Pelaburan Negara adalah di antara yang menyebabkan pelabur luar enggan datang kemari. Pelabur-pelabur dalam negeri lebih tertarik untuk melabur ataupun untuk menyimpan wang di luar negeri. Tentulah menjadi tandatanya orang-orang yang hendak datang ke sini. Ini.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Batu Berendam bangun. Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa kerana memberi peluang kepada saya untuk mendapatkan

penjelasan sedikit. Saya ingin tahu semasa PAS memerintah Kelantan selama 18 tahun. Berapa ramaikah pelabur yang melabur di negeri Kelantan dahulu? Apakah syarat-syarat yang diberi untuk menggalakkan pelaburan di negeri Kelantan selain daripada menjualkan kayu balak yang begitu besar lebih kurang 300,000 ekar tanah balak kepada taukeh Cina di Singapura?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya rasa itu tidak berbangkit, Tuan Yang di-Pertua. Dan soalan itu cara orang yang tidak faham Perlembagaan Negara.

Pandangan ini bukanlah saya buat atas sangka buruk saya kepada Kerajaan yang ada, tetapi inilah antara yang disebut oleh tokoh-tokoh UMNO Team B dalam kempen-kempen untuk mengambilalih (*Ketawa*) pimpinan UMNO sebelum 24hb April lalu. Kumpulan UMNO itu sendiri percaya bahawa pelabur tidak akan datang selagi UMNO dan Kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang ada. Walaupun saya tidak pasti apakah pelaburan mesti datang kalau negara dan UMNO dipimpin oleh kumpulan Team B, tetapi sekurang-kurangnya dapatlah ia kita anggap sebagai guruh di langit, mungkin hujan dan mungkin tidak. Yang jelasnya, pelabur teragak-agak untuk datang apabila mereka mendapati negara ini dipimpin oleh orang yang separuh pemimpin sahaja. Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri adalah orang yang menang sedikit sangat dalam pemilihan UMNO yang lalu. Tambahan pula perhimpunan agung parti itu dianggap tidak sah pula oleh setengah orang-orang UMNO sendiri. Oleh itu, dunia kini tertanya-tanya, apakah Malaysia sekarang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang sah atau sebaliknya? Kita akan sama-sama

lihat, apakah pemimpin-pemimpin UMNO yang ada itu sah atau haram biarlah mahkamah menentukannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kedudukan pimpinan itu sendiri tidak jelas, maka tentulah para pelabur terpaksa meningkatkan sikap berhati-hatinya untuk mengatakan masalah dalam UMNO tidak ada kaitan dengan keengganan para pelabur datang adalah tepat. Kekecohan dalam UMNO adalah antara yang menyebabkan ekonomi negara ini terumbang-ambing sekarang. Turun-naik pasaran saham banyak disebabkan oleh suasana UMNO yang bercempera, telah timbul di kalangan UMNO rasa tidak tentu sekarang. Apakah negara boleh terus aman kalau pemimpin-pemimpin yang ada, didapati tidak sah disebabkan oleh perhimpunannya tidak mengikut undang-undangnya sendiri. Ada yang mengatakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun pula.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan. Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tidak beri jalan. Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ada yang mengatakan bahawa Perdana Menteri tidak akan mengaku kalah dan akan mempertahankan kekuasaannya. Untuk itu berbagai-bagai.

Tuan Hashim Safin: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order pula. Kali ini Yang Berhormat dari Tanah Merah kata point of order. Yang Berhormat kena beri jalan. Apa dua point of order itu?

Tuan Hashim bin Safin: 36 (2).

Tuan Yang di-Pertua: 36 (2).

Tuan Hashim bin Safin: Mengenai perkara itu masih di peringkat mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sempat hendak rujuk, cuma saya ingat perkara itu masih di peringkat mahkamah, macam kata Tuan Yang di-Pertua tadi sub-judice, tidak boleh diperbincangkan oleh mana-mana ahli.

Tuan Yang di-Pertua: Betul itu.

Tuan Hashim bin Safin: Tari balik.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan sebut perkara itu lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Para pelabur tidak mahu menjadi mangsa kekecohan itu walaupun mereka diberikan berbagai janji. Sekarang untuk mengatasi masalah itu mengikut bacaan politik saya, kerana negara ini negara politik, maka kita semua terdedah kepada bacaan politik. Pada bacaan politik saya, Wakil-wakil Rakyat UMNO dalam Dewan ini kebanyakannya berbaju Melayu yang lengkap. Biasanya saya seorang sahaja yang berpakaian begitu (*Ketawa*) sejak setahun yang lalu. Sekarang ramai yang berpakaian semacam saya. Tetapi saya suka memberi tahu, insya Allah, saya akan terus menggunakan fesyen pakaian saya sehingga tempoh Parlimen ini dibubarkan tetapi saya tidak pasti saudara-saudara saya itu mampu memakainya sehingga minggu hadapan. (*Ketawa*) Saya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun pula. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak payahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah, ya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya percaya cara berpakaian yang berlaku dengan tiba-tiba itu mungkin arahan parti itu. Yang saya difahamkan ialah sebagai tanda bersatu. Kalau benar demikian apalah gerangannya Timbalan Perdana Menteri enggan memakainya pada hari Menteri Kewangan menyampaikan ucapan dasarnya. Adakah beliau enggan mematuhi arahan partinya sendiri. Bagaimana hendak menggantikan Perdana Menteri kalau keputusan parti itu sendiri tidak diikuti atau bukan begitu caranya orang hendak bersatu.

Adalah dipercayai, Tuan Yang di-Pertua, masing-masing berpakaian demikian kerana hendak menyatakan inilah caranya bersatu. Kalau benarlah ini caranya bersatu, mengapakah MCA dan DAP berbalahan, sedangkan pakaian mereka adalah sama kot dan bertali leher dalam Dewan ini. UMNO dan rakan-rakannya dalam Barisan Nasional bertelagah atas isu naik pangkat guru sekolah Cina, sedangkan pakaian

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun. Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun atas apa?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sila duduk!

Tuan Mohd. Tamrin bin Ghafar: "36 (1) seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara-perkara yang dibincangkan itu."

Tadi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menyebut tentang masalah pakai baju Melayu dan sebagainya. Saya rasa itu tidak ada kait-mengait langsung dengan Budget yang kita bincangkan ini dan masalah UMNO team A, team B, gred A, gred B ini tak timbul langsung saya rasa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Setahu saya di dalam Budget ini apa pun boleh sentuh. Kalau sekiranya perkara itu dia hendak membawa kepada point persatuan dan bersangkutan-paut dengan kerjasama maka ia termasuk dalam Budget itu. Ia boleh dibenarkan apa sahaja. Begitu juga di bawah perintah ataupun Titah Ucapan Di Raja, boleh.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sabarlah dahulu semua.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Yang Berhormat dari Marang hendak buat apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia point of order itu?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya menyetujui pandangan Tuan Yang di-Pertua dan saya menghormatinya, tetapi jelas sekali bahawa ia melanggar point of order 36 (10) (c), perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati. Ini cerita fasal baju Melayu, tak sakit hatikah? (*Ketawa*) Cerita kita hendak bersatu, tak sakit hatikah ?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudahlah. Jangan bagi

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak. Saya menghormati Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tak

menghormati tuduhan-tuduhan liar, sangkaan yang tidak baik itu. Walaupun dia boleh bercakap apa sahaja, takkanlah dia hendak hina macam ini rupa. Kalau macam itu, saya boleh kata dia bodoh.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan, Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, minta dia, Tuan Yang di-Pertua, supaya tidak bercakap tentang isu itu. Soalan Budgetlah senang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tak paksa Yang Berhormat itu menyetujui ucapan saya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Kalau begitu senanglah. Saya pun tak sudi dengar perkara macam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, jangan bertengkar macam itu, tak boleh. Tak mengikut Peraturan Mesyuarat. Sila duduk! Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sila teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, UMNO dan rakan-rakannya dalam Barisan Nasional bertelagah atas isu naik pangkat guru sekolah Cina, sedangkan pakaian Wakil-wakil Rakyat UMNO dan Wakil-wakil Rakyat MCA sama sahaja iaitu berkot dan tali leher. Kalau pakaian itu menjadi asas perpaduan, baju ini akan koyak dan boleh dikoyakkan. Masalahnya ialah

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: wakil-wakil dari UMNO

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun buat apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Atas apa point of order?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: 10 (9)—Sorry, 36 (9).

Tuan Yang di-Pertua: Apa salahnya di situ?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dalam apa-apa perbincangan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli-ahli Parlimen. Ini bajulah, itulah, inilah. Sifatlah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang itu dikatakan pada seseorang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dan ini seseoranglah.

Tuan Yang di-Pertua: Pada keseluruhannya tidak mengapa. Tidak mengapa dalam soal perbincangan dalam Parlimen macam ini. Lazimnya dibenarkan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tetapi ia

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mintalah Yang Berhormat kontrol perasaan sedikit. Tidak mengapa.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Bukan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon maaf kerana

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada masa peluang hendak bercakap, bercakaplah. Jika sekiranya hendak

pakai, hendak kata apa, baju siapa-siapapun, pakai. Saya akan benarkan. Dalam perkara ini bukanlah unparliamentary dan tidak akan bercanggah kepada mana-mana syarat di bawah Peraturan Mesyuarat 36.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tak boleh hendak membenarkan sesiapa hendak. . .

Tuan Zubir bin Embong: Hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak memberi jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak benarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tak benarkan. Ya, sila.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih. Itulah saya beri ingatan supaya jaga awal-awal lagi budak-budak ini (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah wakil-wakil dari UMNO sengaja tidak mahu mengambil tahu pesanan Al-Quran tentang perpaduan iaitu berpegang teguhlah dengan tali Allah dan jangan bercerai

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun pula.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: atau hendaklah kembali kepada ajaran Al-Quran dan sunnah Rasulullah, ayat 59, Surahtul Nisa'

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun pula.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya rasa sudah melampau, Tuan Yang di-Pertua, kerana dia mengatakan ahli-ahli UMNO sengaja tidak mahu mengambil iktibar daripada Al-Quran. Ini pun tak boleh dibiarkan lagi. Ini bukan main-main. Satu tuduhan liar, tidak bertanggungjawab, sangkaan buruk

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dalam 36 (6) adalah jelas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pengkalan Chepa

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu berasa tak puas hati, biar dia jadi Tuan Yang di-Pertua, baru senang. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, 36 (6), saya sudah kata dan sebut beberapa kali. Saya sangat menghormati pandangan dan teguran Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tidak menghormati pandangan yang tidak bertanggungjawab, sangkaan buruk dan pandangan yang saya lahirkan ini bukan mengikut emosi dan perasaan saya, tetapi tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat, point of order, kata orang Putih, 36 (6). Jangan dia tidak erti dan jangan mengangap Dewan ini sebagai satu Dewan yang dia boleh pakai apa sahaja. Adakah patut tuduh orang-orang kita semua

sekali ini kata tidak mengikut Al-Quran. Ini yang bala yang Tuhan turunkan kepada PAS kalah semua pilihanraya. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, cukuplah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya rasa tak cukup, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ini yang hendak dibangkitkan oleh Yang Berhormat wakil PAS itu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, sila duduk!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa jangan menggunakan perkataan macam itu. Perkataan mengatakan orang-orang UMNO tidak mengikut apa-apa tadi.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, Yang Berhormat dari Marang, cukuplah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta dia tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sila teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah dan kepada Uli Amri, (*أولى الامر*) yakni orang berkuasa di kalangan kamu, kemudian jika kamu berbantah-bantah dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada kitab Allah dan sunnah Rasulnya. Jika kamu benar-benar beriman kepada

Allah dan hari akhirat, yang demikian adalah lebih baik dan lebih elok pula kesudahannya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah dia beberapa nukilan dari ajaran Islam tentang cara-cara untuk bersatu.

Berikut dengan ini, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Zubir bin Embong: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun, hendak beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ini mengingatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan. Saya minta dan bagi tahu kepada dia. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:berikut dengan ini, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, jangan sebutkan itu, sesiapa yang tak mahu mengikut apa-apa. Tolong!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya akan cuba.

Berikut dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan tentang perhimpunan yang dianjurkan oleh UMNO pada 1hb November sempena menyambut ulang tahun ke-41 katanya, perlulah diberikan perhatian yang serius. Tidak siapa yang hendak melarang UMNO hendak mengadakan perjumpaannya. Dia hendak Jepun, dia hendak Gurkha atau orang Fiji, itu masalahnya. Dia hendak adakan sehari atau dua hari atau seratus hari, itu masalah dia, tetapi dalam suasana yang ada hendaklah dijelaskan dengan tepat, apakah matlamat dan motif perjumpaan itu untuk perpaduan orang UMNO atau untuk perpaduan apa. UMNO tidak mempunyai

kelayakan untuk memimpin orang Melayu dan Islam bersatu sedang ia dan pemimpin-pemimpin

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun pula. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:saling.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, hendak beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Oleh itu satukanlah UMNO dahulu tetapi dewasa sekarang adalah terlalu panas untuk perjumpaan seperti yang ditajakan oleh UMNO itu suasana dan mega perkauman masih di atas ubun-ubun kita sekarang akibat isu kecil kenaikan pangkat beberapa belas orang guru Cina yang tidak mahir berbahasa Mandarin menjadikan suasana kelam-kabut akibat rasa perkauman yang dimainkan oleh parti-parti politik perkauman yang ada di hadapan saya dan di sebelah saya ini. (*Ketawa*)

Bahasa adalah isu lama dan tidak patut dijadikan isu lagi. Selain dari itu isu bahasa bukanlah isu dalam Islam, yang menjadi isu dalam Islam ialah akidah, kezaliman, penindasan, penyelewengan dan seumpamanya. Bagi PAS bahasa adalah anugerah Allah yang boleh mendatangkan rahmah. Bahasa Cina sebagai bahasa suku kaum wajar dimajukan jika suku kaum itu sendiri ingin memajukannya, sesuai dengan keperluannya untuk kegunaan dan hubungan suku kaum itu. Bahasa Banjar, wajar dimajukan oleh suku kaum Banjar sekiranya ia

dirasakan perlu, tetapi bagi menjadikan bahasa Banjar itu sebagai bahasa ramai pula adalah menyulitkan. Demikian juga bahasa Cina, ia wajar dikembangkan, tetapi bagi dijadikan bahasa itu sama gagah dan penting dengan bahasa Cina di negeri China tentulah tidak dapat diterima di negara ini. Inilah gambaran yang disebutkan Allah dalam kitab suci Al-Quran-ulkarim (واختلاف اللوانكم والستتكم) yang maksudnya—"Berlainan rupa, bangsa dan tutur kata kamu". Yang penting bagi rakyat negara ini ialah sejauh mana setiap isu itu boleh menyumbangkan kekuatan kepada negara dan Bahasa Malaysia. Malangnya parti-parti perkauman, yang tentunya PAS tidak termasuk dalam golongan itu, membesarkan isu itu hingga boleh membakar negara ini.

Perjumpaan di tokong diikuti oleh tunjuk perasaan di TPCA—suasana cukup panas. Dalam suasana panas itu muncul prebet Adam di Chow Kit, Kuala Lumpur, lengkap dengan senapang. Saya setuju dengan semua pihak termasuk Perdana Menteri bahawa kejadian itu tidak perkauman tetapi telah disangkakan perkauman. Orang ramai tidak dapat disalahkan kerana Kerajaan gagal untuk mengatasi masalah perkauman. Orang mudah bimbang dan ketakutan, mungkin kita boleh salahkan pembawa khabar angin tetapi bagaimana hendak menyakinkan pelabur untuk mencurahkan modalnya, sekiranya suasana tidak terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira panas isu tadi cukup untuk menimbulkan berbagai-bagai keraguan dan ini diikuti pula oleh perjumpaan pada 1hb November oleh UMNO yang tujuannya juga adalah perkauman. Ia bukan menentang mungkar, ia bukan menentang penyelewengan, ia bukan menentang

kezaliman, tetapi ditujukan untuk menunjukkan kekuatan dan menggemparkan orang lain.

Tuan Shahidan bin Kassim: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Saya tidak bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Berbagai kemungkinan berlaku yang tentunya tidak baik untuk iklim pelaburan di negara ini. Justeru itu saya mengingatkan orang ramai, khususnya orang-orang Melayu supaya jangan menghadiri kegiatan perkauman dalam apa bentuk juga. Saya tidak nampak di mana kebijaksanaan UMNO mengadakan majlis serupa itu pada ketika Perdana Menteri mengajak saudagar-saudagar di seluruh dunia untuk melabur di negara ini dan saya tidak faham bagaimana Menteri Kewangan boleh bercakap fasal pelaburan sedangkan beliau tahu pelabur tidak tertarik dengan suasana perkauman yang tebal yang dibenarkan oleh Barisan Nasional ini. Sekiranya Menteri Dalam Negeri menyokong usaha Menteri Kewangan dan Perdana Menteri untuk mengekalkan pelaburan maka Menteri Dalam Negeri hendaklah menghalang perjumpaan pada 1hb November yang dianjurkan oleh UMNO itu. UMNO boleh mengadakan pada satu ketika yang tidak sensitif kemudian.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dengan hujah-hujah tadi saya percaya pemodal-pemodal masih sukar datang ke negara ini, sebaliknya yang meraih keuntungan ialah syarikat-syarikat besar yang sudah ada

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Arau bangun, nanti sekejap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap, dia minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Saya tidak benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak bagi, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad:sebaliknya yang meraih keuntungan ialah syarikat-syarikat besar yang sudah ada kerana mereka sudah pun bebas dari setengah cukai. Kerajaan sanggup rugi beratus juta dengan menghapuskan cukai keuntungan yang berlebihan. Keuntungan yang diharapkan boleh didapati dari pelaburan terus menjadi harapan semata-mata, Kerajaan bagaimanapun terpaksa menampung kerugian itu, akhirnya Kerajaan akan mengalih kepada rakyat sebagai sumber menampung kekurangan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang ada ini sudah pun memberitahu bahawa cukai jualan dinaikkan, ada yang 10% dan ada yang 5%. Antara yang dikenakan cukai tambahan 5% itu ialah bahan makanan yang diimport seperti daging, buah-buahan, bijian dan lain-lain. Sebagaimana yang diketahui, bahawa Malaysia belum berdikari dari bahan-bahan makanan. Bahan makanan yang Malaysia berdikari ialah minyak sawit yang lain Malaysia bergantung dari sumber import, malah beras sendiri Malaysia berasa senang makan beras Siam dari beras tempatan. Walaupun yang

dinaikkan cukainya adalah bahan-bahan import tetapi lazimnya Kerajaan tidak berupaya untuk memastikan yang peniaga tidak menaikkan semua jenis bahan makanan termasuk yang dari dalam negeri. Jelas bahawa barangan tempatan juga ikut naik. Mungkin Kerajaan akan memberikan jaminan bahawa ia akan mengawal ahli-ahli perniagaan supaya tidak menaikkan barang-barang tempatan, tetapi sedarkah kita bahawa golongan perniagaan itu adalah golongan yang sama dengan Menteri Kewangan sendiri kerana beliau juga ahli perniagaan.

Makanan adalah barangan mesti digunakan oleh setiap rakyat. Setengah negara seperti Mesir, misalnya mengadakan subsidi rakyatnya untuk membeli roti. Setiap makanan yang rakyat beli adalah rendah dari harganya kerana ada subsidi. Tetapi negara kita telah mengenakan cukai tambahan kepada bahan makanan yang mereka mesti perlukan setiap hari. Bagaimana dalam jangka panjangnya nanti rakyat menganggur bertambah ramai, kakitangan Kerajaan yang baru pula mendapat gaji baru, rendah daripada orang sekarang dapat, bagaimana mereka boleh menjadi rakyat yang bahagia bila pendapatan mereka rendah, terpaksa pula membayar segala keperluan dengan harga yang tinggi. Apa yang menarik perhatian kita ialah nasib orang yang hendak makan gaji mulai tahun ini adalah anak-anak yang dilahirkan selepas merdeka. Mereka tidak pernah dilahirkan di zaman negaranya dijajah. Mereka lahir selepas merdeka dan kena negara ini ditadbirkan oleh orang-orang merdeka, tetapi nasib yang dihadapi oleh anak-anak angkatan merdeka ini adalah lebih buruk dari ibu bapa mereka yang dilahirkan di zaman penjajah dan hidup di zaman penjajah. Mereka mendapat gaji yang baik dan harga barang pula agak baik. Bila datang

kepada giliran mereka, mereka sudah tidak bernasib baik seperti generasi yang sebelumnya.

Persoalan yang timbul ialah bagaimanakah pemimpin sekarang hendak menempelak generasi baru sebagai tidak kenal sejarah dan tidak mahu memahami masalah yang dihadapi oleh pejuang-pejuang kemerdekaan. Mempertahankan kemerdekaan adalah mulia, tetapi tidak tahu menilai kemerdekaan dan tidak tahu mempertahankan kemerdekaan adalah satu hal yang lain yang memalukan. Jangan marah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun. Ya! Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta jalan dengan ayahanda Pak Chik dari Pengkalan Chepa sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta jalan ayahanda, macam mana.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Saya tidak beri. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ayahanda tidak bagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Jangan marah kepada angkatan baru sekiranya mereka tidak dapat menilai warisan pejuang kemerdekaan yang gagal untuk meneruskan suasana yang lebih baik sebelum ini.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Kuala Terengganu, nanti sekejap.

Tuan Zubir bin Embong: Minta jalan dengan tok guru sekejap. Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa boleh beri?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Saya tidak beri.

Tuan Zubir bin Embong: Tidak beri juga?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Bagaimanapun bergaji adalah lebih baik dari menganggur, tetapi yang perlu Kerajaan menimbangkan ialah pada ketika yang sama bahawa akibat kesilapan Kerajaan ini tidaklah wajar ditanggung oleh anak-anak yang lahir selepas merdeka ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, beban itu patut sama dipikul oleh golongan makan gaji yang sudah ada, benar gaji mereka tidak dapat hendak dikurangkan, tetapi antara mereka itu ada yang mendapat Elaun Keraian, Elaun Rumah dan lain-lain elaun lagi. Mungkin bilangannya tidak besar sangat, tetapi elaun mereka sendiri sekiranya dibatalkan boleh menampung keperluan gaji untuk beberapa orang pula. Selain dari perlunya elaun itu difikirkan semula, adalah mewujudkan rasa harmoni di kalangan pekerja-pekerja sendiri, dan tidak akan berbangkit soal orang membuat kerja mendapat gaji kecil dan yang lain mendapat gaji dan kemudahan yang baik, sedangkan kerja kadang-kadang sama berat. Orang yang baru kerja sekurang-kurangnya cuba memahami keadaan sekiranya mereka mengetahui bahawa orang lain juga turut mengorbankan sesuatu.

Tujuan berbagai-bagai elaun itu diadakan dahulu adalah untuk mengekalkan pegawai-pegawai yang baik dalam perkhidmatan Kerajaan. Kalaulah tawaran yang lebih menggalakkan di luar sektor awam menyebabkan mereka tertarik untuk keluar, tetapi swasta sendiri pun kini mulai mentiadakan perkara-perkara yang menggalakkan dalam sektor swasta. Oleh yang demikian, hal ini juga wajar difikirkan bagi mengelakkan keresahan di kalangan kakitangan baru dan pegawai-pegawai pra kemelesetan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengakui dalam Ucapan Belanjawannya betapa pengangguran adalah sesuatu yang mengancam negara. Kini kadar pengangguran bertambah 170,000 setahun setakat ini atau meningkat kepada 9.4% tahun depan. Saya hormati kesanggupan Menteri Kewangan mengakui wujudnya masalah itu, tetapi mengakui kewujudan sahaja tidak banyak ertinya sekiranya ia tidak disertakan dengan langkah-langkah untuk mengatasinya.

Sepanjang ucapannya yang memakan masa 55 minit itu, beliau cuma menyebutkan pengangguran sebagai satu masalah besar, tetapi tidak memberikan apa-apa tekanan untuk mengatasi masalah pengangguran itu. Kerajaan tidak membuat sebarang persiapan untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan tidak ada rancangan untuk mengatasinya.

Setakat ini masalah pengangguran kalau pun boleh dikurangi melalui tiga projek yang terbesar yang disebutkan iaitu:

- (i) pelaksanaan projek penggunaan gas Semenanjung Fasa II;
- (ii) bekalan air luar bandar; dan

(iii) penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan.

Walaupun peluang pekerjaan boleh juga diserapkan dengan mengambil kakitangan Kerajaan yang baru dengan mengurangkan gaji, maka ramai sedikit pekerjaan dapat diadakan. Tetapi sebanyak manakah peluang pekerjaan yang boleh diwujudkan oleh tiga projek tadi, setakat ini projek-projek yang disebutkan tadi akan diswastakan. Bekalan air luar bandar misalnya dikontrakkan kepada syarikat yang entah mempunyai kepentingan dan Lebuhraya Utara-Selatan diberi kepada U.E.M yang UMNO dan pemimpin-pemimpin mempunyai kepentingan

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order, Yang Berhormat

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Apabila projek-projek itu

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ya, Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tadi Tuan Yang di-Pertua ada membuat satu ruling bahawa Yang Berhormat tidak boleh menyebut perkara-perkara mengenai U.E.M.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa boleh teruskan tetapi jangan sebut perkara-perkara U.E.M. sebab perkara ini *sub-judice*.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Terima kasih. Apabila projek-projek itu diswastakan, maka peluang pekerjaan juga dibuat mengikut kepentingan swasta, iaitu seboleh-bolehnya pekerja hendaklah dikurangkan supaya,

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Nanti sekejap!

Tuan Zubir bin Embong: Yang Berhormat belum tarik balik itu, dia kena tarik balik sebab hendak erase daripada rekod perkataan-perkataan itu sebab dia sebut lagi "projek-projek termasuk U.E.M".

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu duduk. Yang Berhormat tarik balik ya!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Ya, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, tarik balik.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Tetapi sekiranya projek-projek itu terus dalam urusan Kerajaan, maka soal untung tentunya diseimbangkan oleh Kerajaan dengan perkhidmatan. Kerajaan tentulah mengutamakan perkhidmatan lebih dari keuntungan dengan demikian Kerajaan yang memikul beban besar dari pengangguran tadi tentunya merasa masalah yang boleh dikurangkan, kalau lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan bagi mengurangkan kadar pengangguran. Bagi Kerajaan untung yang berpatutan adalah munasabah, bila diswastakan tentulah peluang pekerjaan tadi dikurangkan atas sebab swasta mesti mengutamakan untung dari perkhidmatan. Bagaimanapun kita hendaklah wajar belajar dari pengalaman yang sudah dibuktikan oleh Projek Industri Berat Proton Saga. Misalnya Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan modal yang besar untuk projek itu di samping hendak melihat industri motokar

sendiri, tentulah antara matlamatnya untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Projek 'Proton Saga memberikan peluang pekerjaan, tetapi tidaklah seramai yang sepatutnya memandangkan besarnya modal yang dikeluarkan. Tetapi kesan dari langkah Kerajaan untuk memastikan Proton Saga dapat dipasarkan, maka ada pula orang yang sudah bekerja terpaksa menjadi penganggur. Proton Saga cuma mempunyai pasaran di Malaysia, ia tidak dapat bergantung kepada pasaran luar negeri bagi membolehkan motokar nasional itu menjadi pilihan rakyat. Maka Kerajaan mengenakan cukai yang tinggi kepada lain-lain motokar, lakulah Proton Saga, tetapi harga yang tinggi kepada motokar lain menyebabkan pasaran motokar lain pula terjejas. Akibatnya beberapa kilang memasang kereta di negara ini terpaksa ditutup dan mengakibatkan sekitar 3,000 orang hilang pekerjaan, jelaslah Projek Proton Saga agak mengecewakan.

Kita bersetuju bahawa Kerajaan bukan wajar menjadi majikan kepada seluruh rakyat, tetapi wajarlah peluang pekerjaan itu dicituskan dalam sektor lain seperti perniagaan, penternakan, nelayan dan sebagainya. Antaranya bidang pertanian adalah ruang yang boleh diteroka secara meluas memandangkan masih adanya tanah terbiar dan tanah yang belum dibuka. Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak sedia meneroka secara berencana dalam sektor ini, beliau cuma menyentuh sepintas lalu membuka

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap! Yang Berhormat dari Arau hendak apa? Penjelasan!

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Tidak beri. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat tidak faham, Budget ini menyentuh perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Arau, duduk.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Yang tidak faham Yang Berhormat, bukannya saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa teruskan, tidak payah buat komen.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Beliau cuma menyentuh sepintas lalu tentang membuka tanah untuk pertanian commercial. Sepatutnya Menteri Kewangan menitikberatkan perkara ini, kerana negara kita pun mempunyai sebuah Universiti Pertanian yang tentunya boleh memberikan bantuan dan latihan mewujudkan pertanian moden. Sekiranya Menteri Kewangan sibuk dengan perniagaan lalu tidak cukup masa untuk memikirkan bagaimana belia

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Point of order, 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa duduk!

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya rasa Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini hanya membaca, membabi buta sahaja teks yang telah disediakan oleh orang lain. Itulah sebabnya dia tidak tahu yang mana betul, yang mana tidak betul, yang mana melanggar peraturan dan sebagainya. Beliau membuat beberapa banyak tuduhan yang kita telah dengar tadi dan saya minta supaya Yang Berhormat ini menarik balik apa yang disebutkan sebentar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang mana itu Yang Berhormat dari Batu Berendam, perkataan apa yang patut ditarik balik ini?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Dia menuduh Yang Berhormat Menteri Kewangan mementingkan perniagaan keluarga dan sebagainya, ini satu tuduhan yang saya rasa melanggar Peraturan 36 (6), melainkan beliau mempunyai bukti-bukti tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sanggup tarik balik atau tidak?

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bandar Kuching duduk dahulu.

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order atas

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar saya selesaikan yang satu, duduk sekejap. Yang Berhormat dari Bandar Kuching, saya minta duduk.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa boleh tarik balik?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak boleh tarik balik, kerana saya tidak menuduh. Dalam ayat itu tadi saya sebut "kalau". Kalau tak payah kalimah "kalau"

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dahulu, tak habis lagi ini. Biar saya menyelesaikan perkara ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya menyebut "kalau", saya tak menuduh, sampai ibarat ayat Melayu tak faham juga?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Cuba sebut sekali lagi Yang Berhormat, sebut perkataan tadi yang

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya sudah baca, orang yang menyoal tak faham (*Ketawa*). Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan sahajalah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, point of order?

Tuan Zubir bin Embong: Point of order. Tadi kalau 36 (6) tidak lekat, sekarang 36 (9), "dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebut kelakuan atau sifat ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai Kerajaan

selain daripada kelakuan pada menjalankan urusan". Jadi, tadi dia sebut itu apa hal, yang sibuk dengan perniagaan, sibuk dengan keluarga

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, duduk. Jadi, saya benarkan perkataan yang disebutkan. Kalau sekiranya tak puas hati, bolehlah mengambil tindakan cara lain. Teruskan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentunya serahkan sahaja kepada Universiti Pertanian merancang satu program supaya bidang ini dapat dijadikan sumber menampung peluang pekerjaan bagi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingat bila kita menemui peluang berniaga yang baik dalam bidang pertanian, janganlah

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat. Ada point of order.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan sedikit. Perkataan "sumber" kita tak faham—"sumbee". Minta kalau boleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini bercakap dalam bahasa Melayu benar, bukan bahasa Melayu loghat Kelantan, tak faham semua ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): "Sumbee" itu apa Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Di sini bukan tempat belajar—Dewan Bahasa. Kalau hendak tahu, pergi ke Dewan Bahasa. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, duduk! Yang Berhormat dari Bandar Kuching ada point of order.

Tuan Sim Kwang Yang: 37(b), "seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap, kecuali:

- (b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi".

Kaedah telah jelas, seorang yang mahu minta penjelasan harus minta maaf, minta jalan. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bagi dan dipanggil oleh Pengerusi, dia baru boleh cakap, tetapi selalu saya tengok sesiapa mahu berdiri cakap apa-apa sahaja. Ini menghinakan kedaulatan kaedah-kaedah yang betul dalam Dewan ini. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh mempertahankan kedaulatan Dewan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dahulu, ada lagi bangun, Yang Berhormat dari Marang. Nanti sekejap Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu ganggu. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dia hendak ambil kuasa Tuan Yang di-Pertua. Dia ganggu, Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu tadi dia ganggulah itu

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order ataupun

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Bila saya bercakap, you duduk—sit down!

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Duduk, duduk, duduk sayang!

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Semua sekali duduk! Saya harap apabila Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa berucap tidak ada gangguan di mana-mana pihak, melainkan point of order. Sehingga saya beri peluang, barulah boleh bercakap. Teruskan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perlu diingat bila kita menemui peluang niaga yang baik dalam bidang pertanian, janganlah masing-masing cepat gelap mata lalu memikirkannya dari kepentingan beberapa orang, tetapi tidak memikirkan kepentingan umum.

Apa yang berlaku dalam perkongsian menangkap ikan di laut dalam antara Malaysia dan Thailand yang dirasmikan di Kuantan beberapa minggu lalu adalah antara langkah Kerajaan yang paling tidak bertanggungjawab. Kita mengalu-alukan perkongsian perusahaan di mana perlu

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa berhenti sekejap. Ada apa-apa Yang Berhormat dari Marang?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, point of order 36 (6), "seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli-ahli lain". Dia kata tadi laut dalam itu adalah satu langkah yang tidak bertanggungjawab, mana dia tahu? Dia tuduh sahaja, dia sangka sahaja, dia jahat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, ini tak ada kaitannya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ada kaitan, fasal dia kata tidak bertanggungjawab—mesti ada kaitan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat kena dengar cakap Yang di-Pertua. Sila Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (6) sekali lagi. Menteri Pertanian adalah ahli Parlimen, jadi dia mengeluarkan sangkaan jahat kepada ahli

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau, duduk! (*Ketawa*). Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih. Kita mengalul-alukan perkongsian perusahaan di mana perlu antara negara ini dengan mana-mana negara, apatah lagi negara serantau ASEAN, tetapi bagaimana perkongsian itu dikendalikan, perlulah difikirkan dari apa yang kita boleh dapat. Kita sepatutnya belajar dari

perkongsian antara Malaysia dan Jepun untuk memproses ikan sardin yang dilaksanakan seelok-elok sahaja Malaya merdeka tahun 1957 dahulu. Daya usaha Menteri Pertanian ketika itu ialah Encik Abdul Aziz Ishak telah berjaya menubuhkan syarikat mengetin ikan di Pulau Pinang.

Perkongsian dengan Jepun ini mula-mula memang menguntungkan Jepun; cara memotong ikan pun Jepun tidak mahu menggunakan tenaga dalam negeri, pemotong ikan pun didatangkan dari Jepun, tetapi gesaan dari Menteri Pertanian, Encik Abdul Aziz Ishak supaya teknik itu dipindahkan, akhirnya ia dapat dipindahkan. Bagaimanapun, Jepun telah menyerahkan sahamnya kepada pihak negara ini. Apakah ia dapat berjalan dengan baik adalah pihak urusan pihak yang mengambilalihnya, sememangnya Jepun dan mana-mana pihak pun memang mencari jalan untuk membolot perkongsian sekiranya kita tidak berhati-hati. Sekiranya pengalaman itu boleh diperhatikan dalam perkongsian yang baru ini tentulah ia memberi banyak kebaikan kepada Malaysia.

Dalam perkongsian itu Thailand berkehendakkan ikan tuna untuk keperluan industri ikan sardinnya. Pihak Thailand lalu membekalkan kapal menangkap ikan yang besar dengan peralatan yang diperlukan oleh nelayan di laut dalam. Bagaimana operasinya yang besar itu dan kelengkapannya boleh memusnahkan lain-lain nelayan yang terdapat di kawasan penangkapan yang juga datangnya dari Malaysia. Peralatan yang ada syarikat ini boleh menyapukan sahaja ikan-ikan yang ada, tetapi semua peralatan nelayan yang lain juga boleh masuk ke dalam pukuk mereka, ia menyebabkan lain-lain pihak tidak dapat tumpang mencari rezeki. Lebih jauh dari itu dalam perusahaan ini, tenaga nelayan hampir keseluruhannya datang dari Thailand, boleh jadi Malaysia menjadi

untung dengan perkongsian jenis itu kerana kapal, peralatan dan orang-orangnya semua didatangkan dari Thailand dan tangkapannya diserahkan kepada Malaysia untuk menimbangnya bagi dijualkan kepada Thailand.

Kalaulah peranan Malaysia itu sekadar untuk menimbang ikan sahaja dalam perkongsian itu, maka apakah yang membanggakan kita? Agaknya ini padanlah dengan peranan daging yang digunakan sebagai lambang Barisan. Daging itu untuk menimbang ikan dari laut dalam dengan Thailand. Kalau Malaysia bangga dengan memperolehi wang dari modal dan usaha yang dibuat oleh Thailand, maka saya katakan inilah bentuk Ali-Baba yang sangat memalukan. Apakah Malaysia dan rakyat boleh dapat untung dari menjual ikan cara itu pergi ke syarikat? Kalaupun Kerajaan ada untung, cumanya cukai yang beberapa peratus sahaja, tetapi peluang besar bagi rakyat mendapat pekerjaan sebagai nelayan dan pelaut telah hilang.

Apa salahnya perusahaan itu diselenggarakan sendiri ataupun kalau berkongsi, maka separuh dari tenaga buruhnya mestilah datang dari Malaysia. Tidakkah ini memberikan peluang pekerjaan kepada penganggur kita, sebaliknya pada ketika yang sama kepunyaan pukot yang digunakan oleh perkongsian yang menguntungkan satu pihak itu boleh menyulitkan nelayan yang sedia ada untuk mendapat tangkapan. Pukot yang digunakan boleh menyapu apa sahaja yang ada di antara dasar laut hingga ke permukaan air.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ternakan adalah satu bidang yang menjadi tumpuan banyak negara, malah ada negara seperti Australia dan New Zealand boleh terkemuka sebagai negara penternak di samping menghasilkan pengeluaran pertanian dan industri. Bidang ini

tidak pernah difikirkan oleh Kerajaan sedangkan negara terpaksa mengimport daging dari India dan Australia.

Mungkin belum tiba waktu kita mengeluarkan daging tetapi dalam keadaan barang-barang seperti kelapa sawit tidak laku, mungkin kita memerlukan daging sendiri dan tidak bergantung kepada orang lain. Dengan sendirinya ada penganggur yang boleh mencari pekerjaan dari sektor ekonomi seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang menarik iaitu golongan peneroka FELDA adalah antara masyarakat yang agak besar juga di negara ini. Mereka diwujudkan sebagai satu golongan masyarakat tersendiri adalah hasil dari perancangan pembangunan Kerajaan. Sekarang para peneroka FELDA ini keseluruhannya menderita akibat kejatuhan ekonomi dan keengganan orang luar untuk membeli kelapa sawit dan minyak sawit dari negara kita.

Golongan yang paling sengsara ini tidak mendapat perhatian langsung dalam Belanjawan yang kita bincangkan sekarang ini. Menteri Kewangan cuma menyentuh atas masalah FELDA ini apabila ada satu peruntukan wang melibatkan lebih setengah billion ringgit untuk membuka rancangan FELDA yang baru. Peruntukan itu nampaknya melibatkan rancangan yang baru hendak dibuka, tetapi tidak melibatkan bagaimana kehidupan para peneroka yang sengsara sekarang hendak diatasi. Tidakkah adil bagi Kerajaan tidak memberikan perhatian tentang masalah yang mereka hadapi dan percayalah nasib peneroka ini terus terbiar, maka tidakkah mudah bagi Kerajaan untuk menarik calon-calon peneroka baru kerana mereka sendiri melihat betapa sulitnya orang-orang yang sudah menjadi peneroka.

Kalau peneroka yang ada tidak dibantu segera, membuka rancangan baru akan meramaikan lagi orang-orang yang menderita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang boleh menimbulkan ketegangan dalam masyarakat ialah adanya kecenderungan setengah kalangan pemimpin Barisan Nasional untuk berpura-pura tegas dengan undang-undang terhadap penyokong-penyokong PAS. Amalan orang yang tidak mengikut peraturan tanah adalah hal biasa di negara ini. Bilangan kedai dan bangunan perusahaan yang didirikan di atas tanah pertanian terdapat di mana-mana juga di negara ini. Rumah-rumah ibadat didirikan di atas tanah yang tidak ditukar syaratnya adalah amalan biasa. Orang membina rumah dan beberapa buah rumah dalam satu lot tanah pertanian menjadi amalan biasa. Tidak kedengaran adanya satu ketegangan dari Kerajaan untuk bertindak terhadap amalan yang tidak mematuhi peraturan tanah

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, tunggu sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, ada apa?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, dia minta penjelasan, boleh beri Ahli dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak payahlah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tak beri. Ahli Yang Berhormat teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Cuma sekarang sejak PAS membina bangunannya sendiri, maka

Kerajaan mengambil kesempatan untuk berpura-pura tegas. Kejadian Kerajaan Kedah merampas hak milik tanah Muassasah Darul-Ulum di Pokok Sena, Kedah adalah satu contoh paling baik bagaimana Kerajaan Barisan Nasional hendak menimbulkan gara-gara ketegangan dalam masyarakat. Ada lagi kes yang pejabat tanah yang sudah pun membuat tindakan. Masalahnya, apakah selama ini ia tidak bertindak apa-apa tetapi sekarang mengadagada pura-pura hendak menjalankan undang-undang.

Ahli-ahli PAS telah membeli tanah yang terlepas ke tangan orang Cina. Orang UMNO kononnya bimbang sangat tanah orang Melayu tergadai, sekarang bila ada orang Melayu dari PAS dapat membeli semula tanah dari orang Cina, maka Kerajaan bertindak mengambil balik tanah atas alasan melanggar syarat kononnya.

Orang-orang PAS bukan membeli tanah itu untuk mencari kekayaan. Mereka hendak membuat tempat ibadat, mendirikan pusat pengajian tinggi untuk mengeluarkan ulama, tetapi Kerajaan tiba-tiba berkeras. Kalau Kerajaan ini memang tegas, sudah tentu dihormati, tetapi Kerajaan yang ada ini adalah Kerajaan yang tidak pernah kenal erti tegas dengan peraturan. Walau bagaimanapun, tindakan zalim itu perlulah diselesaikan dengan segera. Kalau Kerajaan mahu berkeras, boleh, tetapi terlebih dahulu hendaklah ia membuat satu dasar, selepas ini barang siapa melanggar peraturan dikenakan tindakan, tetapi sekarang tindakan yang dikenakan mengikut bila suka terhadap orang-orang yang dia tidak berkenan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini Kerajaan mengetahui kekurangan wang dengan menaikkan cukai. Trend ini masih diteruskan, tetapi cara baru yang ditetapkan bagi Kerajaan untuk mengatasi kekurangan wang ialah

dengan menambah kadar pengeluaran minyak kepada 540,000 tong sehari dan menjual saham-saham miliknya kepada Bank Negara. Cara ini adalah saya sifatkan perandai orang malas untuk berikhtiar mencari wang tetapi menggadai dan menjual segala harta pesaka peninggalan orang tuanya.

Kita masih ingat akan kenyataan seorang Pegawai Kanan PETRONAS tentang sikap Kerajaan meningkatkan pengeluaran minyak itu ibarat memerah susu lembu, selagi susu boleh diperah, maka susu itu diperah. Tidak terfikir lagi tentang kesihatan lembu itu sehingga akhirnya nanti lembu jadi kurus kering dan tidak terdaya untuk mengeluarkan susu lagi.

Kini saham-saham milik Kerajaan akan dijual kepada Bank Negara. Ini adalah satu amalan luar biasa, Bank Pusat mengambilalih saham dan pengendalian sesebuah bank yang bermasalah untuk sementara waktu bagi mengukuhkan semula bank yang seperti itu, tetapi jarang terdengar ia membeli saham-saham milik Kerajaan. Apa yang kita ingin tahu sekarang, berapakah harga saham itu dijual dan siapakah yang menentukannya, siapakah yang berhak memutuskan perkara ini. Adakah atas keputusan Menteri Kewangan sendiri?

Kebimbangan saya dalam hal ini ialah Bank Negara adalah badan terpenting dalam mengawasi perjalanan sistem kewangan negara dan badan-badan yang terlibat dengan pengendalian kewangan termasuklah pasaran saham. Pembelian saham itu dirasakan adalah diluar peranan Bank itu sendiri, bila Bank Pusat sudah terlibat dalam pembelian saham, maka ia nanti memikirkan supaya sahamnya jangan terjejas. Segala perkembangan ini diimbangi boleh menjejaskan sistem kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sudah maklum setiap tahun Belanjawan Negara tidak terlepas dari masalah

kemerosotan ekonomi dan kegagalan perancangan pembangunan. Inilah yang diutarakan oleh Menteri Kewangan dan dibincangkan oleh Ahli-ahli Dewan, tetapi tidak pernah dibincangkan soal pembangunan ummah dan perancangannya dalam Belanjawan Negara.

Saya tahu bahawa Kerajaan ini tidak berminat untuk menukarkan corak politik dan ekonomi negara kepada sistem Islam tetapi hendaknya jangan diabaikan soal kemerosotan akidah dan keruntuhan moral rakyat dan pemimpin. Kerendahan akidah dan kerosakan moral menyebabkan berlaku segala bentuk penyelewengan dan jenayah termasuk jenayah ekonomi dan jenayah politik. Dari situlah mudah berlaku penyelewengan ekonomi dan tidak berdisiplin dalam melaksanakan tugas. Perancangan pembangunan negara terus terbantut sekiranya akidah dan moral rakyat terus tidak dibangunkan. Di sini nanti terletaknya kekuatan strategi pembangunan dan pentadbiran negara. Orang-orang yang melakukan penyelewengan bukan hanya terdiri dari yang tidak berharta sahaja, tetapi orang yang cukup pendapatan tetapi rendah akidah dan moralnya merekalah kadang-kadang menjadi punca kepincangan. Pepatah Arab berkata:

إنما الأمم الأخلاق ما بقيت. وإن هموا
ذهبت أخلاقهم ذهبوا.

“Sesungguhnya tegak sesuatu bangsa dan umat itu selama tegaknya moral dan akhlaknya, sebaliknya bila akhlak itu rosak atau runtuh, maka dengan sendirinya bangsa itu ikut runtuh.”

Mengadakan akta atau meminda Akta, mengetatkan peraturan, memberatkan hukuman tidak banyak membantu mengatasi masalah. Tetapi mengadakan tarbiah bagi membangunkan iman dari peringkat

sekolah lagi akan banyak mewujudkan pembangunan yang berdisiplin.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Penjelasakah atau apa?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan sedikit. Dari Sarawak okaylah, Yang Berhormat ya!
(Ketawa)

Yang Berhormat tadi bercakap mengenai disiplin pemimpin-pemimpin. Adakah pihak Yang Berhormat begitu confident bahawa pemimpin-pemimpin PAS juga adalah golongan yang berdisiplin dan lebih berdisiplin hinggakan boleh mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin lain tidak berdisiplin.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Setakat saya tahu hari ini pemimpin PAS tidak lagi timbul apa-apa masalah. Tetapi yang timbul adalah masalah pemimpin UMNO. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan serta Kementerian Belia dan Sukan mempunyai peranan yang besar untuk mengawasi dan merancang supaya moral rakyat tidak terdedah kepada sebarang suntikan pengaruh asing yang menjejaskan moral dan iman rakyat tadi. Kata Saidina Omar r.a. yang bermaksud "kemusnahan Islam nanti" berlaku apabila orang Islam tidak mengenali Jahiliah."

Tuan Yang di-Pertua, kenalah rakyat diberitahu apa Jahiliah. Dan terangkan segala perbuatan Jahiliah supaya Jahiliah tidak menular ke dalam semua peringkat persekolahan dan pengajian bahkan ke dalam Dewan yang mulia ini bagi mengelakkan umat menyangka Jahiliah itu sebagai amalan Islam.

Kerana Kerajaan bertanggungjawab membuat berbagai-bagai Rancangan Pembangunan Lima Tahun maka tiba masanya kini Kerajaan mengadakan rancangan pembangunan ummah secara besar-besaran supaya timbul rasa kasih sayang manusia terhadap manusia, dan ada kasih sayang rakyat terhadap harta benda. Kalau kita mahu melihat wujudnya satu keadilan, satu perpaduan kaum, satu masyarakat yang padu dan terjalin kemesraan di kalangan umat yang berbilang kaum serta hidup aman sentosa dan makmur sebagaimana kita berdoa setiap kali mula bersidang maka pegang dan amallah falsafah yang berbunyi:

قوام الدنيا بأربع: يعلم العلماء وعدل
الأمرا وسخاوة الا غنيا ودعا الفقرا.

"Tegaknya dunia dan Negara atas sebab bersatunya empat golongan:

- (1) Tunjuk ajar para ulamak;
- (2) adilnya pemerintahan negara;
- (3) murah hati para hartawan; dan
- (4) berkat doa rakyat jelata yang menderita."

Insy Allah sesudah ini dilaksanakan akan terlaksana Belanjawan dan strategi yang tegak atas kekuatan sendiri tidaklah seperti Belanjawan yang seolah-olah mengikut style Amerika dan British tetapi dilaksanakan mengikut kemahuan Menteri Kewangan.

Belanjawan kita mengikut Belanjawan barat dari sudut cukai, penswastaan dan sebagainya tetapi gaya barat memberi saaraan kepada penganggur, elaun bagi setiap bayi dan orang tua, hak rakyat untuk mendapat jaminan

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa nanti sekejap. Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun minta jalan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta jalan secara ikhlas dari Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya berilah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Pada awal ucapan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bimbang tentang tidak datangnya pelabur asing ke negara ini. Sebab itu Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mahu kestabilan politik negara ini diwujudkan. Tetapi dalam ucapan sebentar tadi beliau menyebut bahawa kita tidak boleh mengikut style Amerika, tidak boleh mengikut style British, tidak boleh mengikut barat. Yang mana satu Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa hendak tuju ini. Sebab itu saya harap Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sepanjang saya dengar ucapan walaupun terselit dengan ayat-ayat Al-Quran, terselit cita-cita seperti yang dipancarkan melalui soalan peribadi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tetapi penekanan daripada keseluruhan sebahagian besar ucapan tidak mencerminkan cita-cita Islam yang diperjuangkan oleh PAS. Ini saya sangat dukacita dan saya register di dalam Dewan yang mulia ini tingkah laku Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Terima kasih.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta penjelasankah itu? (Ketawa) Atau dia beri peringatan kepada saya? (Ketawa). Saya rasa tidak payah jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):
Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh ia bangun selepas saya. Saya hendak habis.

Belanjawan kita mengikut belanjawan barat dari sudut cukai, penswastaan dan sebagainya tetapi gaya barat yang memberi saaraan kepada penganggur, elaun bagi setiap bayi dan orang tua, hak rakyat untuk mendapat jaminan sekiranya dibuang pekerjaan tidak disedari.

Oleh kerana ramai kawan-kawan dan sahabat-sahabat saya menunggu untuk mengambil peluang dan saya tidak hendak menghabiskan waktu untuk saya seorang saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya akhiri ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.57 ptg

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam) Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi turut sama membincangkan Anggaran Belanjawan 1988 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada petang Jumaat yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun ini telah meningkat kepada jumlah \$28,121 juta yang terdiri dari \$21,236 juta atau kira-kira 75% adalah untuk Belanja Mengurus dan \$6,895 atau kira-kira 25% untuk Belanja

Pembangunan. Berbanding dengan peruntukan asal pada tahun 1987 Anggaran Belanjawan 1988 adalah bertambah sebanyak \$709 juta atau kira-kira 2.5%.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini adalah wajar disokong. Ianya merupakan satu Belanjawan yang sederhana lagi berpatutan serta tidak membebankan rakyat yang berpendapatan rendah. Sebaliknya rakyat yang terdiri dari kalangan petani-petani adalah berasa gembira dan berasa lega dengan anggaran dan pengkalan bantuan-bantuan subsidi harga padi dan baja yang terus diberi bantuan oleh Kerajaan.

Demikian juga saya kira, Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan memberi galakan kepada penjaja-penjaja kecil untuk terus berusaha mengembangkan perniagaan mereka melalui kemudahan pinjaman khas di bawah skim Jaminan Kredit telah dinaikkan dari \$2,000 ke \$3,000 dan dalam kes-kes tertentu pinjaman ini boleh dinaikkan hingga \$5,000. Walau bagaimanapun, Kerajaan hendaklah memberi pengawasan yang rapi dan memastikan supaya penjaja-penjaja kecil ini tidak menjadi mangsa dari alasan-alasan yang diberikan oleh pihak-pihak yang memberi pinjaman dengan mengenyepikan hak-hak kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga patut mengalu-alukan rancangan Kerajaan hendak mengurangkan paras gaji kakitangan yang baru diambil walaupun barangkali ini tidak memuaskan hati setengah-setengah kumpulan dengan mendakwa bahawa Kerajaan akan kehilangan mereka yang berkebolehan dan mahir dalam bidang-bidang tertentu untuk lari ke sektor swasta dan sebagainya.

Tetapi dalam keadaan sekarang di mana jumlah pengangguran telah meningkat begitu tinggi adalah wajar

pengurangan paras gaji ini dilakukan dan selaras dengan itu juga Kerajaan hendaklah mewujudkan seberapa banyak peluang pekerjaan bagi mengatasi atau mengurangkan jumlah pengangguran di negara ini. Walau bagaimanapun, saya berharap penurunan paras gaji ini janganlah terlalu rendah sehingga tidak munasabah dan berpatutan dengan kebolehan dan kelulusan pekerja itu sendiri, terutama Kerajaan patut juga menimbangkan taraf hidup yang tinggi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk menghapuskan cukai keuntungan berlebihan sebanyak 3% bagi syarikat atau koperat yang memperolehi pendapatan dikenakan cukai lebih \$2 juta dan juga langkah melanjutkan tempoh elau pelaburan semula yang akan tamat pada 31hb Disember, 1968 kepada 31hb Disember, 1990, adalah merupakan satu insentif bagi syarikat pembuatan memperluas dan memperkembangkan aktiviti syarikat mereka di samping menarik lebih banyak pelabur melabur di negara ini. Walaupun begitu, dengan janji-janji Kerajaan supaya langkah permulaan menghapuskan 3% cukai keuntungan yang berlebihan itu akan membuka jalan bagi Kerajaan mengurangkan juga cukai pendapatan syarikat-syarikat yang mana pada masa ini cukai 40% dan cukai pembangunan 5% adalah dianggap tinggi dan Malaysia merupakan sebuah negara yang mengenakan cukai yang agak tinggi berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk membayar balik pinjaman luar negeri kira-kira \$2.4 billion dalam tahun 1987 ini patut dipuji dan ini adalah suatu langkah yang bijak kerana lebih banyak kita membuat bayaran awal pinjaman yang diperolehi ketika kadar faedah tinggi, lebih banyak dapat kita menjimatkan kos khidmat bayaran hutang. Selaras

dengan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Kerajaan terus menumpukan perhatian pinjaman dalam negeri supaya dapat menyelamatkan pertukaran mata wang asing terhadap negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, imbangan pembayaran terus bertambah baik di mana defisit akaun semasa terus menurun. Hari ini dapat kita perhatikan sejak tahun 1984 lagi defisit menurun kepada \$3.9 billion atau kira-kira 5.3% dari Keluaran Negara Kasar. Pada tahun 1985, ianya menurun lagi kepada \$1.7 billion atau kira-kira 2.4% dari Keluaran Negara Kasar dan pada tahun 1986 defisit menurun kepada \$0.8 billion atau kira-kira 1.2% Keluaran Negara Kasar. Kita berasa bangga bila Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan dalam Ucapan Belanjawannya bahawa akaun semasa tahun ini akan mencatat lebihan \$2 ribu juta berbanding dengan defisit sebanyak \$770 juta pada tahun 1986 dan ini merupakan kali pertama sejak tahun 1979 akaun semasa kita menunjukkan kelebihan. Selaras dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan supaya prestasi eksport barang-barang pembuat hendaklah dilipatgandakan lagi khususnya dalam bidang tekstil, barang-barang elektrik dan elektronik, bahan-bahan yang berasaskan kayu dan getah, kasut dan sebagainya, di samping kempen terus menerus tentang pemasaran harga barangan komoditi di luar negeri hendaklah juga dilipatgandakan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan memperuntukkan sebanyak \$5 juta Simpanan Luar Jangka adalah satu langkah yang harus dipuji dan ini merupakan langkah berjaga dan berjimat-cermat dan hanya digunakan apabila keadaan sangat-sangat memerlukan atau mendesak. Simpanan Luar Jangka ini patut juga

dipertingkatkan lagi bila keadaan mengizinkan dan langkah yang diambil pada Belanjawan kali ini bolehlah dikira satu langkah yang bijak dan belum dianggap terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan hendak menjual pegangan dalam MISC dan MAS kepada Bank Negara juga adalah satu langkah yang patut diberikan pujian kerana ianya akan dapat memperbaiki kedudukan kewangan sektor awam melalui pembayaran dividen yang lebih tinggi kepada Kerajaan, juga dapat mengurangkan beban hutang luar negeri, mengurangkan pembayaran faedah hutang dan mengatasi kos pembayaran balik hutang tambahan dalam negeri. Dengan penjualan dua asset Kerajaan yang penting ini adalah diharapkan Kerajaan akan dapat membayar lebih awal pinjaman luar negeri, mengukuhkan kedudukan kewangan dan imbangan pembayaran dalam jangkamasa yang sederhana. Bagi Bank Negara pula pembelian dua saham penting ini adalah merupakan satu pelaburan yang dikira akan menguntungkan dalam jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menambah sumber pendapatan negara, saya suka mencadangkan supaya Kerajaan berusaha bersungguh-sungguh bagi mendapatkan semula harta karun yang berjumlah beribu-ribu juta ringgit yang telah terbenam di dasar laut di sekitar perairan Semenanjung Malaysia. Harta karun ini adalah tenggelam bersama-sama kapal-kapal barang Portugis, kapal dagangan Sepanyol dan Kompeni India Timur Belanda pada kira-kira ke 14. Dari sumber-sumber yang boleh dipercayai ada lebih kurang 2,500 kapal yang telah karam di sepanjang pantai Laut Cina termasuk kepulauan Melayu. Hari ini tumpuan pemburu-pemburu harta karun ini, harta karam yang menggunakan teknologi tinggi adalah tertumpu terhadap kepulauan Melayu.

Harta karam yang terbenam di dasar laut masih belum dijumpai lagi. Apatah lagi di kepulauan Melayu ini yang berada di tengah-tengah laluan perdagangan yang sibuk dan menjadi rebutan oleh kuasa-kuasa besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa Kerajaan dan mencadangkan supaya pihak Kerajaan bersungguh-sungguh mencari harta karun ini kerana saya bimbang pakar-pakar pencari harta karun akan mengambil kesempatan mencuri harta-harta karun ini dengan kepandaian dan kemahiran yang ada pada mereka dengan kapal-kapal yang dilengkapi alat-alat moden dan penyelam-penyelam yang menggunakan alat-alat yang sophisticated. Sebagai bukti, Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu kita mendengar penemuan kapal karam dekat Mersing, Johor, sebuah kapal Belanda yang karam dengan membawa gading-gading dan ketul-ketul bijih timah dan emas. Malangnya ketul-ketul emas itu sudah pun lesap.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada Belanjawan 1988 ini, saya ingin menarik perhatian kepada rancangan Kerajaan bagi membayar balik pampasan sebanyak \$292.5 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor. Bayaran ini adalah untuk pembayaran kepada pengambil Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan. Saya difahamkan bahawa pampasan ini akan berakhir pada tahun 1990. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan Pusat supaya menimbang semula tarikh ini supaya dapat melanjutkan tempoh ini kerana Negeri Selangor juga sedang membangun sebuah bandar baru Shah Alam sebagai ibu negeri yang mempunyai dan memerlukan bantuan dan juga kewangan yang tinggi. Di samping itu, negeri Selangor dengan sumbangan dan juga kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Kerajaan Pusat

termasuk sumber-sumber daripada Pelabuhan Kelang yang banyak dikaut oleh Kerajaan Pusat dan juga dari sumber Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang patut ditimbang semula sebagai khazanah dan pendapatan negara. Oleh itu, dalam membuat penilaian semula kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, bantuan kepada Negeri Selangor hendaklah ditimbang dengan alasan-alasan bahawa pembangunan bandar baru Shah Alam masih lagi memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Belanjawan tahun ini terutamanya apabila Kerajaan telah memberikan peruntukan yang lebih kepada Kementerian Pertahanan. Seperti yang saya telah sebut pada Belanjawan tahun yang lalu bahawa peruntukan kepada Kementerian ini hendaklah ditingkatkan, hendaklah ditambah memandangkan kepada keperluan semasa. Kita mengakui bahawa pertahanan negara kita hari ini dengan peruntukan yang begitu kecil, dengan peruntukan yang terbatas tidak dapat menandingi ketahanan negara-negara yang lain terutamanya negara jiran. Kita bimbang dengan kemasukan dan pencerobohan yang baru-baru ini sama ada pencerobohan ruang angkasa kita atau pencerobohan kemasukan tentera asing yang mendarat di sungai-sungai kita yang telah dapat dipandang oleh nelayan kita. Pihak Kerajaan telah menyelesaikan perkara ini dan saya berharap perkara ini akan terus dapat diatasi dengan pertambahan dan peruntukan yang lebih tinggi bagi Kementerian ini menyediakan alat-alat kelengkapan tentera ataupun senjata-senjata moden bagi mempertahankan negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kita tahun ini telah mengagihkan suatu peruntukan kepada Kementerian baru, Kementerian

Pelancongan. Saya inginlah menarik perhatian kepada Kementerian ini dalam usaha menarik pelancong datang ke negeri ini janganlah hendaknya budaya kita tercemar dan budaya kita dinodai kerana sematamata ingin menarik pelancong-pelancong datang ke negeri ini. Oleh itu kita mestilah menonjolkan kebudayaan tempatan kita kepada pelancong-pelancong luar. Keindahan-keindahan pulau yang terdapat di sekeliling negara kita ini hendaklah dijaga dengan baik sama ada dari segi pantai atau daerah pulau-pulau tersebut.

Selaras dengan itu saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah mengawal dan memiliki seluruh pulau-pulau yang ada di negara kita hari ini dan hendaknya tidak ada orang perseorangan ataupun keluarga yang memiliki pulau-pulau tersebut. Sekiranya ini ada, Kerajaan Pusat hendaklah berusaha untuk menarik balik dengan membayar pampasan kepada mereka yang berkenaan supaya keindahan dan penjagaan pulau ini dapat dipertanggungjawabkan terus kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh kepada keadaan sekarang ini khususnya dalam semangat mengembalikan perpaduan orang-orang Melayu. Saya suka menarik perhatian Kerajaan terus meningkatkan penggunaan tulisan Jawi. Pada masa ini tulisan Jawi amat kurang digunakan baik menerusi surat-menyurat atau papan-papan tanda ataupun dalam urusan pentadbiran seharian. Kalangan akhbar juga hanya dengan adanya *Utusan Melayu* satu-satunya suratkhbar yang ditulis dalam tulisan Jawi yang saya kira ada kaitan dengan kelahiran semangat nasionalisme Melayu di mana pada peringkat awal tulisan Jawi hanya diajar dan dipelajari di sekolah-sekolah pondok

yang melahirkan para nasionalis kita dan hari ini tulisan ini hampir tidak begitu berjaya dengan sebab kemungkinan Dasar Pelajaran kita yang menitikberatkan kepada tulisan Rumi.

Oleh itu, sama ada di sekolah di bawah sistem yang baru ataupun pihak Kerajaan sendiri ataupun semua pihak mestilah memainkan peranan terutamanya kepada akhbar-akhbar supaya terus memberikan peranan dan perhatian dan juga kepada pertubuhan supaya tulisan Jawi ini akan terus hidup. Ianya akan membawa kepada satu kejayaan kepada agama Islam yang ada kaitan dengan tulisan Jawi ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang peruntukan Belanja Pembangunan yang saya kira bernilai \$6 bilion lebih, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana masih menumpukan perhatian pembangunan ini kepada daerah luar bandar. Walaupun pada tahun yang lalu dan tahun-tahun yang lepas Kerajaan juga terus menumpukan perhatian kepada luar bandar dan kali ini perbelanjaan 2/3 dari pembangunan ini terus ditumpukan ke daerah luar bandar, saya berharap pihak Kerajaan akan menggunakan peruntukan ini bagi membangunkan daerah luar bandar khasnya kepada keperluan-keperluan asas, prasarana yang tidak sempurna hendaklah disempurnakan sama ada jalan-jalan raya yang masih belum diturap dengan tar atau tanah merah, begitu juga dengan jalan-jalan kecil di dalam kawasan kampung. Ini juga termasuk paip-paip air dan api. Paip air dan api masih lagi memerlukan perkhidmatan yang penting di mana setengah kampung masih belum mendapat peruntukan ini dan masih ada yang tertinggal.

Oleh itu saya mengambil kesempatan ini menyeru kepada pihak Kerajaan agar terus menggunakan

peruntukan pembangunan luar bandar ini bukan sahaja pada tahun ini tetapi tahun-tahun akan datang bagi menjadikan daerah luar bandar akan terus membangun dan seluruh rakyat Malaysia khususnya yang tinggal di luar bandar akan mendapat faedah semaksimum yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap tentang luar bandar, kita masih teringat kepada penghidupan di luar bandar khususnya petani-petani di daerah-daerah di Tanjong Karang, Sabak Bernam dan sebagainya. Pada masa yang lalu mereka bergantung semata-mata kepada pertanian. Walaupun Kerajaan telah memperuntukkan belanjawan yang tinggi kepada Kementerian Pertanian, saya sukalah menarik perhatian bahawa usaha-usaha kepada meningkatkan pendapatan petani ini hendaklah dipertingkatkan lagi dengan sistem perairan yang moden, dengan Rancangan Barat Laut, Rancangan Krian-Sungai Manik dan sebagainya. Usaha-usaha perairan yang baik hendaklah diperhatikan terus menerus bagi mengeluarkan hasil pertanian yang lebih produktif.

Tuan Yang di-Pertua, pengawasan penjagaan kepada sistem perairan ini adalah penting. Selain dari itu juga pengawasan kepada musuh-musuh yang melanda penanaman, melanda hasil tanaman petani-petani mestilah dipertingkatkan oleh Kementerian ini kerana kita tidak mahu berlaku seperti yang terjadi baru-baru ini di kawasan Tanjong Karang di mana satu penyerangan dari wabak tikus melanda daerah itu sehingga telah disiarkan oleh TV3 seolah-olah kawasan Tanjong Karang ini terus berperang dengan musuh yang dinamakan tikus.

Inilah satu contoh yang perlu diperhatikan oleh Kementerian ini dalam menjaga hasil-hasil tanaman. Kita tidak mahu apabila perkara ini menjadi satu wabak barulah pihak

yang berkenaan membuat penyiasatan dan membuat kawalan, membuat pagar dan sebagainya. Persiapan-persiapan awal hendaklah disediakan. Dengan cara itu barulah kita boleh mengatasi segala kemungkinan yang mungkin timbul dan dengan ini usaha-usaha petani tidak akan hilang dengan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya suka menekankan ialah soal semangat yang dinaikkan atau semangat yang dinyanyi bagi menghidupkan semula semangat Bulan Bahasa. Bulan Bahasa telah dilancarkan kira-kira dalam tahun 1960—1967 yang lalu dengan memulakan dengan Hari Bahasa, Minggu Bahasa, Bulan Bahasa dan Tahun Bahasa. Hendaknya Bulan Bahasa tidak timbul lagi. Seluruh rakyat di Malaysia ini tentunya akan mengamalkan Bahasa Kebangsaan ini sebagai bahasa pertuturan harian dan tidak timbul soal hendak memulihkan semula semangat Bulan Bahasa ini. Tetapi oleh kerana adanya terdapat di kalangan rakyat Malaysia yang tidak suka menggunakan bahasa ini dan tidak mahu melaksanakan falsafah bahasa ini, maka Kerajaan terpaksa menerusi Kementerian Penerangan menghidupkan semula kempen Bahasa Kebangsaan ini. Saya mengalu-alukan dan menyokong penuh di atas langkah ini terutamanya di zaman-zaman mutaakhir ini kerana penggunaan bahasa dengan semangat bahasa ini mudah-mudahan akan terus dapat menyatupadukan rakyat berbilang bangsa di negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan khususnya bagi pihak petani-petani kerana Kerajaan pada tahun ini terus mengekalkan bantuan-bantuan kepada pihak petani seperti yang telah disuarakan oleh sahabat saya dari Jerai, kawasan pertanian. Pengekalan subsidi harga padi yang diberikan oleh Kerajaan kepada

petani yang saya kata pada peringkat awal tadi melegakan petani-petani. Adalah diharapkan dengan pengkalan subsidi ini, walaupun harga padi tidak dinaikkan, tetapi dengan bantuan harga padi ini akan terus menjamin penghidupan petani-petani dan diharap petani-petani akan dapat menggunakan bantuan ini dengan sebaik-baiknya. Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah penghargaan kepada pemberian kupon-kupon ini mestilah dikawal dengan berhati-hati. Oleh itu Kementerian yang berkenaan hendaklah berwaspada kerana kita tidak mahu ada mereka yang mengambil kesempatan menyalahgunakan bantuan ini dengan membuat perkiraan-perkiraan yang tertentu dan akhirnya ini akan merugikan kepada petani-petani sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ketinggalan mengingatkan kepada Kementerian Kesihatan kerana Kementerian ini dengan tambahan peruntukan pada tahun ini yang agak tinggi, supaya terus memberikan perhatian kepada daerah-daerah pedalaman. Bila saya berkata daerah pedalaman ini, tentulah saya tidak tinggalkan daerah saya sendiri—Sabak Bernam yang telah ketinggalan dalam bidang ini. Saya menarik perhatian di sini khususnya Kementerian berkenaan walaupun saya kira peruntukan pembinaan hospital-hospital, saya lihat untuk daerah saya sendiri hanya token \$10. Ini hendaklah diambil perhatian bagi tahun-tahun akan datang kerana projek ini telah pun diluluskan beberapa tahun yang lalu. Sepatutnya ia telah boleh memberikan perkhidmatan. Saya mendapat tahu tender untuk membuat projek ini telah diluluskan dan telah ditenderkan pada tahun 1982. Tetapi oleh kerana perubahan dasar dengan turnkey projek, ianya telah dibatalkan. Oleh itu, saya menyeru kepada Kementerian ini sampailah masanya bagi menimbangkan semula

dan memberi perhatian dan keutamaan kepada projek daerah ini bila rancangan penyemakan semula Rancangan Malaysia ke Lima dilakukan. Saya serahkan kepada Kementerian ini bagi mengatasi masalah ini. Walaupun saya katakan dan saya pernah menegur Kementerian ini kerana di setengah-setengah tempat berbelanja begitu tinggi dengan pembinaan yang mewah seperti yang berlaku di Teluk Intan, kalaulah sebahagiannya itu dapat diagihkan ke Daerah Sabak Bernam, ianya tentu akan menyelesaikan masalah penduduk di Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menarik perhatian kepada masalah yang berlaku dalam sistem penswastaaan kita. Sistem penswastaaan yang dilancarkan oleh Kerajaan khususnya saya menarik perhatian dalam Kementerian Pengangkutan. Janganlah pihak Kerajaan hanya memilih-milih syarikat-syarikat yang mendapat keuntungan sahaja yang diambil dan dimiliki oleh Kerajaan. Sepatutnya syarikat-syarikat yang tidak untung juga perlulah diswastakan kerana dengan itu diharapkan pihak swasta yang benar-benar ingin memajukan syarikat-syarikat berkenaan akan memperlihatkan kemampuan dan kebolehan bagi mengurus syarikat-syarikat berkenaan untuk mencapai kejayaan, mencapai kemajuan dan seterusnya memperoleh keuntungan.

Mengenai Kementerian Pengangkutan, saya suka menyentuh soal pembinaan lebuh raya-lebuh raya yang begitu menarik, begitu indah ini. Saya takut terutamanya KTM, khususnya penumpang-penumpang atau pengguna-pengguna akan terus mengalihkan perhatian kepada penggunaan jalan raya yang begitu menarik dan akhirnya KTM tidak mendapat tempat di hati rakyat. Oleh itu sampailah masanya kepada Kementerian Pengangkutan khususnya KTM mengkaji semula

kedudukannya dan mengubahsui serta memastikan tempat-tempat yang mempunyai strategi yang patut diadakan, mana yang tidak perlu hendaklah ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa pun sudah hampir, saya kira baiklah saya tamatkan bagi membolehkan kawan saya memulakan ucapannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Keluang.

6.29 *ptg.*

Puan Ling Chooi Sieng (Keluang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1988.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Mahkamah Rendah telah dipinda dan bidang kuasa Hakim Mahkamah dan Majistret Kelas Satu telah bertambah. Seajar dengan pindaan ini, Mahkamah Majistret Kelas Dua telah dihidupkan kembali dan digelar sebagai Mahkamah Tuntutan Kecil, dengan izin, Small Claims Court

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh sambung esok.

Puan Ling Chooi Sieng: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.